



# LAPORAN EKONOMI 2016/2017

NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM





## Senarai Kandungan

TAJUK	M/S
<b>BAB 1 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016</b>	
PENDAHULUAN	6
PERSEKITARAN EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2016	6
Pertumbuhan ekonomi dunia lebih sederhana	6
Ekonomi dunia mencatat pertumbuhan paling rendah sejak Krisis Kewangan	7
Ekonomi Singapura	7
EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2016	8
Ekonomi Malaysia Mencatat Pertumbuhan Positif Di Dalam Persekitaran Ekonomi Yang Bergolak	8
Permintaan Dunia Sederhana Dalam Keadaan Harga Komoditi Yang Lemah Pada Tahun 2016	9
Pertumbuhan Ekonomi Negara Disokong Oleh Permintaan Domestik	9
Pengeluaran Sektor-Sektor Ekonomi	10
Pertumbuhan KDNK Malaysia Pada Tahun 2016	10
EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016	11
Ekonomi Negeri Johor Tumbuh Sederhana Tetapi Menyeluruh Di Semua Sektor Pengeluaran	11
Prestasi Sektor-Sektor Pengeluaran Negeri Johor Di Tahun 2016	11
Sektor Utama	11
Sektor Perindustrian	12
Sektor Perkhidmatan	12
Perkembangan Harga Di Negeri Johor Di Tahun 2016	12
Harga Pengguna	12
Harga Pengeluar	14
Pertumbuhan KDNK Negeri Johor Pada Tahun 2016	14
EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2016	16
TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016	17
Penawaran Tenaga Buruh	17
Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Kategori Pekerjaan	18
Kadar Pengangguran	18
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	20
Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi	22
Tenaga Buruh	23
PELABURAN KE DALAM NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016	23
Perkembangan Pelaburan Ke Dalam Negara	23
Pelaburan Ke Dalam Negeri Johor	26

TAJUK	M/S
<b>BAB 2 : PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016</b>	
PENDAHULUAN	30
PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016	30
PRESTASI PENGELUARAN SEKTOR UTAMA	31
SEKTOR PERTANIAN	31
TANAMAN UTAMA	31
Kelapa Sawit	31
Getah	34
PERIKANAN	35
TERNAKAN	37
PERHUTANAN	38
PERTANIAN LAIN	38
Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Pertanian Negeri Johor	40
SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN	41
SEKTOR PEMBUATAN	42
Pengeluaran Industri Berorientasikan Eksport	42
Pengeluaran Industri Berorientasikan Domestik	43
Pelaburan Dalam Sektor Pembuatan	44
SEKTOR PEMBINAAN	44
Pembinaan Unit Kediaman	45
Pembinaan Bangunan Industri	46
Pembinaan Pejabat Binaan Khas	47
Pembinaan Kompleks Perniagaan	48
Pembinaan Kompleks Riadah	48
<b>BAB 3 : SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016</b>	
PENDAHULUAN	50
SEKTOR UTILITI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016	50
Utiliti	50
Air	51
Elektrik	53
PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN	55
Perdagangan Borong	56
Perdagangan Runcit	56
Hotel dan Penginapan	58
Perkhidmatan Restoran	59
SEKTOR PELANCONGAN	60
Arah Aliran Pelancongan dan Sumbangan Pelancongan Domestik	60
PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI	62



## Senarai Kandungan

TAJUK	M/S
Pengangkutan Darat	63
Pengangkutan Jalan Raya	63
Pengangkutan Keretapi	66
Pengangkutan Laut	67
Pengangkutan Udara	69
Telekomunikasi	72
Penyimpanan dan Penghantaran	73
KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN	75
Perkhidmatan Kewangan dan Insurans	75
Perkhidmatan Perniagaan Hartanah	76
Perkhidmatan Perniagaan Professional	77
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN	79
PERKHIDMATAN KERAJAAN	81



### BAB 4: PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2016

PENGENALAN	84
PERKEMBANGAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DI DALAM TEMPOH 10 TAHUN, 2006-2015	85
MEMPERKEMASKAN PERANAN PEMUDAHAN (FACILITATION) IRDA	85
MEMPERKUKUHKAN SEMBILAN SEKTOR PENGALAK EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DAN MENINGKATKAN EKOSISTEM PEMUDAHAN	86
MENINGKATKAN PEMBOLEHCARAAN	87
Akses dan Kesambungan: Darat, Udara dan Rel	87
ICT (Telekomunikasi), Tenaga dan Air	87
Modal Insan	87
PENGUKUHAN EKOSISTEM PKS	88
INISIATIF DI DALAM SEKTOR-SEKTOR TERPILIH	88
Sektor Pelancongan	88
Sektor Penjagaan Kesihatan	89
Hospital Swasta dan Suit Perubatan (Medical Suites)	90
Pembangunan "Destinasi Kreatif Baru Asia"	91
Tapak Asas dan Pendorong Untuk Ekosistem Filem/TV: PIMS and FJ	91
Tapak Asas Untuk Ekosistem Games/ Gamification: MaGIC-X	91
Pengukuhan Seni Budaya dan Warisan	91
EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2016	92
Pertumbuhan KDNK Wilayah Iskandar Malaysia Pada Tahun 2016	92

TAJUK	M/S
PERTUMBUHAN NILAI DITAMBAH SEKTOR DAN SUMBANGAN KEPADA KDNK ISKANDAR MALAYSIA	93
Sektor Perindustrian	94
Sektor Perkhidmatan	94
Prospek Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia Bagi 10 Tahun Ke Hadapan	95
PASARAN PEKERJA DAN GUNATENAGA WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA PADA TAHUN 2016	95
Taburan Penduduk	95
Tenaga Buruh	96
Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan	97
Taburan Tenaga Kerja Mengikut Industri	98
PELABURAN KE DALAM ISKANDAR MALAYSIA	100

### BAB 5 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

PENGENALAN	104
EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2017	104
EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2017	105
Sektor Luaran	105
Permintaan Global	105
Harga Komoditi	106
Permintaan Dalam Negeri	106
Situasi Harga	106
Pertumbuhan KDNK Malaysia Pada Tahun 2017	107
EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	108
Unjuran KDNK Negeri Di Tahun 2017	109
Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri	109
Prospek Sektor Pembinaan Negeri Johor Di Tahun 2017	110
Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Negeri	111
EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2017	111
Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Iskandar kepada KDNK	112
TINJAUAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DALAM 10 TAHUN KE HADAPAN	113
UNJURAN TABURAN TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	114



# EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016

LAPORAN EKONOMI 2016/2017 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

## PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan prestasi ekonomi makro negeri Johor di Tahun 2016. Perbincangan bermula dengan pembentangan ringkas maklumat mengenai prestasi dan arah aliran (*trend*) persekitaran ekonomi dunia. Ini diikuti oleh perbincangan mengenai arah aliran ekonomi beberapa negara maju, termasuk Amerika Syarikat (AS), Rantau Euro, Republik Rakyat China (China), dan Jepun. Perbincangan ini adalah bertujuan memberikan gambaran kesan luaran kepada ekonomi Malaysia dan Johor yang amat terbuka dan berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara-negara lain.

## PERSEKITARAN EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2016<sup>1</sup>

Pada tahun 2016 keadaan ekonomi dan persekitaran kewangan dunia dipengaruhi oleh tiga perkembangan utama:

- (i) harga komoditi dunia yang jatuh mendadak dan memberi kesan yang ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeksporth dan pengimport komoditi;
- (ii) pasaran kewangan antarabangsa yang bergolak (volatile) akibat daripada peralihan dasar dalam ekonomi-ekonomi utama, aktiviti-aktiviti spekulatif dan tindakan-tindakan penghindaran risiko yang diburukkan lagi oleh kejatuhan harga minyak mentah;
- (iii) Pertumbuhan sederhana di kalangan ekonomi negara-negara maju yang tidak cukup untuk mengimbangi pertumbuhan sederhana ekonomi negara-negara sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, ekonomi negara-negara sedang pesat membangun masih kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi dunia.

Kadar pertumbuhan KDNK dunia bagi tahun 2016 adalah yang paling rendah sejak selepas krisis Kewangan Dunia. Untuk tahun kedua berturut-turut perdagangan antarabangsa mencatat

kadar pertumbuhan lebih rendah daripada kadar pertumbuhan KDNK dunia. Pertumbuhan yang lebih sederhana ini adalah disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang perlahan di kebanyakan ekonomi. Ini berlaku di dalam keadaan peningkatan di dalam ketidakpastian politik dan ketidakpastian dasar di negara-negara maju. Bagi beberapa negara, pemulihan yang berterusan menjadi matlamat yang sukar dicapai. Ekonomi beberapa negara telah menjadi bertambah lemah akibat pengecilan jurang di antara dasar konvensional dan tidak konvensional. Hutang dunia meningkat dalam situasi pelonggaran kuantitatif yang dilaksanakan di banyak negara manakala kadar peningkatan produktiviti kekal rendah. Manfaat daripada pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan di banyak negara masih belum terhasil sepenuhnya. Keraguan yang kian meningkat terhadap manfaat globalisasi diperlihatkan melalui referendum Brexit di United Kingdom dan keputusan pilihan raya Presiden AS. Ini menimbulkan kebimbangan tentang masa hadapan ekonomi dunia. Dalam keadaan ini, banyak negara berhadapan keadaan yang semakin sukar untuk menjana pertumbuhan jangka pendek. Pada masa yang sama, negara-negara ini juga menghadapi kesukaran untuk melaksanakan pembaharuan bagi mencapai pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang; sesuatu yang perlu tetapi sukar untuk dicapai.

### Pertumbuhan Ekonomi Dunia Lebih Sederhana

Pertumbuhan ekonomi dunia menjadi sederhana untuk tahun kedua berturut-turut sejak tahun 2015. Ini berbeza daripada jangkaan awal bahawa ekonomi dunia di tahun 2016 akan lebih baik. Dana Monetari Antarabangsa (IMF) telah mengecilkan unjuran awal pertumbuhan dunia daripada 3.4% pada Januari 2016 kepada 3.1% pada Oktober 2016. Pertumbuhan perdagangan dunia adalah sederhana pada tahun 2016 disebabkan oleh pertumbuhan pelaburan yang perlahan dan merentas ekonomi-ekonomi utama serta pengimbangan semula ekonomi di China. Kuantiti perdagangan dunia bagi barangan dan perkhidmatan berkembang pada kadar yang perlahan.

<sup>1</sup> Petikan daripada Laporan Bank Negara 2016 yang dikeluarkan pada awal 2017 dan Laporan Ekonomi Malaysia 2016/2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada akhir 2016.

## Ekonomi dunia mencatat pertumbuhan paling rendah sejak Krisis Kewangan

Sebahagian besar negara maju mencatat pertumbuhan yang sederhana, sebahagiannya disebabkan oleh pelaburan yang perlahan. Di AS, penggunaan swasta yang sederhana telah mengakibatkan pertumbuhan KDNK yang lebih rendah pada tahun 2016 berbanding 2015. Pertumbuhan pendapatan adalah perlahan walaupun keadaan pasaran pekerja adalah stabil. Di kawasan Euro, pada keseluruhannya, pemberian pinjaman perniagaan merosot dan sentimen perniagaan adalah lemah. Ini adalah akibat daripada peningkatan di dalam ketidakpastian dasar dan politik yang meningkat di negara-negara anggota. Walaupun UK mengalami keputusan tidak dijangka referendum Brexit untuk meninggalkan EU, ekonomi UK tumbuh pada kadar 1.8%, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang meningkat. Harga rumah yang meningkat dan pasaran pekerja yang bertambah kukuh terus menyokong perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun aktiviti pelaburan, terutamanya dalam pelaburan harta bukan kediaman dan pembinaan serta kelengkapan pengangkutan dan aset, masih lemah.

Pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun adalah lebih perlahan daripada yang dijangkakan. Harga komoditi merosot dengan lebih besar berbanding unjuran awal. Ini telah mempengaruhi kadar pemulihan di beberapa wilayah di Amerika Latin dan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS). Kekangan terhadap pertumbuhan, khususnya kelemahan aktiviti penggunaan swasta terus wujud. Ini mencerminkan kesan tindakan pembaharuan struktur ekonomi, termasuk yang berkaitan dengan tenaga, percukaian dan harga. Mata wang kebanyakan negara ekonomi sedang pesat membangun turut terjejas oleh pergolakan (*volatility*) aliran modal yang berpunca daripada tindakan penghindaran risiko yang semakin ketara. Permintaan luaran yang perlahan, yang dicerminkan oleh kesederhanaan aktiviti perdagangan dunia, terus memberikan kesan kepada ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun yang lebih terbuka. Ekonomi China tumbuh secara lebih beransur-ansur disebabkan oleh kesan perubahan beransur-ansur daripada model pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada model yang didorong oleh penggunaan. Ini memberi kesan pembaharuan dalam industri berat, seperti keluli, arang batu dan simen.

Sebahagian besar ekonomi di rantau Asia yang lain mencatat pengembangan yang relatifnya adalah lebih kukuh. Ini lantas membolehkan rantau tersebut berkembang dengan lebih pantas berbanding dengan ekonomi sedang pesat membangun yang lain. Tumpuan yang lebih pada penambahan pelaburan infrastruktur oleh sektor awam dan swasta telah menyokong perbelanjaan modal dan dijangka mengurangkan kekangan struktur bagi pertumbuhan masa hadapan. Pelaksanaan dan pengendalian langkah-langkah fiskal, monetari dan struktur tambahan untuk menyokong aktiviti ekonomi telah meningkatkan halatuju pertumbuhan rantau ini. Dari segi permintaan, prestasi eksport yang lemah telah diimbangi oleh keadaan permintaan domestik yang bertambah baik.

## Ekonomi Singapura

Bagi tempoh tiga bulan terakhir 2016 ekonomi Singapura berkembang pada kadar 1.8%, iaitu lebih tinggi daripada pertumbuhan tahun ke tahun. Ini adalah lebih tinggi daripada peratus pertumbuhan 1.2% yang disemak semula pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, ianya adalah pertumbuhan tahunan yang paling lemah di Singapura sejak 2009, apabila ekonomi dilanda krisis kewangan global dan merosot 0.6%. Tahun 2015, ekonomi Singapura telah meningkat 2.0%. Peningkatan yang kukuh dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan membantu menyokong pertumbuhan pada suku akhir 2016. Sektor perkilangan, yang membentuk 20% daripada ekonomi Singapura, berkembang 6.5% pada asas tahun ke tahun, lebih tinggi daripada pertumbuhan 1.7% pada suku sebelumnya. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh kelompok pembuatan elektronik dan bioperubatan, sama seperti kelompok kejuruteraan pengangkutan dan pengeluar umum yang terus menerima berkontrak. Berbanding dengan tiga bulan sebelumnya, sektor ini meningkat sebanyak 14.6% pada suku keempat, menandakan pemulihan yang ketara daripada penguncupan 8.1% dalam tempoh Julai-September 2016. Pertumbuhan dalam industri-industri penjana perkhidmatan mencapai 0.6% berbanding tahun 2015, sedikit lebih pantas daripada pertumbuhan 0.3% pada suku sebelumnya. Sokongan datang daripada sektor perkhidmatan-perkhidmatan lain, sektor pengangkutan dan penyimpanan dan sektor perkhidmatan perniagaan.

Pada asas suku tahun, industri-industri penjana perkhidmatan mencatatkan pemulihan besar-besaran dengan pengembangan pada kadar



tahunan sebanyak 9.4%, pembalikan daripada penguncupan 0.4% pada suku ketiga. Sektor pembinaan adalah satu-satunya yang berprestasi kurang baik dalam tempoh Oktober - Disember 2016, dengan penguncupan 2.8% pada asas tahun ke tahun, melanjutkan penurunan 0.2% pada suku sebelumnya. Penguncupan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam aktiviti pembinaan sektor swasta.

## EKONOMI MALAYSIA<sup>2</sup> DI TAHUN 2016

Pada tahun 2016, ekonomi Malaysia telah berhadapan dengan rintangan dari dalam dan luar negara. Walaupun beberapa kesan kejutan dalam negeri yang dialami sebelum ini telah beransur-ansur luput pada tahun 2016, prestasi pertumbuhan telah terjejas oleh risiko baharu yang timbul dan langkah penyesuaian yang berterusan terhadap kejutan dari luar negeri yang telah memberikan kesan kepada ekonomi negara sejak akhir tahun 2015. Walau bagaimanapun, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran ini, ekonomi Malaysia mencatat prestasi yang agak baik dengan meningkat 4.2% pada tahun 2016.

### Ekonomi Malaysia Mencatat Pertumbuhan Positif Di Dalam Persekitaran Ekonomi Yang Bergolak

Ekonomi domestik negara telah berhadapan dengan rintangan yang berpunca daripada kos sara hidup yang lebih tinggi dan sentimen peniaga dan pengguna yang sederhana di tahun 2016. Keupayaan isi rumah untuk membuat penyesuaian secara berterusan terhadap kos sara hidup yang semakin meningkat, khususnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, telah dilemahkan oleh keadaan pasaran pekerja yang lembap. Pada masa yang sama, sentimen perniagaan dan pengguna telah sedikit terjejas oleh beberapa faktor, di antaranya, keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu dan prestasi ringgit yang lemah secara berpanjangan.

Prestasi eksport dan aktiviti pelaburan negara secara relatifnya adalah sederhana di sepanjang tahun 2016 berikutan permintaan dunia yang perlahan dan harga komoditi yang rendah. Selain itu, perkembangan politik serta dasar makroekonomi di beberapa

negara maju, terutamanya di United Kingdom dan Amerika Syarikat, telah menimbulkan ketidakpastian dalam pasaran kewangan serta aliran keluar modal daripada negara-negara ekonomi sedang pesat membangun. Dalam suasana kesan kejutan domestik terdahulu yang semakin berkurangan, kesan daripada ketidakpastian ekonomi dunia ke atas ekonomi negara mungkin dapat dikurangkan dengan penyesuaian berterusan dalam perbelanjaan isi rumah, perbelanjaan perniagaan dan perbelanjaan Kerajaan.

Cabaran-cabaran dari dalam dan luar negeri yang diperihalkan di atas telah mengakibatkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam semua sektor ekonomi pada tahun 2016. Harga pengguna yang lebih tinggi dan ketidakpastian yang wujud mengakibatkan kesederhanaan di dalam pertumbuhan perbelanjaan isi rumah. Meskipun terdapat tanda-tanda kecil bahawa perbelanjaan mula pulih pada separuh kedua tahun 2016, perbelanjaan isi rumah secara keseluruhan kekal di bawah purata jangka panjang, iaitu 6.6% (1990-2015). Sementara itu pertumbuhan pelaburan adalah sederhana dengan wujudnya pelbagai kejutan kepada ekonomi dalam persekitaran perniagaan yang tidak menentu. Pada awal tahun 2016, unjuran hasil petroleum yang lebih rendah akibat kejatuhan harga minyak mentah telah menyebabkan Kerajaan membuat pengubahsuaian terhadap Bajet dalam langkah untuk menyusun semula keutamaan perbelanjaannya. Berikutan pengurangan dalam perbelanjaan Kerajaan, aktiviti ekonomi benar menjadi perlahan. Dalam sektor luar negeri, akaun semasa dalam imbalan pembayaran kekal dalam lebihan, namun jumlahnya adalah lebih kecil. Hal ini adalah disebabkan oleh lebihan perdagangan yang lebih rendah berikutan pertumbuhan eksport yang sederhana akibat permintaan dunia yang perlahan. Defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan juga menyebabkan lebihan akaun semasa menjadi lebih kecil. Akaun kewangan telah mencatat aliran keluar bersih. Meskipun pelaburan langsung mencatat aliran masuk bersih, aliran masuk pelaburan portfolio pada separuh pertama tahun 2016 telah dikecilkan oleh aliran keluar bersih yang lebih ketara pada separuh kedua tahun itu.

<sup>2</sup>Peremphalan mengenai situasi ekonomi Malaysia adalah merupakan sedutan dan ringkasan daripada analisis, telahan dan peremphalan yang terdapat di dalam Laporan Ekonomi Malaysia 2016/2017 serta Laporan Bank Negara 2016.

## Permintaan Dunia Sederhana Dalam Keadaan Harga Komoditi Yang Lemah Pada Tahun 2016

Dalam keadaan pertumbuhan yang lembap di kalangan rakan perdagangan utama dan harga komoditi yang terus jatuh, eksport kasar negara mencatat pertumbuhan 1.1% pada tahun 2016 (2015: 1.6%), yakni pertumbuhan yang paling rendah sejak tahun 2012. Eksport ke negara rakan perdagangan utama seperti China dan Jepun, yang jumlahnya merangkumi 20.6% daripada eksport kasar, masing-masing jatuh 2.9% dan 12.9%. Kebanyakan eksport ke China adalah lebih rendah akibat eksport komoditi dan eksport produk bukan berasaskan sumber yang lebih rendah. Sementara itu, eksport ke Jepun telah terjejas disebabkan permintaan LNG yang menurun selepas pembukaan semula loji kuasa nuklear yang sebelum ini ditutup susulan bencana Fukushima pada tahun 2011. Sebaliknya, eksport ke Amerika Syarikat (10.2%) meningkat 8.9%, didorong oleh permintaan yang berterusan terhadap separa konduktor. Sementara itu eksport ke rantau ASEAN (29.4%) meningkat 5.4%, sebahagian besarnya hasil daripada keaktifan eksport E&E dan produk petroleum. Secara keseluruhan, struktur perdagangan Malaysia yang pelbagai telah sedikit sebanyak membantu meringankan kesan daripada kemerosotan dalam ekonomi beberapa rakan eksport utama ke atas prestasi perdagangan Malaysia secara keseluruhan.

Pertumbuhan import kasar meningkat dengan lebih tinggi, iaitu sebanyak 1.9% (2015: 0.4%), sebahagian besarnya dibantu oleh import barangan modal yang lebih tinggi selaras dengan pelaksanaan projek infrastruktur yang sedang dijalankan dan pengembangan di dalam pelaburan yang berterusan. Di samping itu, import barangan pengantara mencatat penguncupan yang lebih kecil, disebabkan terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi input berkaitan bahan api berikutan harga komoditi yang lemah.

## Pertumbuhan Ekonomi Negara Disokong Oleh Permintaan Domestik

Pada tahun 2016 ekonomi Malaysia tumbuh positif walaupun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar di dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang perlahan di kalangan ekonomi maju, harga minyak yang terus rendah dan ketidakpastian pasaran kewangan antarabangsa. Sifat ekonomi terbuka Malaysia menjadikannya

terdedah kepada ketidakpastian luar ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, asas ekonomi negara kekal kukuh, dengan pasaran buruh yang stabil serta guna tenaga penuh; kadar inflasi yang terkawal; rizab asing yang mencukupi dan sistem kewangan yang kukuh dengan pengantaraan berkesan bagi menyokong ekonomi. Walaupun harga yang rendah telah menjejaskan eksport komoditi, kepelbagaian produk dan pasaran terus menyokong prestasi perdagangan Malaysia.

Permintaan domestik kekal berdaya tahan dan terus menjadi penggerak utama pertumbuhan. Penggunaan swasta yang menyumbang 53.3% kepada KDNK berkembang dengan disokong oleh pertumbuhan pekerjaan dan pendapatan yang stabil; pendapatan boleh guna tambahan dan persekitaran pembiayaan yang akomodatif. Aktiviti pelaburan swasta terus kukuh dengan disokong oleh projek baharu serta projek sedang dalam pelaksanaan di dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Pelaburan dalam sektor perlombongan, walau pun lebih perlahan, telah diimbangi oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petrokimia dan pembinaan kemudahan penyimpanan. Pelaburan swasta dijangka mendapat manfaat daripada langkah yang dilaksanakan untuk terus menambahbaik persekitaran perniagaan. Perbelanjaan sektor awam terus menyokong pertumbuhan, disamping kekal bergerak ke arah konsolidasi fiskal.

Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan KDNK. Sektor perkhidmatan kekal kukuh dengan disokong oleh subsektor berkaitan penggunaan seperti perdagangan borong dan runcit; perkhidmatan maklumat dan komunikasi; serta makanan, minuman dan penginapan. Sektor pembuatan berkembang dengan didorong oleh industri berorientasikan eksport, terutamanya produk E&E. Industri berorientasikan domestik seperti produk makanan dan kluster berkaitan pembinaan kekal kukuh sejajar dengan penggunaan domestik dan pelaksanaan projek infrastruktur. Sektor pembinaan berkembang berikutan peningkatan projek kejuruteraan awam dan pembinaan hartanah kediaman. Sektor perlombongan meningkat dengan disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Sebaliknya sektor pertanian merosot, sebahagian besarnya, akibat hasil minyak sawit yang rendah.



## Pengeluaran Sektor-Sektor Ekonomi

Pengeluaran **Sektor Pertanian** menguncup 5.1% akibat kemerosotan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan getah (2015: 0.3%). Walau bagaimanapun pengeluaran komoditi makanan seperti ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat. Pada tahun 2016 nilai ditambah sektor pertanian dianggarkan merosot 5.1% (2015: 1.3%).

Nilai ditambah subsektor kelapa sawit menguncup 15.2% disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah akibat keadaan cuaca yang tidak menggalakkan (2015: -0.4%). Pada tahun 2016 pengeluaran CPO merosot 15.3% kepada 18.0 juta tan metrik (2015: 1.4%; 20.0 juta tan metrik). Pada tahun 2016, harga purata CPO meningkat kepada RM2,556 setan metrik hasil kekangan bekalan akibat cuaca (2015: RM2,158 satu tan metrik). Sementara itu, stok pada akhir bulan menyusut kepada 1.5 jutaan metrik pada September 2016 (akhir September 2015: 2.6 juta tan metrik).

Nilai ditambah sektor getah merosot 9.7% berikutan cuaca buruk dan harga yang rendah. (2015: 1.0%). Pengeluaran getah merosot 9.3% kepada 415,385 tan metrik (2015: 0.8%; 457,954 tan metrik). Pada 2016 pengeluaran getah dianggarkan menguncup 10.0% kepada 650,000 tan metrik (2015: 8.0%; 722,122 tan metrik). Dalam tempoh Jan-Sep 2016 harga getah SMR20 berada pada purata RM5.17 sekilogram. Harga terendah dicatatkan pada Feb 2016 (RM4.27) (Jan-Sep 2015: RM5.27 sekilogram).

**Sektor perlombongan** meningkat sederhana pada kadar 1.4%, disokong oleh peningkatan output gas asli (2015: 7.8%). Nilai ditambah subsektor gas asli meningkat 1.9%. Sementara itu nilai ditambah subsektor minyak mentah meningkat pada kadar kecil 0.2%. Bagi tahun 2016 sektor perlombongan dianggarkan berkembang 1.1% (2015: 4.7%) dengan dipacu oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah dianggarkan merosot 2.1% terutamanya disebabkan oleh harga minyak mentah yang kekal rendah (2015: 9.8%).

Berikutan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, inventori yang tinggi dan bekalan daripada OPEC, harga minyak Brent didagangkan lebih rendah pada purata USD42 setong dalam tempoh Jan-Sep 2016 (Jan –Sep 2015: USD55.4 setong). Harga Brent didagangkan pada USD40 hingga USD45 setong

sepanjang 2016, mencerminkan ketidakpastian (*volatility*) ekonomi dunia dan lebih inventori yang berterusan.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** tumbuh 4.4% pada tahun 2016 (2015: 4.9%) dengan peningkatan output sebanyak 4.0%, disokong oleh industri berorientasikan eksport (2015: 4.9%). Peningkatan pengeluaran produk E&E dan produk berasaskan sumber menyumbang kepada prestasi industri berorientasikan eksport yang meningkat 4.2% (2015: 5.3%). Industri berorientasikan domestik berkembang 3.3% disokong oleh aktiviti pembinaan dan perbelanjaan pengguna yang berterusan. Bilangan pekerja merosot 0.1% dalam tempoh Jan-Jul 2016 (Jan-Jul 2015: 0.1%). Dalam tempoh suku kedua 2016 kadar penggunaan kapasiti berada pada 77.5% mencerminkan peningkatan pengeluaran (Suku 1 2016: 76.7%).

Nilai ditambah **sektor pembinaan** tumbuh 7.4% pada tahun 2016 (2015: 8.2%). Subsektor kejuruteraan awam dan subsektor kediaman mengimbangi pertumbuhan perlahan subsektor bukan kediaman. Keseluruhannya tiga subsektor ini menyumbang lebih 80% kepada keseluruhan aktiviti sektor pembinaan. Subsektor kejuruteraan awam menyumbang 33.2% kepada jumlah nilai kerja pembinaan. Ianya diikuti oleh subsektor bukan kediaman (32.1%), kediaman (29.8%) dan subsektor pembinaan khusus (4.9%). Aktiviti pembinaan didominasi oleh sektor swasta dengan sumbangan sebanyak 66.3%.

Pada tahun 2016, sektor **perkhidmatan** mencatat pertumbuhan 5.6% merangkumi 54.3% daripada KDNK (2015: 5.1%, 53.5%). Kumpulan perkhidmatan akhir meningkat 5.8% (2015: 6.1%) diterajui oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan, minuman dan penginapan. Kumpulan perkhidmatan perantara mencatat pertumbuhan 5.1% (2015: 4.5%) disokong oleh subsektor maklumat dan komunikasi serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu subsektor perkhidmatan kerajaan berkembang 4.9% (2015: 4.0%).

## Pertumbuhan KDNK Malaysia Pada Tahun 2016

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia Malaysia dianggarkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2016. Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2016 dianggarkan meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 4.2% pada harga malar 2010 (2015: 5.0%). Jumlah nilai ditambah bagi

tahun 2016 dianggarkan meningkat ke RM1,108,227 juta (2015: RM1,063,355 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM1,230,120 juta (2015: RM1,157,723 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM35,033 pada harga malar 2010 (2015: RM34,097), iaitu meningkat 2.7%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM38,886 (2015: RM37,123). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa

beli dianggarkan meningkat 4.1% ke USD27,292 (2015: USD26,228) (Sila rujuk Jadual 1.1). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM1,195,480 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2016 (2015: RM1,125,611). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM37,791 pada harga semasa bagi tahun 2016 (2015: RM36,093). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita ini dianggarkan bernilai USD26,523 (2015: USD25,501).

**Jadual 1.1** Ringkasan Prestasi Ekonomi Malaysia di Tahun 2016

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan	
	2015	2016	2015	2016
Penduduk ('000)	31,186	31,634	1.6%	1.4%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	1,063,355	1,108,227	5.0%	4.2%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	34,097	35,033	3.4%	2.7%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	1,157,723	1,230,120	4.6%	6.3%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	37,123	38,886	3.0%	4.7%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	26,228	27,292	4.5%	4.1%

Sumber: UPEN Johor/Laporan Ekonomi Malaysia 2017/2018

## EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016

### Ekonomi Negeri Johor Tumbuh Sederhana Tetapi Menyeluruh Di Semua Sektor Pengeluaran

Negeri Johor mendapat manfaat daripada kelestarian ekonomi negara dengan asas-asas yang kukuh yang merangkumi ekonomi yang pelbagai serta peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan yang teguh. Pada 2016, ekonomi makro Negeri Johor dianggarkan berkembang 5.7% (2015: 5.6%).

Permintaan domestik yang disokong oleh peningkatan perbelanjaan swasta menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan walaupun persekitaran luar tidak menentu. Pelaburan swasta berkembang pada kadar yang tinggi. Sebahagian daripada peningkatan ini telah dibantu oleh perbelanjaan modal sektor pembuatan dan perkhidmatan. Perbelanjaan modal syarikat awam bertumpu kepada sektor minyak dan gas (O&G), utiliti, pengangkutan dan komunikasi. Sementara itu, penggunaan awam mencatat pertumbuhan lebih rendah. Pelaburan swasta mengekalkan momentum pertumbuhan dan pelaburan di Wilayah Iskandar Malaysia dan Kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

### Prestasi Sektor-Sektor Pengeluaran Negeri Johor Di Tahun 2016

Dari sudut pengeluaran semua sektor ekonomi negeri, kecuali sektor pertanian, dianggarkan mencatat pertumbuhan positif pada 2016. Pertumbuhan keseluruhan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan perindustrian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti penggunaan di subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan, minuman dan penginapan. Pertumbuhan lebih tinggi subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyokong peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan. Sementara itu sektor pembuatan tumbuh dengan disokong oleh permintaan luar untuk produk E&E manakala sektor pembinaan kekal dengan kadar pertumbuhan melebihi 20% dengan penyediaan beberapa projek utama dalam tahun 2016.

### Sektor Utama

Sektor pertanian *menguncup* pada kadar 4.6% pada tahun 2016 (2015: 0.7%). Penguncupan ini, sebahagian besarnya, adalah disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) yang



lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengeluaran komoditi makanan berkembang sedikit pada tahun 2016. Subsektor komoditi makanan menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah penduduk luar bandar serta mewujudkan peluang pekerjaan. Output sektor kecil bukan komoditi, iaitu ternakan, perikanan dan pertanian lain dianggarkan meningkat dengan kadar yang minimal. Sektor pertanian dianggarkan menyumbang 13.4% kepada KDNK di tahun 2016 (2015: 14.9%).

Walaupun sektor perlombongan dan kuari hanya memberi sumbangan sekitar 0.1% hingga 0.2% pada KDNK Johor, ia mencatatkan peningkatan yang berterusan dari tahun-tahun 2012 hingga 2016. Dengan kadar pertumbuhan sekitar 17.0% pada tahun 2012, pada dasarnya ianya dianggap sebagai pertumbuhan yang tinggi. Ianya merekodkan kadar pertumbuhan yang agak menurun sedikit pada tahun 2014, iaitu pada kadar sebanyak 13.3% pada harga malar 2010. Tahun 2015 dan tahun 2016 pula, ianya mencatatkan pertumbuhan yang agak menurun sedikit iaitu 10.7% pada tahun 2015 dan diikuti dengan pertumbuhan 7.7% pada tahun 2016. Trend ini dijangkakan akan berterusan pada kadar yang mendatar pada tahun-tahun seterusnya.

### Sektor Perindustrian

Nilai ditambah sektor perindustrian menyumbang sebanyak 37.3% kepada KDNK negeri Johor di tahun 2016 (2015: 36.5%). Nilai ditambah sektor ini, secara keseluruhan, dianggarkan tumbuh sebanyak 6.9% bagi keseluruhan tahun 2016 (2015: 8.7%). Pertumbuhan yang lebih perlahan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan nilai ditambah sektor pembuatan yang lebih perlahan di dalam persekitaran aktiviti ekonomi yang sederhana. Fenomenon yang sama dianggarkan berlaku kepada sektor pembinaan yang juga dianggarkan tumbuh dengan lebih perlahan, iaitu pada kadar 19.0% (2015: 26.2%).

### Sektor Perkhidmatan

Nilai ditambah sektor perkhidmatan dianggarkan mencatat pertumbuhan 5.8% bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 (2015: 4.6%). Output sektor ini meningkat bagi tahun 2016 dengan menghasilkan sumbangan nilai ditambah sebanyak 47.1% kepada KDNK negeri (2015: 47.0%). Kumpulan *perkhidmatan perantara* meningkat disokong sektor Kewangan &

Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 2.6% (2015: 1.4%). Sementara itu, nilai ditambah kumpulan *perkhidmatan akhir* meningkat diterajui sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan Dan Restoren yang tumbuh 6.2% (2015: 6.9%) serta *perkhidmatan lain* yang tumbuh 5.7% (2015: 4.2%).

## Perkembangan Harga Di Negeri Johor Di Tahun 2016

### Harga Pengguna

Secara amnya inflasi<sup>3</sup> negara secara keseluruhan kekal pada tahap 2.1% pada tahun 2016 (2015: 2.1%), tahap paling rendah dalam julat yang diunjurkan oleh Bank Negara Malaysia (2% - 3%). Inflasi pada tahun 2016 adalah disebabkan terutamanya oleh pelarasan menaik harga ditadbir sejak suku keempat 2015 dan harga makanan segar yang lebih tinggi disebabkan oleh fenomena cuaca El Niño. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi telah diimbangi oleh terhakisnya kesan GST serta harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah.


Di negeri Johor permintaan dalam negeri yang sederhana dan persekitaran harga luar negeri yang rendah membendung tekanan inflasi. Justeru inflasi secara amnya stabil sepanjang tahun pada kadar purata 2.8% (2015: 2.3%). Walaupun inflasi keseluruhan purata tidak berubah pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015, profil inflasi keseluruhan bulanan menjadi tidak menentu disebabkan oleh beberapa faktor. Inflasi keseluruhan bermula pada 2.2% pada awal tahun 2016 dan mencecah paras kemuncak 4.4% pada bulan Disember 2016. Inflasi yang agak tinggi ini adalah disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api dalam negeri dalam tempoh yang sama pada tahun 2015 dan harga makanan segar yang secara relatifnya tinggi berikutan fenomena El Niño pada awal tahun 2016.

Inflasi mengikut kumpulan barangan pengguna berbeza-beza mengikut kumpulan. Inflasi bulanan purata yang tertinggi bagi tahun 2016 dicatatkan oleh kumpulan Makanan Dan Minuman Bukan Alkohol (5.0%), manakala tiga kumpulan, iaitu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas Dan Bahanapi Lain, Kesihatan, Pendidikan, Restoran & Hotel serta kumpulan Pelbagai Barangan Dan Perkhidmatan masing-masing mencatatkan inflasi purata bulanan melebihi


<sup>3</sup>Perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP)

3.5%. Tekanan permintaan yang sederhana, harga tenaga dan komoditi bukan makanan di pasaran global yang rendah serta inflasi global yang lemah juga membantu dalam mengekalkan inflasi pada paras yang rendah. Inflasi pada tahun 2016 didorong terutamanya oleh faktor kos dalam negeri yang

berpunca daripada pelarasan menaik terhadap harga beberapa barangan dan perkhidmatan harga ditadbir yang dilaksanakan sejak suku keempat tahun 2015. Tarif elektrik dan harga minyak masak dinaikkan masing-masing pada bulan Januari dan November 2016.



**Rajah 1.1** Indeks Harga Pengguna Semenanjung Malaysia bagi Sembilan Kumpulan Barangan, 2015 dan 2016.




**Rajah 1.2** Indeks Harga Pengguna Negeri Johor bagi Sembilan Kumpulan Barangan, 2015 dan 2016.



Di samping itu, keadaan cuaca kering yang disebabkan oleh fenomena El Niño telah menjejaskan pengeluaran makanan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan pada awal tahun itu. Bagi tahun 2016 secara keseluruhan, inflasi purata bulanan makanan segar adalah lebih tinggi pada 5.0% (2015: 4.2%). Walau bagaimanapun, inflasi dalam negeri berkurang berikutan luputnya kesan GST dan harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah pada

tahun itu. Harga purata petrol RON97, petrol RON95 dan diesel adalah lebih rendah pada tahun 2016, masing-masing pada RM2.11, RM1.76 dan RM1.62 seliter (2015: masing-masing pada RM2.33, RM1.98 dan RM1.92 seliter). Dari segi faktor luar negeri, harga komoditi global yang kekal rendah juga merupakan faktor penting dalam mengurangkan tekanan inflasi dalam negeri meskipun kadar pertukaran ringgit lebih lemah.



Rajah 1.3 Perbandingan Indeks Harga Pengguna Negeri-Negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor bagi Sembilan Kumpulan Barangan, 2016.

### Harga Pengeluar<sup>4</sup>

Harga komoditi global<sup>5</sup> yang lebih rendah telah menyebabkan penurunan dalam kos input firma. Ini dicerminkan oleh penurunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) sebanyak 1.1% pada tahun 2016 (2015: -7.4%). Kos pengeluaran firma yang lebih rendah ini membantu membendung harga barangan yang dihasilkan di dalam negeri. Ringgit yang lebih lemah telah menyebabkan inflasi diimport yang lebih tinggi pada tahun itu. Tidak termasuk bahan api, harga bagi komponen IHP yang diimport meningkat sebanyak 3.5% (2015: 3.0%). Kenaikan ini didorong oleh harga barangan makanan siap diimport yang lebih tinggi kerana kesan inflasi daripada kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah telah diburukkan

lagi oleh harga makanan global yang lebih tinggi. Harga makanan global meningkat pada tahun itu disebabkan keadaan cuaca buruk dan dicerminkan oleh kenaikan 2.0% dalam Indeks Harga Makanan IMF (2015: -17.1%).

### Pertumbuhan KDNK Negeri Johor Pada Tahun 2016

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan ekonomi negara yang berkembang sederhana negeri Johor dianggarkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di tahun 2016. Jumlah nilai ditambah negeri bagi tahun 2016 dianggarkan meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 5.7% pada harga malar 2010 (2015: 5.6%).

<sup>4</sup>Bahan ini membincangkan tahap harga pengeluar bagi semenanjung Malaysia.

<sup>5</sup> Indeks Komoditi Utama IMF merosot sebanyak 10% pada tahun 2016 (2015: -35.3%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang lebih rendah berikutan lebihan bekalan yang berterusan.

**Jadual 1.2** Ringkasan Prestasi Ekonomi Johor di Tahun 2015-2016

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)	
	2015	2016	2015	2016
Penduduk ('000)	3,554	3,592	1.1%	1.1%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	98,890	104,481	5.6%	5.7%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	27,828	29,087	4.5%	4.5%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	107,666	115,973	5.2%	7.7%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	30,298	32,286	4.1%	6.6%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	21,406	22,660	5.6%	5.9%

Sumber: UPEN Johor/Jabatan Perangkaan Malaysia


Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2016 dianggarkan meningkat ke RM104,481 juta (2015: RM98,890 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM115,973 juta (2015: RM107,666 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM29,087 pada harga malar 2010 (2015: RM27,828), iaitu meningkat 4.5%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM32,286 (2015: RM30,298). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa

beli dianggarkan meningkat 5.9% ke USD22,660 (2015: USD21,406) (Sila rujuk Jadual 1.2). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM112,707 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2016 (2015: RM104,680). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM31,377 pada harga semasa bagi tahun 2016 (2015: RM29,457). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD22,022 (2015: USD20,812).

**Jadual 1.3** Negeri Johor: KDNK, Penduduk dan KDNK per Kapita 2010-2016

Tahun	KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	Jumlah Penduduk ('000)	KDNK Per Kapita (RM)
2010	74,104	3,363	22,036
2011	78,944	3,402	23,207
2012	84,049	3,440	24,436
2013	87,973	3,477	25,300
2015	93,654	3,515	26,642
2015	98,890	3,554	27,828
2016	104,481	3,592	29,087

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Rajah 1.4** Johor: Trend KDNK Per Kapita (RM): 2010-2016

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.



**Jadual 1.4** KDNK Negeri Johor Bagi Tahun 2015 dan 2016

Sektor	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2015	2016	
<b>Sektor Utama</b>	<b>15,141</b>	<b>14,539</b>	<b>-4.00%</b>
Pertanian	14,736	14,056	-4.60%
Perlombongan dan Pengkuarian	405	483	19.30%
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>36,094</b>	<b>39,130</b>	<b>8.40%</b>
Pembuatan	30,359	32,020	5.50%
Pembinaan	5,735	7,110	24.00%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>46,528</b>	<b>49,239</b>	<b>5.80%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	11,710	12,768	9.00%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	12,376	13,148	6.20%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,945	10,203	2.60%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,175	4,411	5.70%
Perkhidmatan Kerajaan	8,322	8,709	4.70%
<b>campur Duti import</b>	<b>1,127</b>	<b>1,573</b>	<b>39.60%</b>
<b>KDNK pada Harga Pembeli (2010=100)</b>	<b>98,890</b>	<b>104,481</b>	<b>5.70%</b>
<b>Jumlah Penduduk ('000)</b>	<b>3,554</b>	<b>3,592</b>	<b>1.10%</b>
<b>KDNK Per Kapita (RM)</b>	<b>27,828</b>	<b>29,087</b>	<b>4.50%</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2016

Pertumbuhan ekonomi wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2016 adalah sederhana. Tiada sektor ekonomi yang mencatatkan kemerosotan di dalam nilai ditambah. Dua sektor pengeluaran ekonomi wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi kadar pertumbuhan KDNK Wilayah (7.3%), iaitu sektor Pembinaan (24.0%) serta sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (9.8%). Dua sektor ini menyumbang 21.4% kepada KDNK Wilayah. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 2.6% (2015: 2.5%) dan sektor Pembuatan yang tumbuh 5.6% (2015: 3.4%).

**Jadual 1.5** Indikator Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2016.

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan
	2015	2016	
Penduduk ('000)	1,945	2,015	3.60%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	65,423	70,215	7.30%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	33,629	34,838	3.60%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	71,230	77,909	9.40%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	36,614	38,656	5.60%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	25,865	27,112	4.80%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2010 untuk keseluruhan tahun 2015 dianggarkan mencatat pertumbuhan 6.5%. Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2015 telah meningkat ke RM65,433 juta dalam harga malar 2010 (2014: RM61,456 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM33,634 juta pada harga malar 2010 (2014: RM32,791), iaitu meningkat 2.6%. Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 2.1% ke USD19,570 (2014: USD19,165). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM69,226 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2015 (2014: RM64,936). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM35,584 pada harga semasa bagi tahun 2015 (2014: RM34,647). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD19,029 (2014: USD18,531).

**Jadual 1.6** Pertumbuhan dan Sumbangan Sektor-Sektor Kepada KDNK Iskandar Malaysia, 2015 dan 2016

Sektor	Pertumbuhan		Sumbangan	
	2015	2016	2015	2016
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>6.40%</b>	<b>8.30%</b>	<b>44.30%</b>	<b>44.80%</b>
Pembuatan	3.40%	5.60%	37.80%	37.20%
Pembinaan	28.30%	24.00%	6.60%	7.60%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>6.10%</b>	<b>6.30%</b>	<b>54.20%</b>	<b>53.70%</b>

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

## TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016

Berdasarkan anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Johor mempunyai jumlah penduduk yang kedua tertinggi di Malaysia, iaitu seramai 3.592 juta pada tahun 2016, peningkatan 1.1% berbanding tahun 2015. Pertumbuhan yang agak perlahan ini juga telah berlaku di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia. Pertumbuhan yang perlahan ini adalah dipercayai disebabkan oleh dua faktor utama iaitu, pertamanya, kadar pertumbuhan semula jadi yang perlahan iaitu 12.7 pada setiap seribu penduduk atau kadar pertumbuhan 1.2% setahun. Faktor kedua ialah umur perkahwinan yang semakin meningkat. Pada jangka panjang penyebab kepada pertumbuhan perlahan ini ialah berlakunya penghijrahan keluar, negeri atau negara, yang berterusan dan relatifnya tinggi bermula tahun 2012.

Negeri Johor telah mengalami migrasi bersih yang positif pada tahun 2013 yang diikuti oleh migrasi bersih yang negatif pada tahun 2014 (-3.0 ribu) dan migrasi bersih yang positif (+3.7 ribu) pada tahun 2015. Migrasi bersih yang positif juga telah berlaku pada tahun 2016 (+10.7 ribu). Laporan Penyiasatan Migrasi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyenaraikan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya migrasi. Pertama, penduduk yang berumur 1 hingga 4 tahun lazimnya mengikut keluarga untuk berhijrah; kedua, penduduk berpindah tempat kerja atau memulakan pekerjaan baru, mencari kerja, berhenti kerja atau bersara; ketiga, penduduk, terutama di kalangan yang berumur di dalam lingkungan 25 hingga 34 tahun,

mencari persekitaran baru; keempat, penduduk yang melanjutkan pelajaran (terutama mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun) dan kelima, penghijrahan selepas perkahwinan. Fenomena ini di dalam jangka panjang memberikan kesan kepada penawaran tenaga kerja, dari aspek bilangan dan ciri-ciri tenaga buruh yang bekerja di sesuatu negeri.

### Penawaran Tenaga Buruh.

Tersedianya tenaga buruh, terutamanya tenaga buruh mahir, menjadi salah satu penyebab kepada kemasukan pelabur-pelabur dari dalam atau luar negara. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016, Negeri Johor menyumbang sebanyak 11.2% kepada keseluruhan tenaga buruh negara. Ini merupakan sumbangan yang ketiga terbesar selepas Selangor dan Sabah. Jumlah tenaga buruh pada tahun 2016 ialah 1.6391 juta (2015:1.6332 juta). Berpandukan kepada data siri masa tahun 2010 hingga 2016 yang telah di keluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia penawaran tenaga buruh telah meningkat dengan kadar yang semakin mengecil. Kadar pertumbuhan pada tahun 2016 berbanding pada tahun sebelumnya ialah 0.4% (2015: 0.7%).

Penguncupan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor; di antaranya, bertambahnya penduduk yang berada di luar tenaga buruh. Ini dapat di lihat melalui penurunan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dari 67.6% pada tahun 2014 kepada 67.1% pada tahun 2015 yang terus merosot kepada 66.6% pada tahun 2016.

**Jadual 1.7** Penawaran Tenaga Buruh Mengikut Jantina dan Kawasan 2010-2015 ('000)

	Lelaki	Perempuan	Bandar	Luar bandar	Jumlah
2011	1,010.10	484.8	1,114.00	380.9	<b>1,494.90</b>
2012	1,029.80	494.7	1,136.30	388.2	<b>1,524.50</b>
2013	1,042.80	566	1,226.00	382.8	<b>1,608.80</b>
2014	1,060.40	575.8	1,258.40	377.8	<b>1,636.20</b>
2015	1,051.60	581.5	1,260.00	373.1	<b>1,633.10</b>
2016	1,062.90	576.2	1,280.30	358.8	<b>1,639.10</b>

Faktor yang menyebabkan penduduk berada di luar tenaga buruh, di antaranya ialah, "Masih belajar" (2016:42.8%, 2015:43%), "Surirumah/tanggungjawab keluarga/masyarakat" (2016:41.6% 2015:42.0%), "Sedang dan Akan Melanjutkan Pelajaran" (2016:2.2%, 2015:2.2%), "Hilang Upaya" (2016:3.9%, 2015:3.9%), "Tidak Berminat" (2016:1.3%, 2015:1.2%) serta "Bersara" (2016: 8.0%, 2015:7.8%). Berdasarkan faktor-faktor ini bolehlah dirumuskan bahawa mereka yang berada di luar tenaga buruh sebahagian besarnya adalah terdiri dari kumpulan belia perempuan yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun.

Negeri Johor adalah di antara pusat pekerjaan paling penting di Malaysia, disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang sentiasa berkembang di pelbagai sektor ekonomi terutama di kawasan Iskandar Malaysia yang menjadi jiran kepada pusat perdagangan dan kewangan serantau, iaitu Singapura. Sepanjang tempoh 7 tahun, semenjak tahun 2009, sumbangan penduduk bandar di dalam penawaran tenaga buruh negeri Johor terus meningkat dan pada tahun 2016, tenaga buruh yang disumbangkan oleh penduduk bandar berkembang pesat dengan kadar pertumbuhan 78.1% (2015: 77.2%). Ini merupakan sumbangan tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.



## Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Kategori Pekerjaan

Oleh kerana penawaran buruh menguncup maka jumlah penduduk yang bekerja telah menerima kesan yang sama. Jumlah penduduk yang bekerja telah menurun dari 1.583 juta kepada 1.581 juta pada tahun 2016. Ini merupakan penguncupan sebanyak

0.13%. Dari fakta-fakta yang berkaitan dengan sumbangan tenaga kerja mengikut pekerjaan, Negeri Johor secara keseluruhannya merupakan di antara penyumbang utama kepada negara dalam pelbagai jenis pekerjaan. Negeri Johor menduduki tempat kedua di dalam semua kategori pekerjaan kecuali kategori Pekerja Pertukangan dan yang berkaitan di mana negeri ini menduduki tempat pertama.

**Jadual 1.8** Bilangan dan Peratus Penduduk Negeri Johor Yang Bekerja Mengikut Kategori Pekerjaan

Kategori Pekerjaan	2015		2016	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Penggubal Undang-Undang	58.6	3.7	61.6	3.9
Pegawai Kanan dan Pengurus Professional	122.8	7.8	134.1	8.5
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	163.8	10.4	174.4	11.0
Pekerja Perkeranian	136.8	8.6	137.4	8.7
Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual	367.9	23.2	357.1	22.6
Pekerja Mahir Pertanian	64.9	4.1	50.6	3.2
Pekerja Pertukangan dan yang Berkaitan	225.7	14.3	213.8	13.5
Operator Logi dan Mesin serta Pemasangan	248.5	15.7	273.5	17.3
Pekerja Asas	193.6	12.2	178.1	11.3
<b>JUMLAH</b>	<b>1582.6</b>	<b>100.0</b>	<b>1580.6</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Hasil analisis terperinci menunjukkan bahawa tumpuan penduduk Negeri Johor adalah di dalam bidang Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual (22.6%). Sementara itu 17.3% penduduk adalah terlibat di dalam bidang Operator Logi dan Mesin serta Pemasangan. Seterusnya peratus penduduk Negeri Johor yang terlibat di dalam Kerja Pertukangan Dan Yang Berkaitan ialah 13.5% manakala 11.3% adalah di dalam kategori Pekerja Asas. Keadaan ini adalah selaras dengan penggunaan tenaga di Sektor Pembuatan dan Pembinaan yang menjadi penyumbang terbesar kepada pekerjaan penduduk. Taburan jenis pekerjaan penduduk Negeri Johor pada 2016 adalah hampir sama dengan 2015. Walau bagaimanapun 3 kategori pekerjaan mengalami pertumbuhan negatif, iaitu Pekerja Asas (-8.0%), Pekerja Mahir Pertanian (-22.0%), Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual (-2.9%).

## Kadar Pengangguran


Kadar Pengangguran di Negeri Johor pada tahun 2000 hingga tahun 2016 tidak mencorakkan arah aliran yang boleh digunakan untuk membuat telahan. Sekiranya gunatenaga penuh bersandarkan kepada kadar pengangguran 3.0% dan kebawah, maka di tempoh awal tahun 2000 (2000-2004) kadar

pengangguran Negeri Johor sebahagian besarnya melebihi paras gunatenaga penuh. Tetapi di tempoh kedua (2005 -2009) dan di tempoh ketiga (2010-2014) negeri Johor secara purata menikmati guna tenaga penuh. Sepanjang tahun 2015 kadar pengangguran Negeri Johor ialah 3.1%, meningkat dari 2.6% di tahun 2014 dan terus meningkat kepada 3.6% pada tahun 2016. Keadaan ini adalah sejajar dengan Jangkaan Perniagaan 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Situasi ini adalah disebabkan oleh pengurangan kerja yang agak ramai di bidang pertanian, perikanan, ternakan dan perhutanan serta kurang tersedianya peluang-peluang pekerjaan baru di dalam sektor pembinaan, sektor pengangkutan, penyimpanan dan komukasi serta di dalam sektor kewangan.


Analisis taburan kadar pengangguran mengikut kumpulan umur menggunakan data Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016 sebagai panduan menunjukkan bahawa kadar pengangguran yang tertinggi adalah di kalangan mereka yang berumur di antara 15 hingga 19 tahun (2016: 16.7%, 2015:15.7%). Ini diikuti oleh mereka yang berumur 20 hingga 24 tahun (2016:10.4%, 2015:9.3%). Kadar pengangguran yang rendah berlaku di kalangan yang berumur 45-49 ke atas (0.8% hingga 0.5%).



**Rajah 1.5** Penawaran Tenaga Buruh Mengikut Kumpulan Umur ('000), 2015-2016  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 1.6** Bilangan Penawaran Kerja dan Penduduk Bekerja di Negeri Johor di Tahun 2016 ('000)  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 1.7** Min Umur Penduduk Bekerja di Negeri Johor, 2011-2016  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Dari data tenaga kerja mengikut umur (Rajah 1.5), satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah taburan pekerja memuncak pada kalangan kumpulan umur 25-29 tahun. Ini secara tidak langsung memberikan petunjuk bahawa ramai pelajar yang telah menamatkan pendidikan tertiar memasuki pasaran buruh untuk mencari pekerjaan di dalam pelbagai bidang.

Dari aspek umur, purata umur pekerja di Negeri Johor telah mengalami perubahan yang agak ketara dengan umur purata pada tahun 2009 (36.0 tahun) meningkat kepada 36.5 tahun pada 2010 dan 36.6 di tahun-tahun 2011, 2012 dan 2013. Pada tahun 2014

dan 2015 purata umur penduduk bekerja menurun kepada 36.3 tahun, disebabkan kemasukan ke dalam pasaran perkerjaan pekerja-pekerja di dalam kumpulan umur 25 hingga 29. Keadaan ini dijangka akan kekal dalam tempoh jangka pertengahan apabila ramai pekerja di dalam lingkungan umur melebihi 58 tahun bersara dan digantikan oleh pekerja-pekerja di dalam kumpulan umur kurang daripada 25 tahun. Fenomena purata umur pekerja meningkat melebihi 36.5 tahun memberi isyarat bahawa negeri Johor dan negeri lain di Malaysia akan menghadapi penduduk berkerja yang semakin tua.

**Jadual 1.9** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor (%) Mengikut Kawasan dan Kelulusan Akademik Tertinggi 2015-2016

	2015			2016		
	Lelaki	Perempuan	Disatukan	Lelaki	Perempuan	Disatukan
Bandar	80.9	52	67.9	81.2	50.7	66.8
Luar Bandar	83.3	46.9	67.7	82.4	47.1	66.1
Rendah	88.4	40.2	65.9	89.3	40.1	66.1
Menengah	82.9	50.1	68.1	82.7	48.5	67.3
Tertiari	73.9	61.8	67.6	72.7	60.9	66.6
Keseluruhan	81.5	50.9	67.1	81.4	49.9	66.6


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh**

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh di kalangan penduduk yang berumur 15 hingga -64 tahun. Kadar penyertaan di Negeri Johor telah menurun kepada 67.1% pada tahun 2015 (2014: 67.6%) Kadar bagi tahun 2014 adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun kadar bagi Negeri Johor di tahun 2015 adalah rendah sedikit berbanding negeri-negeri lain.

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh<sup>6</sup> bagi tahun-tahun 2010 hingga 2016 menunjukkan bahawa Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) di Negeri Johor, secara keseluruhannya, telah berkisar di antara 62.0% hingga 68.0%. Khususnya, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh di kalangan lelaki di Negeri Johor pada tahun 2012 ialah 82.3% iaitu meningkat 0.3 mata peratus berbanding tahun 2011, tetapi merosot sedikit pada tahun 2013. Walau bagaimanapun ianya meningkat semula kepada 82.4% pada tahun 2014. Pada tahun 2015 dan 2016 peratus berkenaan merosot kepada 81.5%. Sementara itu, KPTB di kalangan wanita telah

berada pada 45.1% di tahun 2012. Kadar tersebut meningkat tahun demi tahun kepada 50.7% di tahun 2013, 50.8% di tahun 2014 dan 50.9% ditahun 2015 dan 2016.




**Rajah 1.8** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%) Negeri Johor, 2010 – 2016

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>6</sup>Jabatan Perangkaan Malaysia

Angka-angka kadar penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur bagi tahun 2015 dan 2016 mempamerkan taburan nilai yang serupa. Kadar penyertaan tertinggi adalah di kalangan kumpulan umur 25 hingga 29 tahun dengan diikuti oleh kumpulan umur 30 hingga 34 tahun. Fenomenon ini berlaku

disebabkan oleh pertambahan jumlah penduduk yang berada di luar tenaga buruh yang merangkumi kumpulan-kumpulan yang berada di sekolah dan institusi pendidikan, yang bekerja di rumah dan yang bersara (Rujuk Rajah 1.9).



**Rajah 1.9** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor (%) Mengikut Umur 2015-2016  
 Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia 2015 dan 2016

**Jadual 1.10** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh 2015 dan 2016

	Kelayakan Akademik							
	UPSR	PMR/ SPR	SPM	STPM	Sijil	Diploma	Ijazah	Tiada
2015	61.9	54.3	70.8	57.8	90.4	82.1	91.0	60.1
2016	61.1	52.0	70.5	57.2	87.0	80.4	91.2	61.5

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia 2015 dan 2016

**Jadual 1.11** Anggaran Penduduk Bekerja Negeri Johor Mengikut Sektor Ekonomi 2015 dan 2016

Sektor Ekonomi	2015		2016	
	Bilangan	%	Bilangan	%
<b>Sektor Utama</b>	<b>146.7</b>	<b>9.30%</b>	<b>109.5</b>	<b>6.90%</b>
Pertanian, Perikanan, Haiwan dan Perhutanan	141.5	8.90%	101.7	6.40%
Perlombongan dan Kuari	5.2	0.30%	7.8	0.50%
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>549.4</b>	<b>34.70%</b>	<b>556.2</b>	<b>35.20%</b>
Pembuatan	400.1	25.30%	429.5	27.20%
Pembinaan	149.3	9.40%	126.6	8.00%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>886.5</b>	<b>56.00%</b>	<b>915.1</b>	<b>57.90%</b>
Utiliti ( Elektrik, Gas dan Air)	15.9	1.00%	16.8	1.10%
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoren	393.3	24.90%	401.7	25.40%
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	92.2	5.80%	87.2	5.50%
Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	73.1	4.60%	67.1	4.20%
Perkhidmatan Awam dan Sosial	312	19.70%	342.3	21.70%
<b>Jumlah Penduduk Bekerja ( 15-64)</b>	<b>1,582.60</b>		<b>1,580.60</b>	
<b>Kadar Pengangguran</b>		<b>3.10%</b>		<b>3.60%</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Taburan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mengikut tahap akademik menzahirkan gambaran bahawa, pertamanya, pekerja-pekerja yang memiliki pendidikan sijil lanjutan atau sijil tambahan selain SPM dan STPM (Sijil, Diploma dan Ijazah) mempunyai peluang pekerjaan yang bertambah terbuka atau luas. Ini dapat diperhatikan melalui KPTB golongan ini yang telah melebihi tahap 80.0% pada tahun 2015 dan 2016. Kedua, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh adalah tertinggi di kalangan mereka yang memiliki ijazah sarjana muda dan kelulusan yang lebih tinggi. Malah pada tahun 2015 KPBT bagi golongan ini adalah lebih tinggi, iaitu 91.0% dan meningkat kepada 91.2% pada tahun 2016. Selain itu, gambaran yang agak ketara daripada maklumat ini ialah KPTB bagi kumpulan yang memiliki sijil PMR/SRP dan sijil STPM adalah rendah.

### Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi

Pada tahun 2016 penduduk bekerja di Negeri Johor dianggarkan berjumlah 1.5806 juta orang, merosot 0.1% dari 1.5826 juta orang pada tahun 2015. Seperti di tahun-tahun sebelum 2015, jumlah yang bekerja di dalam Sektor Utama mencatatkan peratusan yang paling kecil. Pada tahun 2016, sektor ini menyumbang 9.3% kepada keseluruhan jumlah tenaga buruh yang bekerja. Sektor kecil Pertanian, Perikanan, Ternakan dan Perhutanan mencatatkan penguncupan peratus gunatenaga kepada 6.4% (2015: 8.9%). Sebaliknya telah berlaku peningkatan di dalam bilangan yang bekerja di sektor kecil perlombongan dan kuari kepada 7,800 orang, menyumbang 0.5% kepada jumlah penduduk bekerja Negeri Johor (2015: 5,200; 0.3%). Ini adalah disebabkan oleh perkaitan sektor ini dengan sektor pembinaan yang aktif di kawasan Iskandar Malaysia dan kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

Sektor Perindustrian yang merangkumi Sektor Pembuatan dan Sektor Pembinaan menyumbang 35.2% kepada jumlah tenaga kerja Negeri Johor pada 2016 (2015: 34.7%), sebahagian besarnya disumbangkan oleh Sektor Pembuatan yang menyumbang 27.2% kepada jumlah tenaga kerja Negeri Johor (2015: 25.3%). Sebaliknya Sektor Pembinaan telah menampung tenaga kerja seramai lebih kurang 126 ribu orang. Di sektor kecil ini menampung pertambahan tenaga kerja kerana kegiatan pembinaan aktif di kawasan Iskandar Malaysia dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Secara amnya sektor kecil pembinaan menyumbang sebanyak 8.0% tenaga kerja pada tahun 2016.

Sektor Perkhidmatan adalah penyumbang utama kepada tenaga kerja Negeri Johor. Pada tahun 2016 jumlah tenaga kerja yang bekerja di sektor ini di Negeri Johor merangkumi 57.9% daripada jumlah keseluruhan (2015: 56.0%). Sektor Perniagaan Borong & Runcit, Hotel Dan Restoran adalah di antara penyumbang utama kepada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor pada tahun 2016. Sejumlah 24.8% daripada tenaga kerja negeri tertumpu adalah tertumpu di sektor ini. Seperti yang tercatat di dalam Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016, jumlah tenaga kerja di sektor kecil ini telah mengalami peningkatan 2.1% berbanding dengan tahun 2015. Walaupun aktiviti perniagaan hotel tidak mencatatkan perubahan yang signifikan, peluang pekerjaan di sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran meningkat hasil dari penyediaan infrastruktur perniagaan runcit seperti pusat membeli belah, pasaraya besar, serta pertambahan bilangan pasaraya kecil. Di samping itu infrastruktur juga telah disediakan oleh kerajaan negeri melalui Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Peningkatan di dalam bilangan yang bekerja adalah disebabkan oleh peningkatan aktiviti gerai dan restoran di kawasan-kawasan perumahan baru dan bandar-bandar baru. Peningkatan ini secara tidak langsung menampung tenaga kerja yang diberhentikan, terutama di sektor pembuatan. Ia juga membuka peluang kepada lepasan sekolah dan kolej/universiti untuk berniaga.

Pada tahun 2016 Sektor Kecil Kewangan, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan menyumbang 4.2% kepada jumlah tenaga kerja Negeri Johor walaupun berlaku sedikit kelembapan di dalam aktiviti perkhidmatan di sektor hartanah (2015: 4.6%). Keaktifan sektor hartanah hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar, terutama sekali di kawasan Iskandar Malaysia dan sekitarnya, tetapi tidak di daerah-daerah lain.

Sumbangan gunatenaga Sektor Kecil Pengangkutan Dan Penyimpanan Dan Komunikasi kepada keseluruhan gunatenaga Negeri telah mencatatkan kemerosotan kepada 5.5% di tahun 2016 (2015: 5.8%). Peralihan kepada automasi dan peralihan kepada sistem perkomputeran di sektor komunikasi mengakibatkan pengurangan kebergantungan kepada tenaga manusia.

Pada tahun 2016 jumlah tenaga kerja di Sektor Perkhidmatan Awam dan Sosial telah mengalami peningkatan sebanyak 9.7% berbanding tahun 2015. Ini telah menghasilkan peningkatan di dalam peratus sumbangan sektor ini kepada 21.7% (2015: 19.7%). Penggunaan tenaga kerja di sektor ini banyak tertumpu di perkhidmatan pendidikan, keselamatan dan pentadbiran.

**Tenaga Buruh**

Dalam jangka panjang bilangan tenaga buruh yang tersedia di Negeri Johor adalah dipengaruhi oleh jumlah penduduk, umur penduduk dan bilangan migran. Walau bagaimanapun migrasi bersih negatif yang dialami oleh negeri Johor dalam tempoh 6 tahun kebelakangan telah memberikan impak yang besar kepada penawaran tenaga buruhnya. Di samping itu, berlakunya migrasi keluar yang berterusan dari Negeri Johor atas sebab-sebab utama seperti mengikuti keluarga, mencari pekerjaan dan sebagainya secara tidak langsung memberi impak kepada penawaran tenaga buruh negeri. Satu fenomena yang perlu diberi perhatian ialah jumlah penduduk Negeri Johor yang bertambah pada kadar purata 1.1% setahun pada tahun-tahun 2007-2016. Nisbah gunatenaga berbanding bilangan penduduk serta Kadar Penyertaan Tenaga Buruh yang menurun secara tidak langsung menurunkan sedikit penawaran gunatenaga di negeri Johor. Justeru itu, Negeri Johor akan menghadapi arah aliran guna tenaga bekerja yang berkurangan di masa hadapan selari dengan arah aliran luaran yang meningkat akibat dari ketidaktentuan dan penyediaan pekerjaan yang boleh menjamin peningkatan peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, persiapan dari segi prasarana untuk penyediaan peluang perniagaan amatlah penting. Persiapan juga diperlukan untuk menghadapi peningkatan ke arah umur persaraan di kalangan pekerja .


Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016, Sektor Perkhidmatan terus menjadi sektor yang

menyediakan jumlah peluang pekerjaan yang tertinggi dengan didahului oleh sektor peniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran. Selain itu Sektor pembuatan juga merupakan penyumbang besar kepada jumlah peluang pekerjaan. Ini adalah berdasarkan kepada jangkaan keaktifan sektor pembuatan dan peruncitan, hasil dari jangkaan ekonomi negara dan rantau sekitarnya yang dijangka akan menjadi lebih baik pada tahun 2017 dan seterusnya. Dasar kerajaan yang ingin menjadikan Iskandar Malaysia sebagai hub ekonomi di selatan Semenanjung memberi peluang kepada Negeri Johor untuk mengambil manfaat daripada kesan hiliran seperti keperluan tenaga kerja di dalam sektor kewangan dan hartanah yang akan berlaku.

**PELABURAN KE DALAM NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016**

**Perkembangan Pelaburan Ke Dalam Negara**

Tahun 2016 adalah tahun yang mencabar bagi Malaysia. Walaupun sentimen "protectionism" semakin meningkat di kalangan beberapa negara, Malaysia masih kekal positif dan terbuka untuk pelaburan langsung asing (FDI). Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan pelaburan pada tahun 2016 di dalam persekitaran kelembapan ekonomi dunia yang dicirikan oleh, antara lain, agregat permintaan yang lemah, ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa, harga komoditi yang rendah, dasar ekonomi yang tidak menentu dan persaingan serantau yang lebih sengit.



Rajah 1.10 Pelaburan Langsung Malaysia Mengikut Sektor dan Sumber, 2016

Pada tahun 2016, negara telah menarik pelaburan sejumlah RM207.9 bilion yang diluluskan bagi membiayai 4,972 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama (2015: RM193.0 bilion; 5,207). Pelaburan ini dianggarkan akan mewujudkan sejumlah 153,060 peluang pekerjaan (2015: 180,244). Nisbah pelaburan asing dan domestik menunjukkan bahawa pelaburan domestik memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda pelaburan Malaysia, dengan sumbangan pelabur domestik sebanyak 71.6% (RM148.9 bilion). Pelaburan Langsung Asing (FDI) meningkat 63.4% kepada RM59.1 bilion daripada RM36.1 bilion pada tahun 2015.

Sumber-sumber utama pelaburan asing pada tahun 2016 ialah Amerika Syarikat, Belanda, China, Jepun, Singapura, Republik Korea dan United Kingdom. Pelaburan daripada ketujuh-tujuh negara ini telah menyumbang sebanyak 55.8% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Sektor Perkilangan Malaysia terus menarik pelaburan pada tahap yang baik walaupun berada di dalam ketidaktentuan persekitaran ekonomi global. Sebanyak 733 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM58.5 bilion telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2016 (2015: 680; RM74.7 bilion)<sup>7</sup>. Dari segi nilai pelaburan yang diluluskan, Johor menerima jumlah terbesar, diikuti oleh Selangor, Sarawak, Penang dan Perak.


Pada tahun 2016, terdapat 85 projek di dalam sektor perkilangan mencatatkan pelaburan sebanyak RM100 juta atau lebih, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM47.6 bilion atau 81.4% daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 10 projek adalah pelaburan yang bernilai RM1 bilion dan ke atas. Projek-projek ini adalah tertumpu kepada pembuatan produk petroleum termasuk petrokimia, produk logam asas, gas asli, barangan elektrik dan elektronik (E&E), pengilangan makanan dan kelengkapan pengangkutan. Semua projek ini dijangka menghasilkan kesan berganda ekonomi, termasuk rantaian ke hadapan-dan-ke belakang, pembangunan industri sokongan, pemindahan teknologi dan R&D, mewujudkan peluang pekerjaan, penyumberan tempatan, pembangunan kemahiran dan penjana pendapatan tukaran asing. Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2016 dianggarkan akan mewujudkan 64,120 peluang pekerjaan di dalam industri kelengkapan pengangkutan, produk elektrik dan elektronik,

produk fabrikasi logam, jentera dan peralatan, barangan plastik dan produk mineral bukan logam<sup>8</sup>.

Pada tahun 2016, walaupun nilai pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan menurun 41.1% kepada RM31.1 bilion, pelaburan asing dalam sektor perkilangan mencatatkan peningkatan 25.1% kepada RM27.4 bilion. China merupakan pelabur terbesar sektor perkilangan, diikuti oleh Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea. Pelaburan daripada kelima-lima negara ini telah menyumbang sebanyak 56.1% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Projek penting dari China adalah di dalam industri keluli, mineral bukan logam, dan solar. Pelaburan dari Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea adalah termasuk beberapa projek kimia dan petrokimia bernilai tinggi serta projek-projek untuk mengeluarkan produk elektronik termaju. Dengan penambahan projek yang diluluskan pada tahun 2016, jumlah projek perkilangan yang telah diluluskan bagi tempoh 2012-2016 kini telah mencecah 3,815, di mana 3,132 projek telah dilaksanakan. Projek-projek yang telah dilaksanakan ini telah menjana 292,745 peluang pekerjaan untuk negara. Setakat 31 Disember 2016, sebanyak 3,010 daripada projek yang dilaksanakan telah beroperasi. Pelaburan di sektor perkhidmatan terus berkembang pada tahun 2016 dengan peningkatan 23.3% kepada RM141.2 bilion yang melibatkan 4,199 projek (2015: RM114.5 bilion; 4,470 projek). Projek-projek yang diluluskan ini dianggarkan akan mewujudkan 88,110 peluang pekerjaan. Pelaburan domestik mendahului dengan RM112.9 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM28.3 bilion. Sumber-sumber utama pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2016 ialah daripada Amerika Syarikat (RM6.8 bilion), Hong Kong (RM1.9 bilion), Jepun (RM1.8 bilion), Singapura (RM1.2 bilion) dan Belanda (RM0.9 bilion). Subsektor hartanah mendahului dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM64.1 bilion. Sementara itu, subsektor yang mempunyai aktiviti nilai ditambah yang tinggi seperti perkhidmatan kewangan, teknologi maklumat dan telekomunikasi dan perkhidmatan sokongan juga mencatatkan pertumbuhan yang baik. Segmen perbankan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada subsektor perkhidmatan kewangan, dipacu oleh aktiviti perbankan konvensional. Dalam subsektor teknologi maklumat dan telekomunikasi, 756 projek dengan pelaburan bernilai RM12.4 juta telah diluluskan. Projek-projek ini dianggarkan memerlukan 18,170 pekerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan.

<sup>7</sup> Jumlah pelaburan yang lebih tinggi yang dicatatkan pada tahun 2015 adalah disebabkan oleh dua projek besar yang diluluskan iaitu projek PETRONAS Refinery and Petrochemical Corporation (PRPC) di Johor dan projek LNG9 di Sarawak yang berjumlah RM35.3 bilion.

<sup>8</sup> Ini merangkumi peluang pekerjaan di dalam bidang penyelia penyelenggaraan loji, pembuat 'tools and die', pakar mesin, kakitangan IT, pengawal kualiti, juruelektrik dan pengimpal.




**Rajah 1.11** Nilai Pelaburan (RM Juta) Di Dalam Sektor Pembuatan Negeri Johor, 2010-2016  
 Sumber Data: MIDA

Pada tahun 2016, projek perkhidmatan sokongan yang diluluskan dengan insentif cukai telah meningkat sebanyak 156.3% kepada RM9.4 bilion. Peningkatan yang ketara ini adalah disebabkan oleh pelaburan-pelaburan besar yang telah diluluskan dalam aktiviti teknologi hijau dan perkhidmatan logistik bersepadu (ILS). Sebanyak 6 projek ILS telah diluluskan. Projek-projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM672.6 juta dan mewujudkan 765 peluang pekerjaan.

Pelaburan yang diluluskan dalam sektor utama meningkat sebanyak 116.7% daripada RM3.8 bilion

pada tahun 2015 kepada RM8.2 bilion pada tahun 2016. Subsektor perlombongan mendahului dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM7.6 bilion dalam 19 projek, sebahagian besarnya didalam aktiviti penerokaan minyak dan gas. Ini diikuti oleh subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan sebanyak RM542.7 juta dan subsektor pertanian yang menyumbang kepada baki pelaburan yang diluluskan. Pelaburan domestik berjumlah RM4.9 bilion atau 59.7% manakala pelaburan asing menyumbang sebanyak RM3.3 bilion atau 40.3%.



**Rajah 1.12** Pelaburan Langsung Malaysia Dalam Sektor Pembuatan Mengikut Negeri, 2016

## Pelaburan Ke Dalam Negeri Johor

Negeri Johor, tahun demi tahun menerima kemasukan pelaburan asing yang tinggi, berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Pada tahun 2016 Negeri Johor berjaya menarik Pelaburan Langsung Asing (PLA) yang tinggi terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan; khususnya komunikasi, informasi dan perkhidmatan kewangan. Sejalan dengan situasi aliran PLA dunia dan seperti di seluruh negara aliran masuk pelaburan ke sektor pembuatan Negeri Johor pada tahun 2016 yang bernilai RM26,411 juta adalah lebih tinggi berbanding nilai-nilai pelaburan-pelaburan tahunan pada tahun 2012 hingga 2014. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah lebih rendah daripada jumlah RM31,102 juta di tahun 2015. Ini adalah disebabkan oleh pelaburan daripada sumber tempatan yang telah merosot daripada RM27,961 juta kepada RM15,216 juta. Walau bagaimanapun, pelaburan daripada sumber asing telah meningkat daripada RM3,141 juta kepada RM11,195 juta (Rujuk Rajah 1.7).

Negeri Johor telah menarik pelaburan yang sejumlah besarnya adalah ke dalam kawasan Iskandar Malaysia dan kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Di tahun 2016 pelaburan dalam sektor pembuatan Negeri Johor yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mencatat RM26,411 juta (2015: RM31,102 juta). Daripada jumlah ini RM11,195 juta adalah pelaburan asing (2015: RM3,141 juta). Sejumlah besar pelaburan yang diluluskan pada tahun 2016 adalah bagi industri Barangan Petroleum (termasuk Petrokimia) (RM14,716) (2015: RM25,964 juta), industri Kimia dan Barangan Kimia (2016: RM1,033 juta; 2015: RM733 juta), industri Barangan Logam Dibentuk (2016: RM207 juta, 2015: RM685 juta), industri Pengilangan Makanan (2016: RM651.7 juta 2015: RM1,619 juta), serta Barangan Elektrik & Elektronik (E&E) (2016: RM2185.9 juta, 2015: 142 juta). Pelaburan-pelaburan ini, sebahagian besarnya, adalah tertumpu di kawasan Iskandar Malaysia dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. (Sila lihat Jadual 1.12).

**Jadual 1.12** Projek Pembuatan Yang Diluluskan Untuk Negeri Johor Mengikut Lokasi, 2016

LOKASI	Potensi Jumlah Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM Juta)	Pelaburan Luar (RM Juta)	Jumlah Pelaburan Modal (RM Juta)
1 Sri Gading MIEL	22	2.9	1	3.9
2 Johor Bahru	1,078	488.1	733.2	1,221.30
3 Tanjung Langsat	612	0	1,108.40	1,108.40
4 Tampoi IE <sup>3</sup>	25	0	113.7	113.7
5 Pasir Gudang IE	781	25	2,568.00	2,593.00
6 Tanjung Langsat Industrial Complex	370	78	475.1	553.1
7 Muar	393	34.9	5.1	40
8 Tanjung Agas IE	68	15.2	0	15.2
9 Batu Pahat	429	44	9	53
10 Tebrau III IE	54	0	10	10
11 Senai I IE	155	0	0.9	0.9
12 Bandar Tenggara Ph I IE	10	0	2.1	2.1
13 Sri Gading IE	389	57.6	40	97.6
14 Kluang IE	0	0	0	0
15 Pontian	147	0	51.3	51.3
16 Pengerang	199	13,615.60	2,657.60	16,273.20
17 Tebrau I IE	262	0	38.3	38.3
18 Bandar Tenggara Ph II IE	48	20	0	20
19 Pontian IE	44	5.1	17.7	22.8
20 Senai III IE	88	1.5	19.2	20.7
21 Tebrau II Ph I IE	66	82.1	1.8	83.9
22 Gelang Patah	233	4.5	15.1	19.6

<sup>3</sup>Jabatan Perangkaan Malaysia

LOKASI	Potensi Jumlah Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM Juta)	Pelaburan Luar (RM Juta)	Jumlah Pelaburan Modal (RM Juta)	
23	Kluang	337	407.4	29.5	436.9
24	Kota Tinggi	12	14.5	0.0	14.5
25	Kulai	179	20.6	130.9	151.4
26	Labis	32	61.0	0.0	61.0
27	Masai	525	66.9	9.2	76.1
28	Pasir Gudang	21	0.0	370.5	370.5
29	Skudai	81	18.5	13.2	31.6
30	Ulu Tiram	485	38.1	141.5	179.5
31	Indahpura	19	0.0	3.2	3.2
32	Indahpura IE (Kws beralamat KP I-Park)	27	0.0	15.1	15.1
33	Kulaijaya	57	0.0	19.9	19.9
34	Ledang	100	22.5	0.0	22.5
35	Mengkibol IE	14	0.0	11.0	11.0
36	Nusa Cemerlang Ind.Park	7	2.8	15.4	18.1
37	Nusajaya	292	0.0	507.3	507.3
38	Segamat II IE	78	0.0	14.8	14.8
39	Senai	254	55.4	30.0	85.4
40	Senai IV IE	467	0.0	2,000.0	2,000.0
41	Setia Business Park IE	102	28.0	12.0	39.9
42	Simpang Renggam I IE	25	5.8	3.8	9.6
	<b>8,587</b>	<b>15,215.5</b>	<b>11,195.0</b>	<b>26,410.6</b>	


Sumber: Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC)/MIDA

**Jadual 1.13** Projek Pembuatan Yang Diluluskan Untuk Negeri Johor Mengikut Industri; 2015 dan 2016


Jenis Industri	Pelaburan Tempatan (RM Juta)		Pelaburan Asing (RM Juta)		Jumlah Pelaburan (RM Juta)		
	2015	2016	2015	2016	2015	2016	
1	Pengilangan Makanan	1,492	65	128	587	1,619	652
2	Tekstil & Barangan Tekstil	8	381	-	47	8	427
3	Kayu & Produk Kayu	303	12	109	19	412	31
4	Perabot & Kelengkapan	15	101	14	9	30	110
5	Kertas, Percetakan & Penerbitan	19.7	0	11	3	31	3
6	Kimia & Produk Kimia	238	82	496	952	733	1,033
7	Barangan Petroleum (termasuk Petrokimia)	24,898	9,961	1,066	4,756	25,964	14,716
8	Barangan Getah	152	0	23	376	175	376
9	Barangan Plastik	72	112	98	912	170	1,023
10	Barangan Galian Bukan Logam	52	532	131	718	183	1,250
11	Barangan Logam Asas	82	58	127	283	209	340
12	Barangan Logam Dibentuk	281	66	404	141	685	207
13	Pengilangan Jentera	79	28	315	238	393	266
14	Barangan Elektrik & Elektronik	43	99	99.1	2,087	142	2,186
15	Kelengkapan Pengangkutan	88	32	18	0	106	32
16	Alat-alat Sains dan Pengukuran	83	30	103	68	187	98
17	Gas Asli	0	3,657	0	0	0	3,657
18	Pelbagai	58	3	-	1	58	4
	<b>Jumlah</b>	<b>27,964</b>	<b>15,216</b>	<b>3,141</b>	<b>11,195</b>	<b>31,105</b>	<b>26,407</b>

Sumber: Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC)/MIDA





# PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016



### PENDAHULUAN

Bab ini memperihalkan prestasi sektor utama dan sektor industri Negeri Johor di tahun 2016 dari aspek output sektor-sektor dengan lebih terperinci daripada yang telah diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memperihalkan output ialah nilai output kasar dan nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, MIDA, Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Johor.

Pengeluaran dan nilai ditambah ekonomi Negeri Johor meningkat walaupun berhadapan dengan prestasi ekonomi luar yang tidak menentu. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga 2010 mencatat pertumbuhan 5.7% di tahun 2016 (2015: 5.6%). Nilai pertumbuhan ini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menerima kesan daripada pertumbuhan ekonomi dunia dan perdagangan serantau yang perlahan. Asas ekonomi negeri adalah kukuh dengan permintaan domestik yang berdaya tahan, sumber pertumbuhan yang pelbagai, pengangguran dan inflasi yang rendah. Permintaan domestik yang mempamerkan daya tahan yang mantap menjadi peneraju utama pertumbuhan. Aktiviti sektor swasta dianggarkan menyumbang sekitar lima peratus kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Pelaburan swasta ke dalam Negeri Johor kekal teguh dengan aliran masuk pelaburan yang tinggi berbanding pelaburan di negeri-negeri lain. Dari segi penawaran, pertumbuhan ekonomi negeri

didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 47.1 % kepada KDNK Negeri.

### PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016

Pada tahun 2016, semua nilai ditambah sektor pengeluaran, kecuali sektor pertanian, tumbuh positif dengan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor utama mengalami kemerosotan 4.0% manakala sektor perindustrian dan sektor perkhidmatan masing-masing mencatat peningkatan yang baik, iaitu 8.4% dan 5.8% (2015: 8.7% dan 4.6%). Pertumbuhan sektor industri disumbangkan oleh sektor pembinaan negeri yang tumbuh sebanyak 24.0% (2015: 26.4%) yang mencerminkan keaktifan di dalam aktiviti sektor kecil kejuruteraan awam khususnya di kawasan Iskandar Malaysia. Pertumbuhan permintaan dalam negeri, khususnya dalam perbelanjaan persendirian (*private consumption*), menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri, terutamanya di dalam sektor perkhidmatan.

Sektor utama Negeri Johor mencatat kemerosotan sebanyak 4.0% pada tahun 2016 (2015: 0.8%). Nilai ditambah sektor pertanian turut merosot dengan kadar 4.6% di tahun 2016 (2015: 0.5%). Sementara itu, sektor perlombongan dan kuari meningkat sebanyak 19.3% pada tahun 2016; berbanding dengan 10.7% di tahun 2015. Selain itu, nilai ditambah sektor perindustrian berkembang 8.4% bagi tahun 2016 (2015: 8.7%). Ini telah dibantu oleh pertumbuhan di sektor pembuatan dan sektor pembinaan yang masing-masing berkembang 5.5% dan 24.0% (2015: 5.9% dan 26.4%).

**Jadual 2.1** Sumbangan Sektor-Sektor kepada Ekonomi Negeri Johor pada tahun 2014 dan 2015

	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2010=100)		SUMBANGAN (%)	
	2015	2016	2015	2016
<b>SEKTOR UTAMA</b>	<b>15,141</b>	<b>14,539</b>	<b>15.3%</b>	<b>13.9%</b>
Pertanian	14,736	14,056	14.9%	13.5%
Perlombongan & Kuari	405	483	0.4%	0.5%
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>36,094</b>	<b>39,130</b>	<b>36.5%</b>	<b>37.5%</b>
Pembuatan	30,359	32,020	30.7%	30.6%
Pembinaan	5,735	7,110	5.8%	6.8%

	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2010=100)		SUMBANGAN (%)	
	2015	2016	2015	2016
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>46,528</b>	<b>49,239</b>	<b>47.1%</b>	<b>47.1%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	11,710	12,768	11.8%	12.2%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	12,376	13,148	12.5%	12.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,945	10,203	10.1%	9.8%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,175	4,411	4.2%	4.2%
Perkhidmatan Kerajaan	8,322	8,709	8.4%	8.3%

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

## PRESTASI PENGELUARAN SEKTOR UTAMA


### SEKTOR PERTANIAN

Pada tahun 2016 aktiviti pertanian, perhutanan dan perikanan Negeri Johor mencatatkan pertumbuhan kurang memberangsangkan di dalam nilai ditambah pada harga malar 2010 dengan sumbangan sebanyak 13.9% kepada nilai ditambah sektor pertanian negara (2015: 15.3%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran aktiviti "tanaman lain" yang merangkumi pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan. Negeri Johor juga terus berperanan sebagai pengeluar utama makanan negara dengan anggaran hampir 70% dari keluasan negeri digunakan untuk tujuan pertanian. Tanaman getah dan kelapa sawit mendominasi, dari segi keluasan tanaman, dengan kelapa sawit meliputi sekitar 83.3% dari keseluruhan keluasan tanaman. Keluasan tanaman sawit pada tahun 2016 dianggarkan di sekitar 745,630 hektar iaitu 27.8% (termasuk 67,123 hektar kawasan tanaman muda) dari keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit negara dan merupakan kawasan penanaman terbesar di Semenanjung Malaysia.

### TANAMAN UTAMA

#### Kelapa Sawit

Tahun 2016 menyaksikan prestasi bercampur-campur di dalam industri kelapa sawit Johor seiring dengan industri kelapa sawit Malaysia. Pengeluaran minyak sawit mentah dan pendapatan eksport meningkat di dalam suasana eksport dan import yang menurun. Pada tahun 2016, pengeluaran minyak sawit mentah Johor mencatatkan penurunan sebanyak 11.9% kepada 2,745,389 tan metrik berbanding 3,117,619 tan metrik yang dicatatkan pada tahun 2015 (Jadual 2.2). Ini adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang



**Rajah 2.1** Perbandingan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor kepada KDNK Negeri Johor bagi tahun 2015 dan 2016

kering dan kurangnya jumlah hujan akibat fenomena El-Nino yang berlanjutan dari separuh masa 2015 sehingga suku ke dua 2016. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan yang begitu ketara sebanyak 15.7% bagi pengeluaran minyak sawit mentah bagi keseluruhan Semenanjung Malaysia iaitu dari 10,536,467 tan pada tahun 2015 kepada hanya 8,886,638 tan sahaja pada tahun 2016. Harga minyak sawit mentah pula mencatat kenaikan sebanyak 23.2% sehingga mencecah harga RM2,653.00 se tan.


Harga yang tinggi ini telah membantu meningkatkan nilai eksport minyak sawit mentah Malaysia sebanyak 5.1% iaitu RM43.37 billion berbanding hanya RM41.26 billion pada tahun 2015.

Penurunan pengeluaran minyak sawit mentah ini juga adalah disebabkan oleh penurunan hasil buah tandan segar (BTS) yang diproses iaitu sebanyak 8.7% kepada hanya 13.8 juta tan sehektar berbanding 15.5 juta tan sehektar yang dicatatkan pada tahun 2015. Hal ini berlaku disebabkan cuaca kering dan jumlah hujan yang kurang pada suku kedua 2016 dimana cuaca yang kering ini telah mengakibatkan pengurangan penghasilan buah tandan segar. Rajah 2.2c mempamerkan jumlah pengeluaran yang amat rendah pada suku pertama dan kedua tahun 2016 berbanding tempoh masa yang sama pada tahun 2015. Peningkatan pengeluaran hanya dapat dilihat bermula bulan Ogos 2016 dan berakhir pada tahap yang tinggi pada akhir tahun 2016.


Kadar perahan minyak pada tahun 2016 pula kekal pada 20.18% iaitu pada tahap yang sama dengan kadar perahan seluruh Malaysia. Keadaan cuaca yang tidak menggalakkan dan penghasilan buah tandan segar yang kurang berkualiti telah menjejaskan kadar perahan minyak ini. Pengeluaran minyak isirong sawit (kernel oil) juga menurun dengan kadar 13.3% kepada 751,567 tan metrik pada tahun 2016 daripada 866,761 tan metrik pada tahun 2015. Ini adalah akibat permintaan yang lebih rendah dari Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun. EU merupakan pasaran eksport utama bagi minyak isirong sawit dengan 0.25 juta tan metrik berbanding 0.27 tan metrik pada tahun 2015 (atau 26.6% daripada jumlah eksport minyak isirong sawit Malaysia). Ini diikuti oleh China (0.13 juta tan metrik; 14.3%) dan Amerika Syarikat (0.13 juta tan metrik; 13.9%). Rajah 2.2b mempamerkan trend pengeluaran minyak isirong.

Jumlah eksport barangan berasaskan kelapa sawit melalui Pelabuhan Pasir Gudang meningkat sebanyak 4.8% kepada 2,607,075 tan metrik pada tahun 2016 daripada 2,488,171 tan metrik dieksport pada tahun 2015 (Rujuk Rajah 2.2d). Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, jumlah eksport barangan berasaskan kelapa sawit bagi seluruh negara pula menurun sebanyak 8.2% kepada 23.29 juta tan berbanding 25.37 juta tan pada tahun 2015. Jumlah nilai eksport pula meningkat sebanyak 7.3% kepada RM64.59 billion berbanding RM60.17 billion pada tahun 2015. Perkembangan yang lemah ini adalah disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah dari pengimport utama seperti India, China, Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat. India masih lagi kekal sebagai pengimport terbesar minyak sawit Malaysia pada tahun 2016 dengan pengambilan sebanyak 2.83 juta tan atau 17.6% dari keseluruhan jumlah eksport minyak sawit negara. Ini diikuti oleh Kesatuan Eropah sebanyak 2.06 juta tan (12.8%), China sebanyak 1.88 juta tan (11.7%), Pakistan sebanyak 0.88 juta tan (5.5%), Turki sebanyak 0.66 juta tan (4.1%), Filipina sebanyak 0.63 juta tan (3.9%) dan Amerika Syarikat sebanyak 0.59 juta tan (3.7%). Keseluruhan jumlah eksport tujuh (7) pasaran ini ialah 9.52 juta tan atau 59.3% dari jumlah eksport negara.

Jumlah eksport minyak sawit ke India menurun sebanyak 23.3% ke 2.83 juta tan berbanding 3.69 juta tan pada tahun 2015 adalah kerana pengambilan yang lebih tinggi untuk minyak alternatif seperti minyak kacang soya dan bunga matahari yang boleh didapati pada harga yang lebih kompetitif. Begitu juga dengan Kesatuan Eropah yang mempunyai lebih bekalan minyak kacang soya dan matahari hasil dari FTA komprehensif bersama Ukraine bermula 1 Januari 2016. China juga menambah jumlah eksport untuk minyak kacang soya ini. Pakistan kekal di tempat ke empat terbesar pengimport minyak sawit Malaysia



**Rajah 2.2a** Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit Negeri Johor, 2015-2016 ('000 tan)




**Rajah 2.2b** Pengeluaran Minyak Isirong Negeri Johor, 2015-2016 ('000 tan)

denga penambahan sebanyak 21.% dari hanya 0.73 juta tan pada tahun 2015. Ini adalah kerana kurangnya jumlah import minyak kelapa sawit dari Indonesia. FTA Malaysia-Turki yang bermula pada 1 Ogos 2015 pula telah berjaya meningkatkan jumlah eksport minyak sawit Malaysia ke negara itu sebanyak 64.8% ke 0.66 juta tan. Penurunan jumlah eksport ke negara-negara lain seperti Filipina pula adalah disebabkan oleh terdapatnya sumber minyak alternatif seperti minyak kelapa dari hasil domestik negara tersebut.


Pada tahun 2016, harga minyak sawit mentah keseluruhan menunjukkan aliran menaik, sebanyak 23.2% kepada RM2,653.00 berbanding RM2,153.00 pada tahun 2015. Harga tertinggi ialah pada bulan Disember iaitu pada kadar RM3,200.00 setan. Harga yang melonjak naik ini adalah kerana hasil pengeluaran minyak sawit mentah yang rendah akibat cuaca panas dan kekeringan yang mempengaruhi penghasilan hasil buah tandan segar.

Harga minyak sayuran yang kompetitif di samping Ringgit yang lemah berbanding dolar Amerika juga menjadikan harga minyak sawit Malaysia lebih tinggi dan sekaligus meningkatkan harga komoditi ini di pasaran global.

Ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi hasil pengeluaran di Negeri Johor. Dengan peningkatan harga minyak sawit, penggiat industri terutama pekebun kecil di negeri ini dapat meningkatkan produktiviti serta tahap pengurusan tanaman sawit dengan lebih sistematik termasuk penggunaan jentera perladangan dan juga meningkatkan pendapatan. Jumlah tanaman sawit di Johor ialah sebanyak 745,630 hektar atau 27.8% dari jumlah keseluruhan tanaman di Semenanjung Malaysia. Kawasan tanaman muda negeri pula hanya 67,123 hektar atau hampir 10% dari keluasan tanaman matang negeri.



**Rajah 2.2c** Pengeluaran Tandan Buah Segar Negeri Johor, 2015-2016 ('000 tan)



**Rajah 2.2d** Eksport Produk Berasaskan Kelapa Sawit Negeri Johor (Pelabuhan Pasir Gudang), 2015-2016 ('000 tan)

**Jadual 2.2** Pengeluaran Minyak Sawit Mentah Negeri Johor 2014-2016

	Pengeluaran (tan metrik)		Pertumbuhan 2015/14 (%)	Pengeluaran 2016 (tan metrik)	Pertumbuhan 2016/15 (%)
	2014	2015			
Januari	235,748	171,725	-27.16	163,841	-4.59
Februari	194,587	188,325	-3.22	166,663	-11.50
Mac	223,268	247,856	11.01	185,974	-24.97
April	225,776	282,791	25.25	200,456	-29.12
Mei	248,045	291,057	17.34	207,485	-28.71
Jun	257,604	287,502	11.61	229,105	-20.31
Julai	278,807	288,086	3.33	232,726	-19.22
Ogos	329,485	313,321	-4.91	264,981	-15.43
September	295,433	299,337	1.32	280,248	-6.38
Oktober	294,130	300,383	2.13	284,922	-5.15
November	263,147	246,005	-6.51	274,107	11.42
Disember	201,019	201,231	0.11	254,881	26.66
<b>Jumlah</b>	<b>3,013,784</b>	<b>3117,619</b>	<b>3.45</b>	<b>2,745,389</b>	<b>-11.94</b>

Sumber: MPOB

**Getah**

Tanaman getah turut menyumbang kepada nilai tambah dalam subsektor pertanian di Negeri Johor selepas kelapa sawit. Harga getah telah melonjak sebanyak 71.6% pada akhir Disember 2016 ke 616 sen sekilogram berbanding hanya 359 sen sekilogram pada tempoh yang sama pada tahun 2015. Perbandingan harga getah untuk tahun 2015-2016 boleh dirujuk di Rajah 2.3.


Jumlah pengeluaran pada 2016 bagi negeri Johor meningkat 1.2% berbanding 2015 (2016: 7,544 tan metrik, 2015: 7,636 tan metrik) (Jabatan Perangkaan Malaysia). Negara pengeksporth terbesar bagi getah Malaysia pada bulan Januari dan Februari 2016 ialah negara China sebanyak 41.4%, diikuti, Jerman (13.8%), Iran (5.3%), Finland (4.3%), Turkey (3.9%), Brazil (3%), Taiwan (1.7%) dan Portugal (1.2%). Walaubagaimanapun jumlah ini berkurangan pada bulan Mac 2016 dengan hanya lima negara menjadi pengeksporth terbesar getah Malaysia iaitu China, Jerman, Iran, Amerika Syarikat dan Taiwan. Ini berterusan sehingga bulan Mei 2016. Harga getah Malaysia juga menurun pada kadar 6% bagi SMR 20 dan sebanyak 8.5% bagi Latex Concerntrate. Ini berlaku kerana pengurangan jumlah penghasilan akibat fenomena El-Nino pada awal tahun 2016.

Walaubagaimanapun harga getah Malaysia meningkat semula bermula Ogos 2016 diikuti dengan peningkatan pengeluaran sebanyak hampir 30.5% (Lembaga Getah Malaysia). Harga getah juga terus meningkat naik dengan kukuh sebanyak hampir 97% sehingga akhir tahun kepada RM 6.50 per kilogram, harga yang tertinggi dalam tempoh empat tahun. Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan permintaan dari negara China di samping bekalan yang terhad akibat banjir teruk di selatan Thailand yang merupakan antara kawasan pengeluaran terbesar getah di negara berkenaan. Selain harga komoditi ini yang melonjak naik, tukaran wang dollar Amerika Syarikat yang lebih tinggi berbanding

Ringgit dapat menyerap kos inflasi sekaligus memberikan pendapatan operasi yang positif bagi tahun kewangan semasa. Harga getah diunjur akan terus meningkat berikutan trend sejak beberapa musim yang lepas. Ini adalah selari dengan jumlah keluasan ditoreh sehingga April 2016 di negeri Johor dianggarkan meningkat ke 5,083 hektar berbanding hanya 4,349 hektar pada tahun 2014. Kenaikan harga getah ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan ekonomi dan jumlah pendapatan pekebun di negeri Johor.

Pasaran getah Malaysia dijangka terus meningkat pada awal Januari 2017 didorong oleh unjuran positif ke atas pasaran komoditi global. Peniaga berkata jaminan daripada ahli-ahli Pertubuhan Negara-Negara Pengeksporth Petroleum (OPEC) mengenai pengurangan minyak mentah dan ringgit yang lemah berbanding dolar Amerika Syarikat akan memberi sokongan kepada pasaran getah. Ini disokong juga oleh peningkatan penjualan kenderaan global dimana Toyota Motor Corp menjangkakan bahawa jualan kenderaan global akan meningkat sebanyak satu peratus pada 2017 memberi petunjuk permintaan daripada industri kereta tinggi pada masa akan datang. Jangkaan ini dibuat berikutan dasar China yang melanjutkan pengurangan cukai ke atas kereta enjin kecil selama satu tahun akan terus mengukuhkan permintaan untuk kenderaan yang meningkat dan ini turut dijangka menyokong pasaran getah. Bagi minggu berakhir Disember 2016, dagangan meningkat tetapi bercampur-campur dengan permintaan bagi gred tayar SMR 20 kekal kukuh dengan kenaikan harga Lembaga Getah Malaysia bagi SMR 20 naik 141 sen kepada 926 sen sekilogram dan susu getah pukal menokok 47.5 sen kepada 636.5 sen sekilogram.

Kenaikan harga getah adalah disebabkan oleh penurunan hasil kutipan susu getah bermula pertengahan 2015 sehingga awal Februari 2016. Ini telah menyebabkan jumlah penawaran hasil getah adalah kurang berbanding permintaan dan telah



**Rajah 2.3** Perbandingan harga getah bulanan (sen/kilogram) bagi tahun 2015-2016

mendorong kenaikan harga tersebut. Penawaran hasil getah berkurangan juga adalah akibat dari tindakan penoreh yang berhenti menoreh kerana kurangnya pendapatan dari hasil getah. Fenomena El-Nino yang merupakan suhu panas berlebihan pada tahun 2015 menjejaskan pendapatan pekebun kecil berakhir pada bulan March 2016 dan ini boleh disaksikan dengan kenaikan harga getah bermula pada April 2016 dan berterusan sehingga akhir tahun 2016.

Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah pengeluaran getah, seperti yang diwartakan tahun lepas, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menjalankan satu inisiatif Program Getah Untuk Pribumi (GUP) ini seiring dengan EPP 1 dalam NKEA untuk meningkatkan produktiviti nasional ke 2,000 kg/ha/tahun. Objektif GUP ialah untuk membimbing peserta program dalam penanaman getah melalui aktiviti pemindahan teknologi secara berterusan mengikut setiap aktiviti perladangan sepanjang tempoh program serta untuk membolehkan peserta mencapai produktiviti pengeluaran hasil torehan purata 1,500 kg/hek/tahun dalam tempoh lima tahun penorehan.

Di Johor, Kampong Segamat Kecil telah terpilih untuk mengikuti projek ini yang melibatkan kawasan seluas 16.4 hektar dan seramai 14 orang peserta. Klon-klon yang telah dibekalkan kepada peserta adalah klon RRIM 928, RRIM 929 dan RRIM 3001. Kemajuan semasa pertumbuhan pokok getah ini telah dipantau dan di laporkan setiap suku tahun. Pada suku tahun pertama 2016, dilaporkan seorang peserta telah menarik diri ekoran kebun beliau sering diserang oleh lembu dan mencatat kerugian sebanyak 90%. Bancian ukuran lilitan batang bagi tahun ketiga di 10 buah kebun telah selesai dijalankan pada purata 29.9 sm. Topografi kebun-kebun yang dibanci adalah berbukit dengan kecuraman melebihi 15% dan purata kepadatan tanaman adalah 500 pokok sehektar. Laporan pada suku tahun ke tiga 2016 menunjukkan kerja-kerja penyelenggaraan giat dijalankan oleh kerana umur pokok telah mencapai empat tahun pada September 2016. Pencapaian ini dijangka akan merancakkan lagi pengeluaran getah di Johor dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah Johor dan seterusnya meningkatkan prestasi ekonomi negeri Johor selari dengan kenaikan harga getah.

## PERIKANAN

Pada tahun 2016, subsektor perikanan menurun sebanyak 0.1% disebabkan oleh pengeluaran akuakultur dan pendaratan ikan tangkapan yang rendah. Fenomena jerebu yang melanda negara turut membahayakan aktiviti penangkapan ikan (Berita

Perikanan, 2015). Selain itu, fenomena El-Nino yang berterusan dari 2015 sehingga ke hujung Januari 2016 turut memberi kesan terhadap sektor perikanan 2016. Pengeluaran perikanan Malaysia secara umumnya merosot disebabkan pengurangan jumlah hujan dan peningkatan suhu. Di Negeri Johor, terdapat tujuh daerah perikanan iaitu Muar, Batu Pahat, Pontian, dan Johor Bahru (bahagian pantai barat), dan Kota Tinggi dan Mersing (bahagian pantai timur).

Hasil perikanan utama Negeri Johor adalah terdiri dari hasil-hasil tangkapan ikan laut (termasuk kerang-kerangan), ikan air tawar, udang harimau/putih, ikan dalam sangkar, kupang/siput sudu dan ikan air tawar (perairan umum). Tahun 2016 mencatatkan tangkapan ikan laut sebagai jenis perikanan yang mempunyai pengeluaran tertinggi di antara hasil-hasil laut Negeri Johor iaitu sebanyak 81,224 tan metrik, dengan penurunan sebanyak 21% jika dibandingkan dengan tahun 2015 (-18%). Ini diikuti oleh ikan air tawar iaitu 10,582.4 tan metrik (6.3%), ikan dalam sangkar 6,462 tan metrik (-4.2%), ikan air tawar (perairan umum) 618.4 tan metrik (-21.5%). Manakala pengeluaran udang harimau/putih semakin berkurang iaitu sebanyak 3,591 tan metrik (-27.2%) berbanding 2015 (4,931.7 tan metrik, 6.2%). Pengeluaran kupang/siput sudu dianggarkan menurun sebanyak 18.6% iaitu 1,665.84 tan metrik. Pengeluaran ikan hiasan pula dianggarkan sebanyak 699 juta ekor iaitu meningkat sebanyak 9.6% berbanding tahun 2015. (Rujuk Jadual 2.3).

Manakala, dari tahun 2015 sehingga 2016, trend nilai pengeluaran tertinggi yang dicatatkan dalam pengeluaran hasil perikanan utama Negeri Johor adalah terdiri dari tangkapan ikan laut, ikan hiasan, ikan air tawar, ikan dalam sangkar, kupang/siput sudu, udang harimau/putih dan ikan air tawar (perairan umum). Berdasarkan Jadual 2.3, kesemua hasil pengeluaran perikanan mengalami susut nilai untuk tahun 2016 berikutan hasil tangkapan yang berkurangan berbanding tahun, kecuali bagi ikan air tawar dan ikan hiasan. Pada tahun 2015, pengurangan pengeluaran ikan dalam sangkar berlaku disebabkan kematian ribuan ikan di sangkar penternakan akibat ledakan spesis mikroalga bahaya *Karlodinium australe* di Tanjung Kupang. Keadaan ini turut menyebabkan penternak mengalami kerugian mencecah ratusan ribu ringgit. Dianggarkan pengeluaran ikan dalam sangkar mengalami penurunan di tahun 2016, tetapi peratus penurunan ini lebih baik jika dibandingkan dengan tahun 2015 (-10.4%). Selain itu, peratus pengeluaran ikan hiasan juga turut dijangka meningkat kepada hampir 10% jika dibandingkan dengan tahun 2015 (3.4%) dengan kuantiti 699 juta ekor.



Tahun 2016 menunjukkan berlaku kemerosotan nilai hasil perikanan Negeri Johor di mana sebahagian besar jenis perikanan mengalami susut nilai. Nilai pengeluaran kupang/ siput sudu, udang harimau/ putih dan tangkapan ikan laut adalah yang paling teruk terjejas dengan penurunan masing-masing sebanyak 35%, 15.5% dan 12%. Terdapat nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan Johor yang mendaratkan hasil perikanan di Negeri Pahang (di sempadan antara Johor dan Pahang) kerana faktor kemudahan jeti yang paling dekat dengan tempat pendaratan.

Berdasarkan Jadual 2.3, kuantiti eksport hasil perikanan utama di Negeri Johor pada 2016 dijangka mengalami kemerosotan di mana udang harimau, ikan air tawar, tangkapan ikan laut dan ikan diproses mengalami perubahan yang negatif berbanding tahun 2015. Namun, eksport ikan akuarium/hiasan dijangka

meningkat berbanding tahun 2015. Kuantiti eksport tangkapan ikan laut dianggarkan 29,123.85 tan metrik, diikuti ikan akuarium/hiasan (15,349,761 juta ekor), ikan diproses (16,526.97 tan metrik), ikan air tawar/payau (3,042.29 tan metrik) dan udang harimau/putih (1,028.52 tan metrik). Ikan diproses mencatatkan perubahan kuantiti eksport terbesar pada tahun 2016 (-1.44%) jika dibandingkan dengan peningkatan pada 2014 (8.89%).

Perubahan kuantiti eksport ikan hiasan mengalami peningkatan positif iaitu 5.49%, berbanding jenis perikanan yang lain. Selain itu, nilai eksport udang harimau dan ikan diproses menunjukkan perubahan yang lebih positif, dengan masing-masing RM16.17 juta (0.16%) dan RM120.82 juta (-0.02%) berbanding tahun 2015 (udang harimau: -4%, ikan diproses: -12.27%). Manakala nilai eksport bagi ikan air tawar, tangkapan ikan laut dan ikan akuarium/hiasan mengalami susut nilai.


**Jadual 2.3** Pengeluaran dan Eksport Hasil Perikanan Utama Negeri Johor, 2015 - 2016

PENGELUARAN	2015		2016		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)
Udang Harimau / Udang Putih	4,931.71	82.47	3,591.00	69.647	-27.19	-15.5
Ikan dalam Sangkar	6,747.87	123.12	6,462.14	116.14	-4.23	-5.7
Kupang / Siput Sudu	2,046.51	4.89	1,665.84	3.16	-18.6	-35.4
Ikan Air Tawar	9,959.72	53.42	10,582.42	52.05	6.25	-2.6
Ikan Air Tawar (Perairan Umum)	787.3	9.89	618.4	9.02	-21.45	-8.8
Tangkapan Ikan Laut	103,372	821	81,224	715.42	-21.43	-12.9
Ikan Hiasan (Juta ekor)	638	298	699	287	9.56	-3.7

EKSPORT	2015		2016		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)
Udang Harimau/Udang Putih	1,029.47	16,146	1,028.52	16,172	-0.1	0.2
Ikan Air Tawar/ Air Payau	3,051.87	40,111	3,042.29	44,181	-0.3	10.2
Tangkapan Ikan Laut	29,124.92	168,515	29,123.85	169,062	-0.004	0.3
Ikan diproses	16,769.18	120,845	16,526.97	120,816	-1.4	-0.024
Ikan Akuarium/Hiasan ('000 ekor)	14,551,507	23,836	15,349,761	21,592	5.5	-9.4

Sumber: Jabatan Perikanan



**Rajah 2.4** Anggaran Nilai Eksport (RM Juta) Hasil Perikanan Utama Negeri Johor 2016

## TERNAKAN

Nilai ditambah subsektor ternakan dianggarkan berada di dalam trend peningkatan berikutan peningkatan ketara pada tahun sebelumnya. Program-program pembangunan industri ternakan yang dilaksanakan kerajaan menjadikan Johor sebagai negeri yang memberi paling banyak sumbangan terhadap sektor ternakan utama. Ternakan ayam/itik di Johor merupakan pemacu kepada industri ternakan di Malaysia. Kebanyakan ternakan adalah untuk kegunaan domestik dan untuk eksport ke Singapura. Pengeluaran ayam/itik yang merupakan penyumbang terbesar (sebanyak 93%) untuk subsektor ini meningkat sebanyak 2.0% sementara pengeluaran ternakan lain pula adalah bercampur-campur. Jadual 2.4 mempamerkan jumlah pengeluaran ternakan mengikut jenis di Negeri Johor dalam tan metrik.

Jumlah ternakan lain di dalam Jadual 2.4 merangkumi jumlah ternakan babi, burung unta, puyuh dan rusa. Jumlah pengeluaran burung puyuh negeri Johor meningkat sebanyak 13.8% pada tahun 2016 (1,312,044 ekor pada tahun 2016 berbanding hanya 1,153,040 ekor pada tahun 2015). Walau bagaimanapun, jumlah tan metrik tidak bertambah kerana beratnya yang kurang signifikan.

Nilai eksport hasil ternakan di Negeri Johor pula mengalami pertumbuhan bercampur-campur pada tahun 2016 ini. Nilai eksport ayam hidup dianggarkan pada kadar stabil. Walau bagaimanapun nilai eksport itik hidup dianggarkan menurun sedikit pada kadar

6.6%. Ini adalah kerana peningkatan terhadap itik hidup yang sangat ketara bermula 2013. Jumlah eksport itik hidup juga telah meningkat sebanyak 274% pada tahun 2014. Ini berikutan bertambahnya permintaan dari negara jiran seperti Singapura dan Indonesia pada ketika itu. Walau bagaimanapun, berikutan tersebarnya penyakit virus burung, kerajaan Indonesia mengeluarkan perintah pemberhentian eksport daging itik dari Malaysia. Sementara itu, nilai eksport telur ayam pula dianggarkan menurun sebanyak 9.0%. Ini kerana meningkatnya permintaan terhadap sumber protein alternatif iaitu telur itik.

Permintaan terhadap daging itik juga dilihat sebagai amat merangsangkan di dalam negara kerana ramai yang mula menggemari tekstur daging itik yang lebih lembut. Pada awal tahun 2016 juga, fenomena El-Nino yang kurang sesuai untuk tanaman tetapi ternyata amat sesuai untuk penternakan itik daging dan telah menjadi aktiviti alternatif bagi pekebun dan penternak kecil-kecilan di negeri Johor. Ini telah menyebabkan terdapat penawaran yang lebih untuk daging itik di dalam industri pemakanan negara dan menjadi hidangan alternatif pada musim perayaan di beberapa negeri seperti Johor, Perak dan Kelantan (Bernama). Walau bagaimanapun perternakan ayam masih lagi mendominasi sektor ternakan kerana penghasilannya yang lebih cepat berbanding itik. Ini kerana itik serati memerlukan masa enam bulan untuk membesar sepenuhnya sebelum dijual di pasaran, berbanding ayam yang hanya memerlukan 34 hingga 40 hari.

**Jadual 2.4** Pengeluaran Ternakan Mengikut Jenis di Negeri Johor (Tan Metrik), 2011- 2016

Jenis Ternakan	Kuantiti					
	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Ayam/ Itik	450,323	442,902	435,173	451,477	457,499	449,065
Lembu/ Kerbau	5,900	5,777	5,866	5,783	5,760	5,761
Kambing/ <b>Bebiri</b>	161	164	166	139	146	132
Ternakan Lain	28,072	28,495	27,298	27,033	29,391	30,960
<b>Jumlah</b>	<b>484,456</b>	<b>477,338</b>	<b>468,503</b>	<b>484,432</b>	<b>492,796</b>	<b>485,918</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

**Jadual 2.5** Eksport Ternakan Utama Negeri Johor, 2011-2016

Jenis Ternakan	Nilai (RM'000)					
	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Ayam Hidup	470,827	429,437	452,482	471,686	462,760	463,382
Itik Hidup	25,231	26,433	77,987	213,899	183,831	171,683
Telur ayam	98,035	100,504	167,553	168,894	205,399	186,878

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia



## PERHUTANAN

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah melaksanakan 9 program pembangunan yang mengandungi pelbagai projek sepertimana yang dirancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011 – 2016). Ini merangkumi Pengurusan Sumber Hutan, Pembangunan Sumber Hutan, Hutan Lipur dan Eko-Pelancongan, Infrastruktur dan Utiliti, Pemeliharaan Sumber Hutan, IT dan K-Perhutanan, Publisiti, Latihan Dan Pengembangan, Kualiti Biji Benih dan Bahan Tanaman dan Operasi dan Penguatkuasaan. Untuk meningkatkan hasil perhutanan negeri, sektor perhutanan Johor juga telah menyertai inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan. Sebuah anak syarikat yang dikenali sebagai Forest Plantation Development Sdn. Bhd telah ditubuhkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) untuk menguruskan pembayaran pinjaman mudah, menjalankan proses pengauditan ladangserta untuk menyediakansokonganteknikaldan latihan untuk program yang dinamakan Projek Ladang Hutan (PLH) untuk menjana aktiviti menjadikan hutan sebagai ladang yang boleh menjana pendapatan bagi negeri Johor. Beberapa buah syarikat tempatan dan asing yang layak telah mengambil bahagian dalam program perladangan hutan tersebut dengan keluasan sebanyak 73,888.80 hektar.

Aktiviti perhutanan Negeri Johor telah menunjukkan trend peningkatan dengan kenaikan jumlah pengeluaran barangan kayu utama sebanyak 8.5% (292,133 meter padu pada tahun 2016, berbanding 269,371 meter padu yang dikeluarkan pada tahun 2015). Walau bagaimanapun jumlah eksport barangan kayu utama negeri menurun sebanyak 25.8% pada tahun 2016 (593,160 meter padu) berbanding 799,100 meter padu pada tahun 2015. Perabot menjadi penyumbang yang terbesar di kalangan aktiviti pemprosesan dalam industri perkayuan negara dengan eksport bernilai RM6.55 bilion. Adalah dianggarkan bahawa 50% daripada aktiviti ini adalah di negeri Johor, khususnya di daerah Muar. Bagi tahun 2016, keluasan hutan negeri Johor adalah 449,212 hektar, penurunan sebanyak 3.8% berbanding 466,792 hektar pada tahun 2015. Daripada jumlah keluasan tanah Negeri Johor, seluas 414,628 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984 berbanding hanya 351,301 hektar pada tahun 2015. Pengeluaran kayu balak Johor adalah sebanyak 47,472 meter padu dan hasil hutan lain yang berjumlah RM1,037,331. Industri hutan Johor yang lain juga melibatkan kilang papan, kilang papan lapis dan kayu kumai.

Selain dari pembalakan dan hutan simpan, hutan juga digunakan untuk tujuan rekreasi. Di antara aktiviti Eko-Perlancongan Johor ialah dengan memelihara Hutan Lipur Johor yang terdiri dari Hutan Lipur Gunung Arong, Hutan Lipur Gunung Pulai 2, Hutan Lipur Sungai Bantang, Hutan Lipur Soga Perdana, Hutan Lipur Panti, Hutan Lipur Gunung Belumut dan Hutan Lipur Taka Melor. Rekreasi hutan di negeri Johor telah menjana pendapatan melalui kedatangan pelancong-pelancong asing. Untuk lebih merencanakan kegiatan perhutanan di negeri Johor, beberapa aktiviti telah dirancang, diantaranya denganewartakan Muar sebagai Pusat Kecemerlangan Kayu dan Produk Berasaskan Kayu dan menganjurkan Karnival Pelancongan Ledang di daerah Tangkak.

## PERTANIAN LAIN

Pertanian lain yang terdiri daripada sayur-sayuran, buah-buahan, nanas, kopi, koko, tanaman kontan dan kelapa adalah salah satu sektor utama yang turut menyumbang kepada pertumbuhan KDNK di Malaysia.

Negeri Johor adalah di antara negeri yang mempunyai keluasan tanaman yang tinggi, keadaan ini turut memberi hasil tanaman yang tertinggi di Malaysia. Hal ini menjadikan Negeri Johor sebagai penyumbang terbesar terhadap sektor pertanian di Semenanjung Malaysia. Untuk tahun 2016, keluasan terbesar bagi pertanian lain di Johor dipelopori oleh buah-buahan (38,962 hektar), diikuti oleh sayur-sayuran (15,423 hektar) dan kelapa (11,750 hektar). Manakala tanaman lain seperti nanas, koko, kopi dan tanaman kontan turut menjadi penyumbang kepada sektor pertanian lain di Johor dengan keluasan anggaran di antara 353 hektar sehingga 6,826 hektar. Dianggarkan peningkatan yang positif berlaku terhadap keluasan kesemua tanaman melainkan koko, buah-buahan dan tanaman kontan jika dibandingkan dengan tahun 2015.

Seperti tahun-tahunsebelum, hampir separuh daripada pengeluaran pertanian lain di Negeri Johor disumbang melalui pengeluaran buah-buahan (48%). Selain itu, hampir 50% daripada pengeluaran buah-buahan di Semenanjung Malaysia adalah melalui Negeri Johor iaitu dengan anggaran sebanyak 585,893.6 tan metrik, dengan peningkatan sebanyak 11.7% berbanding tahun 2015 (524,462 tan metrik).

Selain buah-buahan, Johor juga adalah negeri pengeluar nanas terbesar negara iaitu 73% daripada

pengeluaran tanaman nanas di Malaysia disumbang oleh Negeri Johor. Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar utama nenas dunia selain daripada Thailand, Indonesia, Filipina, Hawaii, Ivory Coast, Kenya, Brazil, Taiwan, Australia, India dan Afrika Selatan. Mengikut Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) potensi eksport nenas Malaysia ke pasaran dunia termasuk negara-negara Arab iaitu Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Iran dan Hong Kong serta China melibatkan tiga jenis utama iaitu Morris, Josaphine dan MD2. Jadual 2.6 menunjukkan data berkenaan keluasan tanaman, hasil pengeluaran dan nilai bagi pertanian Negeri Johor bagi tahun 2015-2016. Pengeluaran kedua tertinggi selepas buah-buahan dijangkakan terhadap sayur-sayuran (229,180 tan metrik), diikuti nenas segar (175,766 tan metrik), kelapa (95,667 tan metrik), tanaman kontan (49,884 tan metrik), nenas kaleng (51,200 tan metrik), kopi (6,042.6 tan metrik) dan koko (138 tan metrik). Anggaran pengeluaran nenas segar untuk tahun 2016 dijangka berkurang sebanyak 10.7% berbanding 2015 dengan nilai pengeluaran berjumlah RM140.49 juta.

Sepanjang tahun 2014 dan 2015, nilai pengeluaran tertinggi daripada hasil pertanian lain negeri Johor adalah terhadap buah-buahan (RM507,613 ribu), sayur-sayuran (RM533,760 ribu), diikuti nenas segar (RM140,494 ribu), kelapa (RM114,717 ribu), tanaman kontan (RM56,668 ribu), nenas kaleng (RM40,960 ribu), kopi (RM7,710 ribu) dan koko (RM1,183 ribu). Penanaman kopi di Malaysia tidak mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pekebun berbanding tanaman-tanaman yang lain. Johor mempunyai lima daerah pengeluar kopi iaitu pengeluar tertinggi di Pontian, Batu Pahat, Kluang,

Muar dan Kulai. Meskipun Sabah mempunyai keluasan tanaman kopi yang lebih besar berbanding Johor, akan tetapi Johor adalah negeri pengeluar kopi terbesar di Malaysia diikuti oleh Sabah. Ini disebabkan hasil buah kopi daripada pokok kopi Liberica paling meluas ditanam di Johor dan ia mempunyai hasil yang lebih tinggi berbanding jenis Robusta (FAMA, 2014). Pengeluaran hasil tanaman kopi dijangkakan lebih baik jika dibandingkan dengan tahun 2015. Ini adalah hasil usaha pelbagai pihak termasuk FAMA dan para usahawan dalam memajukan industri penanaman kopi. FAMA turut menggalakkan usahawan muda yang berminat dengan membantu mereka membuka kiosk/outlet Kopiesatu.

Selain dari pengeluaran kopi, pengeluaran koko Negeri Johor turut meningkat secara positif pada tahun 2016 berbanding 2015. Lembaga Koko Malaysia sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran koko dan terus menjadikan industri koko sebagai salah satu enjin pembangunan ekonomi negara. Di antara usaha penyelidikan yang dijalankan adalah ke atas penggunaan semula bahan sampingan koko seperti penghasilan gam daripada kulit koko. Usaha ini penting kerana ia dapat meningkatkan sumber pendapatan pekebun dan seterusnya dapat menarik minat petani-petani untuk terus menanam koko dan mungkin dapat meluaskan lagi kawasan tanaman koko. Pengeluaran sayur-sayuran dan nenas segar dianggarkan berkurang masing-masing, sebanyak 10-11%. Pengeluaran sayuran terjejas kerana peningkatan suhu telah menyebabkan air sungai menjadi kering. Pengeluaran yang berkurang juga menyebabkan nilai pengeluaran merosot sebanyak 12% berbanding tahun 2015 (52%).

**Jadual 2.6** Keluasan Bertanam dan Hasil Pengeluaran bagi lain-lain Tanaman di Negeri Johor, 2015-2016

Jenis	2015			2016		
	Keluasan bertanam	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM000 <sup>0</sup> )	Keluasan bertanam	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM000 <sup>0</sup> )
Koko	360	183	1,456	353	138	1,183
Kopi	1,025	4,892	5,870	1,127	6,043	7,710
Nanas Kaleng	1,957	57,319	45,855	2,007	51,200	40,960
Nanas Segar	6,357	196,773	157,222	6,826	175,766	140,494
Buah-buahan	46,094	540,040	715,013	38,962	585,894	507,613
Sayur-sayuran	14,962	254,344	607,882	15,424	229,180	533,760
Kelapa	11,738	98,869	118,544	11,751	95,667	114,717
Tanaman Kontan	3,599	57,501	65,548	3,437	49,884	56,668

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor.



Secara keseluruhannya, kuantiti pengeluaran di sektor pertanian Negeri Johor mengalami sedikit peningkatan pada tahun 2016 jika dibandingkan dengan 2014-2015. Hampir keseluruhan kecuali buah-buahan, koko dan tanaman kontan mengalami peningkatan keluasan berbanding 2015. Manakala faktor kemarau yang panjang pada tahun 2015 sehingga Januari 2016 telah menjejaskan pengeluaran tanaman seperti sayur-sayuran dan nanas. Bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian koko dan kopi di Johor, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh FAMA, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Lembaga Koko. Di antara inisiatif ini termasuk bantuan pemulihan kawasan kopi dan koko sedia ada, menggalakkan tanaman koko secara selingan, pemindahan teknologi, penganjuran latihan, kursus dan khidmat nasihat serta insentif pembelian input seperti baja dan racun. Penyelidikan secara berterusan giat dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Pertanian Johor dan MARDI bagi mendapatkan hasil yang berkualiti termasuk dengan cara membangunkan teknologi pengklonan buah-buahan melalui teknik konvensional dan moden, membangunkan sistem tanaman yang lebih cekap melalui penggunaan input yang optimum dan juga teknologi pembungkusan yang sesuai dan baik demi menjamin mutu dan kualiti pasaran domestik dan eksport. Selain itu, teknik fertigasi turut diperkenalkan bagi mengoptimalkan ruang tanaman yang kecil tetapi mampu menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Dengan kecanggihan teknologi, Malaysia mampu mengurangkan kebergantungan kepada hasil import untuk memenuhi permintaan dalam negara.

### **Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Pertanian Negeri Johor**

Galakan terhadap semua pengusaha tanaman agar memiliki skim-skim pensijilan sangat penting untuk memastikan industri pertanian dan makanan berasaskan pertanian terjamin dari segi kebersihan dan kualiti. Skim-skim pensijilan itu termasuklah myGAP (skim amalan pertanian baik Malaysia), myOrganic (skim organik Malaysia), MPCA (skim pensijilan fitosanitasi Malaysia) dan MAFAS (skim perakuan pensijilan pewasapan Malaysia). Skim MyOrganic bertujuan untuk memberikan sijil kepada usahawan yang mengusahakan pertanian berasaskan organik. Skim MPCA diperkenalkan bagi memudahkan dan mempercepatkan perdagangan hasil tani. Di Kulai, bantuan program galakan usahawan dan galakan peningkatan pengeluaran pertanian (PG3P) telah diadakan untuk menggalakkan para usahawan

kearah pertanian yang lebih cemerlang. Selain itu, para peserta juga diberikan taklimat berkenaan Garis Panduan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MesTI). Skim ini diperkenalkan sebagai penambahbaikan terhadap skim terdahulu iaitu Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M). Skim myGAP dan myOrganic telah meningkatkan kualiti hasil ladang bagi pengeluaran pertanian terutamanya dari segi pengurusan ladang, mutu dan keselamatan produk, jaminan keselamatan pekerja dan pemuliharaan alam sekitar. Dengan skim-skim ini, proses pemasaran hasil tanaman ke luar negara menjadi lebih mudah kerana ia diiktiraf oleh negara luar. Penambahbaikan ini adalah untuk memastikan industri pertanian berasaskan makanan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana menepati peraturan kebersihan. Kursus fertigasi di Tangkak telah diadakan untuk memberi pendedahan mengenai teknologi berkaitan baja untuk pertanian kepada para petani dan usahawan tani.

Untuk memperkasakan teknologi dan inovasi dalam industri pertanian dan agro-makanan, pelbagai program telah dilaksanakan di negeri Johor, di antaranya program lawatan sambil belajar di kalangan kumpulan pengembangan wanita. Misi penyampaian bantuan pertanian turut dijalankan di negeri Johor, selain daripada siri kursus yang dirangka oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor di bawah Kursus Usahawan Industri Asas Tani. Kursus-kursus yang telah dijalankan bertujuan memberi tunjuk ajar kepada usahawan. Ini merangkumi kursus 'hands-on' bagi memproses produk sejuk beku, kursus 'hands-on' pelbagai jenis biskut, kursus pembuatan sos dan pencicah, kursus 'hands-on' memproses cendol, ais krim dan cincau dan kursus 'hands-on' memproses pelbagai jenis mee. Selain itu, turut dijalankan adalah kursus kemahiran pertanian yang merangkumi bidang Pembangunan Keluarga Tani, pengurusan seni taman, pengurusan sayur-sayuran dan pengurusan dusun buah-buahan dan tapak semaian. Selain dari kursus hands-on, platform untuk pemasaran dan promosi produk pertanian dan perikanan juga diadakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor dengan menganjurkan pelbagai mini Agro Johor di beberapa daerah pertanian seperti Muar dan Segamat. Selain itu, usahasama di antara golongan petani, usahawan dan institusi penyelidikan serta agensi kerajaan penting bagi memastikan bekalan utama makanan negara mencukupi, selain memastikan industri pertanian kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara.

## SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN

Pada umumnya sektor perlombongan dan pengkuarian di Negeri Johor menunjukkan prestasi seperti tahun-tahun sebelumnya, di mana sektor ini memberikan sumbangan terkecil kepada KDNK di Negeri Johor pada tahun 2016. Ia merekodkan sumbangan hanya sekitar 0.4% sahaja pada tahun 2015 tetapi pada tahun 2016 sumbangannya adalah sebanyak 0.5%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan nilai ditambah sektor ini pada tahun 2016 agak memberangsangkan, iaitu sebanyak 19.3% (2015: 10.7%). Negeri Johor tidak mempunyai perlombongan utama seperti perlombongan minyak dan gas, timah atau bauksit. Setakat ini, hanya terdapat perlombongan dan pengkuarian bagi batu-bata, batu pejal, pasir silika dan lain-lain produk tanah atau pasir serta batu lombong secara kecilan yang

dihasilkan di Negeri Johor. Perincian data mengenai pengeluaran bahan batu-batuan dari perlombongan dan pengkuarian adalah seperti tertera dalam Jadual 2.7.

Dari Jadual 2.9 didapati ada perubahan sederhana tinggi di antara pengeluaran tahun-tahun 2013 sehingga 2016. Pada tahun 2015, peningkatan tinggi, iaitu sebanyak 25.2% pasir silika, 26.5% bagi pasir laut dan 32.1% batu pejal. Pada tahun yang sama, pengeluaran bagi pasir sungai air masin, batu-bata dan rumput adalah agak sederhana iaitu di sekitar 4.6% hingga 8.1%. Bagi tanah liat dan tanah merah pula, terdapat peningkatan pengeluaran yang agak tinggi iaitu masing-masing meningkat kepada 12.1%, dan 13.5%. Namun begitu, pengeluaran batu merah dan batu lombong pula menunjukkan penurunan sebanyak 15.0% dan 33.0%.

**Jadual 2.7** Pengeluaran Bahan Batu-Batuan di Negeri Johor 2012-2015

Jenis Pengeluaran	Kuantiti (000 metrik ton)				Perubahan (%)	
	2013	2014	2015	2016	2015	2016
Pasir Silika ('000 tan)	1,099.2	1,272.5	1,593.0	1,882.0	25.2	18
Pasir Laut ('000 tan)	490.0	532.0	673.0	748.0	26.5	11
Pasir Sungai Air Masin ('000tan)	1,577.0	1,624.0	1,755.0	1,854.0	8.1	6
Rumput ('000 tan)	1,575.0	1,670.0	1,747.0	1,870.0	4.6	7
Batu- Bata ('000 ketul)	709,700.0	609,840.0	659,484.0	701,000.0	8.1	6
Batu Pejal ('000 tan)	8,820.1	10,100.5	13,344.9	14,143.0	32.1	6
Genting ('000 keping)	21,477.8	30,495.5	27,652.0	32,187.0	-9.3	16
Tanah Liat ('000 ton)	145.0	140.1	157.0	175.5	12.1	12
Tanah merah ('000 tan)	2,153.6	3,219.3	3,653.0	4,480.0	13.5	23
Batu merah ('000 tan)	23.1	28.0	23.8	22.7	-15	-5
Batu lombong ('000 tan)	0.8	1.3	0.9	1.2	-33	37
Batu Besi ('000tan)	2.1	-	-	-	-	-

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Pada tahun 2016 pula, pada umumnya sektor perlombongan dan pengkuarian menunjukkan pertumbuhan yang agak tinggi dalam semua sub-sektor. Pengeluaran pasir silika merekodkan peningkatan yang agak tinggi dibandingkan dengan tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 18%. Begitu juga dengan pengeluaran genting yang meningkat sebanyak 66%. Pengeluaran rumput, pasir sungai, pasir laut, batu pejal, batu-bata dan tanah liat pula menunjukkan peningkatan yang sederhana tinggi, iaitu di antara 6% hingga 12%. Bagi tanah merah dan batu lombong pula, ia menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu masing-masing meningkat sebanyak 23% dan 37% jika dibandingkan dengan pengeluaran 2015. Pada keseluruhannya, untuk tahun 2016, pengeluaran bahan-bahan rumput, pasir, tanah liat, batu pepejal,

batu-bata serta semua sub-sektor bahan-bahan batuan dan pengkuarian adalah meningkat dengan stabil dan agak tinggi.

Berdasarkan data di atas, memang jelas permintaan terhadap pasir, tanah liat dan batu-bata adalah berkait rapat dengan kegiatan di sektor pembinaan dan industri pengeluaran bahan binaan di mana bahan-bahan tersebut adalah input untuk pengeluaran konkrit siap-bancuh dan simen. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam sektor pembinaan, KDNK bagi sektor ini menyumbang sebanyak 4.0% kepada KDNK Johor pada tahun 2016, iaitu meningkat sedikit berbanding pada tahun 2015 (3.9%). Bagi sektor pembinaan pula, pada tahun 2016 menunjukkan pertumbuhan sebanyak 19% berbanding pertumbuhan sebanyak 26% pada



tahun 2015. Ia agak menurun seolah-olah tiada kaitan antara kedua-dua sektor tersebut. Tetapi realitinya ialah permintaan bahan-bahan pembangunan di Kawasan Iskandar Malaysia termasuklah pembinaan Forest City masih berjalan dengan pesat. Justeru, permintaan pasir, rumput, batu pepejal serta genting adalah masih tinggi. Selain itu, sebagaimana terdapat dalam Laporan Tanah dan Galian Negeri Johor, sebahagian daripada pengeluaran bahan batuan ini adalah untuk tujuan eksport, khususnya ke negara jiran.

## SEKTOR PEMBUATAN

Nilai ditambah **sektor pembuatan** negeri Johor berkembang pada kadar 5.5% pada tahun 2016 (2015: 5.9%) manakala output sektor ini dianggarkan berkembang secara sederhana pada 5.2% iaitu RM183.4 bilion dalam tahun 2016 (2015: 5.5%; RM174.4 bilion). Output **industri berorientasikan eksport** meningkat tetapi dengan kadar yang lebih perlahan iaitu pada kadar 5.5% (2015: 5.8%) disebabkan permintaan dunia yang sederhana. Output **industri berorientasikan domestik** meningkat 5.4% (2015: 6.1%) hasil permintaan yang lebih tinggi bagi industri kelengkapan pengangkutan dan industri makanan. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh prestasi yang lebih baik dari industri berkaitan pembinaan. Sektor pembuatan terus

mendapat perhatian pelaburan domestik dan asing. Ini digambarkan oleh bilangan dan nilai projek yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bernilai RM22.8 bilion pada tahun 2016 (2015: RM31.1 bilion). Gaji purata bulanan pekerja sektor ini dianggarkan bernilai RM2,818 manakala produktiviti dianggarkan meningkat 5.4% (2015: RM2,748; 4.0%). Kadar penggunaan kapasiti berada pada 77.5% dalam tahun 2016 (2015: 76.7%) mencerminkan keadaan pengeluaran yang sederhana.

## Pengeluaran Industri Berorientasikan Eksport

Pengeluaran E&E negeri Johor dianggarkan berkembang 5.6% pada tahun 2016 (2015: 5.5%). Pertumbuhan disokong oleh pengeluaran komponen dan papan elektronik yang tumbuh 4.6% (2015: 5.3%), pengeluaran komputer dan kelengkapan peranti yang berkembang 7.2% (2015: 5.5%) serta pengeluaran elektronik pengguna yang tumbuh 5.5% (2015: 6.1%) (Rujuk Jadual 2.8). Perkembangan ini adalah selaras dengan kegiatan E&E dunia yang digambarkan oleh nisbah *book-to-bill* bagi Semiconductor Industry Association (SIA) melebihi satu dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Pelaburan yang diluluskan bagi industri E&E Johor mencatat RM2.2 bilion pada tahun 2016 (2015: RM142 juta).

**Jadual 2.8** Anggaran Output Sektor Pembuatan Negeri Johor bagi Tahun 2016

Jenis Industri	Nilai Pelaburan (RM Juta <sup>1</sup> )		Pertumbuhan
	2015	2016	
<b>INDUSTRI BERORIENTASIKAN DOMESTIK</b>	<b>2,976</b>	<b>2,865</b>	<b>-3.7%</b>
1 Pengilangan Makanan	9,609	10,133	5.50%
2 Produk Plastik	8,284	8,684	4.80%
3 Produk Galian Bukan Logam	4,951	5,195	4.90%
4 Produk Logam Asas	9,189	9,576	4.20%
5 Produk Logam Dibentuk	6,966	7,309	4.90%
6 Kelengkapan Pengangkutan	14,000	14,736	5.30%
<b>INDUSTRI BERORIENTASIKAN EKSPORT</b>	<b>18,201</b>	<b>28,075</b>	<b>54.2%</b>
1 Tekstil & Produk Tekstil	4,002	4,205	5.10%
2 Kayu & Produk Kayu	2,214	2,333	5.40%
3 Perabot & Kelengkapan	5,533	5,803	4.90%
4 Kertas, Percetakan & Penerbitan	3,218	3,368	4.60%
5 Kimia & Produk Kimia	18,172	19,129	5.30%
6 Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	331	344	3.90%
7 Produk Getah	3,820	4,024	5.40%
8 Pengilangan Jentera	3,322	3,476	4.60%
9 Produk Elektrik & Elektronik:	42,589	44,970	5.60%
-Komponen & Papan Elektronik	21,377	22,370	4.60%
-Komputer & Kelengkapan Peranti	12,659	13,574	7.20%
-Elektronik Pengguna	8,553	9,027	5.50%

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>1</sup>Pada harga semasa

Pengeluaran kimia dan produk kimia di Negeri Johor dianggarkan meningkat 5.3% (2015: 4.9%) hasil sokongan permintaan dan pengeluaran pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer (4.7%), pembuatan serat buatan manusia (5.7%) serta pembuatan produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani (6.5%).

Pengeluaran kayu dan produk kayu dianggarkan berkembang 5.4% (2015: 4.8%) sebahagian besarnya disokong permintaan lebih tinggi untuk pembuatan perabot kayu dan rotan dengan output yang meningkat serta papan partikel dan gentian semakin bertambah. Hasil dari eksport kayu gergaji dari pengilang-pengilang di negeri Johor dianggarkan meningkat terutama disebabkan peningkatan permintaan dari AS, Singapura dan Australia.

Pengeluaran produk getah meningkat 5.8% (2015: 5.9%) hasil peningkatan pengeluaran yang mendapat manfaat daripada harga bahan mentah yang lebih rendah. Nilai jualan produk getah meningkat semula, mencerminkan permintaan global yang kukuh untuk produk getah. Industri berasaskan getah mendapat manfaat daripada pengukuhan dolar AS.

### Pengeluaran Industri Berorientasikan Domestik

Permintaan domestik yang kukuh menyokong subsektor pembuatan berorientasikan domestik. Pengeluaran *bahan berkaitan pembinaan* berkembang 5.1% (2015: 6.3%) dengan peningkatan bagi pengeluaran *produk galian bukan logam, produk logam yang direka dan produk logam asas*. Subsektor ini disokong oleh pelaburan swasta yang berterusan, khususnya untuk pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC).

Pengeluaran kelengkapan pengangkutan meningkat 5.3% (2015: 8.4%), terutamanya disokong oleh pengeluaran alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor. Pembuatan produk makanan meningkat 5.5% (2015: 5.1%) terutamanya hasil pengeluaran sederhana produk minyak dan lemak sayuran dan haiwan (2016: 5.1%; 2015: 5.1%). Sementara itu, pengeluaran produk tenusu, produk bijian, kanji dan produk berkanji, produk makanan lain serta produk makanan haiwan tersedia dianggarkan meningkat, masing-masing, pada kadar 17.4%, 9.6%, 4.8% dan 8.2% (2015: 7.1, 5.9, 5.2 dan 2.6%). Pertumbuhan pengeluaran produk plastik pula mencatat peningkatan 5.1% (2015: 4.8%) hasil peningkatan permintaan serantau.

**Jadual 2.9** Pelaburan dalam Sektor Pembuatan yang Diluluskan untuk Negeri Johor bagi Tahun 2016

Jenis Industri	Nilai Pelaburan (RM Juta <sup>1</sup> )		Pertumbuhan %	Bahagian (%)
	2015	2016		
<b>INDUSTRI BERORIENTASIKAN DOMESTIK</b>	<b>2,972</b>	<b>3,503</b>	<b>17.90%</b>	<b>15.40%</b>
1 Pengilangan Makanan	1,619	652	-59.70%	2.90%
2 Produk Plastik	170	1,023	501.90%	4.50%
3 Produk Galian Bukan Logam	183	1,250	583.00%	5.50%
4 Produk Logam Asas	209	340	62.70%	1.50%
5 Produk Logam Dibentuk	685	207	-69.80%	0.90%
6 Kelengkapan Pengangkutan	106	32	-70.20%	0.10%
<b>INDUSTRI BERORIENTASIKAN EKSPORT</b>	<b>28,133</b>	<b>19,250</b>	<b>-31.60%</b>	<b>84.60%</b>
1 Tekstil & Produk Tekstil	8	427	5240.00%	1.90%
2 Kayu & Produk Kayu	412	31	-92.50%	0.10%
3 Perabot & Kelengkapan	30	110	265.30%	0.50%
4 Kertas, Percetakan & Penerbitan	31	3	-90.30%	0.00%
5 Kimia & Produk Kimia	733	1,033	41.00%	4.50%
6 Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	25,964	14,716	-43.30%	64.70%
7 Produk Getah	175	376	114.70%	1.70%
8 Pengilangan Jentera	393	266	-32.30%	1.20%
9 Produk Elektrik & Elektronik	142	2,186	1439.40%	9.60%
10 Alat-alat Sains dan Pengukuran	187	98	-47.60%	0.40%
11 Pelbagai	58	4	-93.10%	0.00%
<b>Jumlah</b>	<b>31,105</b>	<b>22,753</b>	<b>-26.80%</b>	

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia



## Pelaburan Dalam Sektor Pembuatan

Pada tahun 2016 pelaburan bernilai RM3.5 billion (2015: RM2.9 billion) telah diluluskan untuk industri-industri berorientasikan pasaran domestik di Negeri Johor. Bagi industri-industri berorientasikan eksport, pelaburan bernilai RM28.1 billion telah diluluskan (2015: RM19.3 billion) (Rujuk Jadual 2.8).

Pelaburan di dalam industri minyak dan gas yang telah diluluskan bagi tahun 2016 adalah bernilai RM25.9 billion (2015: RM14.7 billion). Sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah untuk pembangunan Hab Industri Minyak dan Gas Pengerang yang bertujuan untuk mewujudkan industri hiliran yang lebih dinamik dan progresif di Malaysia. Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) adalah tunjang utama bagi dua Projek-projek Permulaan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara. Ia melibatkan dua Projek Permulaan iaitu Projek Simpanan Minyak Serantau dan Hab Perdagangan dan Projek Meningkatkan Output Petrokimia. Pembangunan di Pengerang dianggar mewujudkan sebanyak 8,600 peluang pekerjaan dengan anggaran pendapatan kasar (GNI) yang bernilai RM18.3 bilion menjelang tahun 2020.

## SEKTOR PEMBINAAN

Mengikut Laporan Statistik Pembinaan Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2016 Negeri Johor merekodkan nilai kerja pembinaan sebanyak RM27,549 juta (21.7%) daripada jumlah pembinaan keseluruhan negara sebanyak RM126,838 juta. Johor merupakan negeri kedua tertinggi dalam nilai pembinaan selepas Negeri Selangor sebanyak RM27,779 (21.9%), diikuti Wilayah Persekutuan RM24,223 juta (19.1%), Sarawak RM8,848 juta (6.98%) dan Pulau Pinang RM6,747 juta (5.32%). Sumbangan bagi lima negeri tersebut berjumlah 75.0% daripada keseluruhan nilai kerja pembinaan. Nilai kerja pembinaan Negeri Johor pada tahun 2015 adalah RM22,177 juta bertambah sebanyak 19.5%.

Nilai ditambah sektor pembinaan menyumbang 4.6% kepada KDNK Negeri Johor pada tahun 2016, turun sedikit daripada tahun 2015 (5.9%). Pertumbuhan nilai ditambah sektor ini mencerminkan keaktifan aktiviti pembinaan di Negeri Johor agak perlahan dibanding dengan tahun 2015. Keaktifan sektor ini disokong oleh prestasi subsektor kediaman dan bukan kediaman dengan pelaksanaan pelbagai projek antaranya pembinaan rumah teres, rumah kembar, rumah pangsa, rumah kos rendah, pembinaan sekolah,

pembinaan masjid, binaan khas, industri, pembinaan kompleks komersial dan hotel, kerja menaik taraf dan membaik pulih dan penyelenggaraan bangunan awam.

Nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor menunjukkan peningkatan sebanyak 19% pada tahun 2016 (2015: 26.2%). Nilai ditambah yang disumbangkan oleh sektor pembinaan bertambah daripada RM5,725 juta pada tahun 2015 kepada RM6,813 juta pada tahun 2016. Sektor pembinaan Negeri Johor bergerak agak perlahan dalam tahun 2016, di mana bilangan transaksi dan nilai transaksi menurun, masing-masing dengan 16.1% dan 10.2% berbanding tahun 2015. Subsektor kediaman menguasai pasaran hartanah keseluruhan, menyumbangkan 65.4% daripada bilangan pasaran hartanah Negeri Johor. Sepanjang tahun 2016, Negeri Johor telah merekodkan 40,066 transaksi dengan nilai keseluruhan sebanyak RM19.45 billion (2015: 47,728 transaksi bernilai RM21.65 billion). Mengikut Laporan Pasaran Harta, terdapat pertumbuhan negatif dalam semua subsektor. Subsektor industri telah menurun dengan kadar 35.6%, subsektor komersil (-25.5%), tanah pembangunan (-25.0%), kediaman (-15.7%) dan pertanian (-8.1%).

Pada tahun 2016, pelbagai projek pembinaan dilaksanakan di Negeri Johor. Antara projek mega yang siap pada 2016 adalah projek Afiniti Medini bernilai RM2.5 billion, Projek Teega@Puteri Harbour dengan nilai pembangunan RM1.34 billion. Kedua-dua projek ini berkonsep eko-pembangunan bercampur yang terdiri dari beberapa komponen iaitu kediaman, pangsapuri berservis, ruang pejabat dan ruang runcit. Satu lagi projek pembangunan bercampur, D'Pristine@Medini hampir siap dibina dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 2017. Masih terdapat berbagai projek pembangunan yang rancak dilaksanakan di Medini Iskandar iaitu Sunway Iskandar, Paradiso Nuova, UMCity Medini Lakeside, The Meridin yang semuanya dijangka siap pada 2018. Selain itu, terdapat projek pembangunan pembinaan masjid di mana beberapa masjid telah siap dibina pada tahun 2016 iaitu Masjid Felda Air Tawar1, Kota Tinggi dengan kos RM420,000, Masjid Jamek Kampung Bendahara, Mersing, kos RM2.3 juta, dan baik pulih masjid Nurul Yakeen, Segamat dengan kos RM720,000. Selain itu, pembinaan semula pasar awam Kampung Melayu Majidee, Johor Bharu dengan kos RM20 (lewat jadual) dan telah siap sepenuhnya awal 2017. Subsektor kejuruteraan awam juga bergerak cergas antaranya termasuk, menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang dari 4 lorong ke 6 lorong (Fasa 1), Johor Bahru dengan kos RM1.48 juta telah siap pada Mei 2016, menaik taraf

jalan dari bandar Penawar ke Sungai Rengit, Kota Tinggi dari 2 lorong kepada 4 lorong, Pekej A dengan kos RM193 juta dan Pekej B dengan kos RM151.4 juta dan dijangka siap pada tahun 2017. Selain itu, penggantian jambatan sedia ada di Batu Pahat dengan kos projek RM8.9 juta dan dijangka siap pada

2017, pembinaan Empangan Kahang, dan dijangka siap pada 2017. Secara keseluruhan, aktiviti sektor kecil kediaman dan bukan kediaman adalah aktif sepanjang tahun 2016 di Negeri Johor terutamanya di Medini Iskandar Malaysia.

**Jadual 2.10** Penawaran Unit Kediaman (Stok Sedia Ada) Mengikut Jenis Di Negeri Johor, 2014-2015

Daerah	Stok Sedia Ada		Penyiapan Baru		Penawaran di Rancang		Dalam Pembinaan	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Johor Bahru	370,753	367,594	6,836	5,397	15,020	7,685	128,864	80,435
Kota Tinggi	25,137	24,774	34	0	1,799	2,291	6,196	5,973
Pontian	212,819	22,136	25	317	2,885	34	3,579	3,290
Kluang	59,598	60,505	1,613	882	14,285	528	2,684	2,094
Mersing	6,619	6,770	146	151	507	207	626	513
Batu Pahat	73,214	74,132	847	932	23,036	984	10,284	9,476
Muar	47,296	47,605	179	285	5,982	75	9,369	9,160
Segamat	39,103	40,169	230	1062	3,176	258	4,069	3,278
Kulai	66,601	66,969	26	368	1,546	374	5,460	4,994
Tangkak	20,876	20,979	87	103	92	0	1,819	1,903
<b>Jumlah</b>	<b>731,016</b>	<b>731,633</b>	<b>10,023</b>	<b>9,497</b>	<b>168,308</b>	<b>12,436</b>	<b>172,950</b>	<b>121,116</b>

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

### Pembinaan Unit Kediaman

Teras pertama kerajaan Negeri Johor adalah mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kemajuan dan permodenan ekonomi Johor tidak akan bermakna sekiranya rakyat Johor masih sukar untuk mendapatkan kediaman yang selesa. Jesteru, perumahan menjadi

agenda keutamaan Kerajaan Negeri Johor, iaitu semua penduduk mesti mempunyai tempat berlindung yang baik yang mana rumah adalah tempat hidup untuk memupuk nilai yang mulia, ruang untuk pembelajaran yang selesa bagi anak-anak dan medan untuk membina kehidupan sakinah.

**Jadual 2.11** Penawaran Unit Kediaman (Stok Sedia Ada) Mengikut Jenis Di Negeri Johor, 2015-2016

Daerah	Teres Sefingkat		Teres 2-3 Tingkat		Pangsapuri/ Kondominium	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Johor Bahru	77,164	77,164	112,145	114,699	27,459	28,100
Muar	9,847	9,957	4,531	4,565	1,228	1,228
Batu Pahat	23,158	23,910	11,712	11,858	482	482
Kluang	19,878	20,060	9,332	9,926	0	0
Segamat	11,784	12,167	5,491	5,891	0	0
Kota Tinggi	7,318	7,318	3,228	3,228	56	56
Pontian	4,780	4,917	2,255	2,390	0	0
Mersing	1,725	1,855	552	573	0	0
Kulai	26,684	26,684	17,682	18,050	1,908	1,908
Tangkak	5,366	5,399	2,859	2,859	225	225
<b>Jumlah</b>	<b>187,704</b>	<b>189,431</b>	<b>169,787</b>	<b>174,039</b>	<b>29,475</b>	<b>31,999</b>



Daerah	Rumah Bekembar Setingkat		Rumah Berkembar 2-3 Tingkat		Rumah Kos Rendah	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Johor Bahru	5,272	5,272	9,902	9,902	46,466	46,466
Muar	6,502	6,628	2,012	2,012	6,042	6,042
Batu Pahat	4,804	4,804	2,329	2,329	15,767	15,767
Kluang	3,088	3,096	1,346	1,410	18,286	18,327
Segamat	2,444	2,466	680	824	10,276	10,340
Kota Tinggi	852	852	26	26	6,258	6,258
Pontian	1,840	1,840	374	406	4,715	4,715
Mersing	204	204	10	10	2,454	2,454
Kulai	1,213	1,213	1,339	1,339	10,078	10,078
Tangkak	1,614	1,634	588	638	5,528	5,528
<b>Jumlah</b>	<b>27,833</b>	<b>28,009</b>	<b>18,606</b>	<b>20,112</b>	<b>125,870</b>	<b>125,975</b>

Sumber: Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Fokus dan strategi perumahan pada tahun 2016 oleh kerajaan Johor ialah meneruskan pembinaan rumah mampu milik dengan lebih banyak, membantu membaik pulih rumah yang uzur, menyediakan kemudahan skim pembiayaan serta memantapkan sistem permohonan agar lebih telus.

Jadual 2.9 menunjukkan data pembinaan rumah kediaman di Negeri Johor bagi tahun 2015-2016. Berdasarkan data pembinaan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Dalam bajet 2016, kerajaan telah mensasarkan untuk membina rumah sebanyak 60,000 unit menjelang 2019. Dalam pembentangan bajet 2017 pula, telah dilaporkan bahawa sebanyak 8,766 unit rumah telah disiapkan manakala 11,049 unit lagi dalam pembinaan. Baki 40,022 unit daripada sasaran 60,000 akan mula dibina pada tahun 2017 sehingga 2020.

Kewangan Malaysia, bilangan unit kediaman yang sedia ada pada tahun 2016 adalah 731,633 unit berbanding 731,016 pada 2015 menunjukkan peningkatan hanya sebanyak 4.1%. Rumah kediaman yang masih dalam pembinaan adalah sebanyak 121,116 unit pada tahun 2016, manakala pada tahun 2015 adalah sebanyak 172,950 unit iaitu berkurang sebanyak 30.0%. Rumah kediaman dalam pembinaan di Johor pada 2016 tertumpu di Johor Bahru 80,435 unit (66.41%), Batu Pahat 9,476 unit (7.8%), Muar 9,160 unit (7.6%), Kota Tinggi 5,973 unit (4.9%) dan Kulai 4,994 unit (4.1%) manakala di daerah lain kurang daripada 4%. Bilangan unit kediaman dalam pembinaan berkurangan di semua daerah Negeri Johor kecuali Tangkak. Bilangan rumah yang baru siap dibina pada tahun 2016 sebanyak 9,497 unit manakala pada 2015 sebanyak 10,023 unit iaitu berkurang sebanyak 5.5%.

Jadual 2.10 menunjukkan data penawaran unit kediaman mengikut jenis di Negeri Johor pada 2015-2016. Terdapat paling banyak rumah teres setingkat 189,431 unit (26%) pada tahun 2016 (2015:187,704 unit) dengan peningkatan sebanyak 1.0%, diikuti rumah teres 2-3 tingkat 174,039 unit (24%) dan rumah awam kosrendah 125,975 unit (17.2%). Bilangan unit kediaman pangsapuri atau kondominium adalah berjumlah 31,999 (4.4%) manakala rumah kembar 2-3 tingkat berjumlah 20,112 unit (2.7%). Taburan ini menunjukkan kerajaan Negeri Johor memberi tumpuan dalam usaha mempertingkatkan pembinaan rumah mampu milik dan rumah awam kos rendah. Keaktifan kerja-kerja pembinaan ini secara tidak langsung telah meningkatkan aktiviti kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan jalan raya, longkang dan kerja-kerja lanskap.

### Pembinaan Bangunan Industri

Subsektor industri menyumbang sebahagian kecil kepada keseluruhan aktiviti pasaran harta. Terdapat 730 transaksi bernilai RM2.03 bilion direkodkan, iaitu penurunan nilai sebanyak 35.6% dan 13.1%. Aktiviti pembinaan dalam subsektor ini menurun kecuali unit penyediaan baru yang meningkat kepada 375 unit, pertambahan melebihi dua kali ganda jika dibandingkan dengan 98 unit pada tahun 2015. Pada tahun 2015, stok sedia ada sebanyak 14,508 unit bertambah kepada 15,604 unit pada 2016 iaitu dengan pertambahan sebanyak 7.5%. Untuk tahun 2016, unit bangunan industri yang masih dalam pembinaan ialah 1,927 unit iaitu berkurang sebanyak 35.2%. Pengurangan unit dalam pembinaan adalah disebabkan banyak unit yang telah siap dan berkurangnya unit baru yang mula dibina.

Kebanyakan unit industri yang dalam pembinaan 1,927 unit itu adalah penyambungan pembinaan yang belum siap pada tahun 2015 dan hanya 206 unit yang mula dibina pada 2016. Manakala, kebanyakan

unit yang masih dalam pembinaan tertumpu di Johor Bahru dengan jumlah 1,334 unit (69.2%) yang meliputi kawasan Iskandar. Lihat jadual 2.11.

**Jadual 2.12** Penawaran Pejabat Binaan Khas Di Negeri Johor 2014-2015

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Dalam Pembinaan	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
Johor Bahru	9,229	9,611	59	171	2,028	1,334
Kota Tinggi	389	395	0	0	0	0
Pontian	250	298	0	0	153	136
Kluang	958	958	33	33	66	48
Mersing	40	40	0	0	33	33
Muar	173	173	0	0	0	0
Batu Pahat	1,387	1,464	0	0	40	42
Segamat	377	442	0	65	127	62
Kulai	1,497	2,015	6	106	528	272
Tangkak	208	208	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>14,508</b>	<b>15,604</b>	<b>98</b>	<b>375</b>	<b>2,975</b>	<b>1,927</b>

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

### Pembinaan Pejabat Binaan Khas

Aktiviti pembinaan di sektor pejabat binaan khas menurun pada tahun 2016 berikutan tiada penyiapan baru. Terdapat hanya dua unit mula dibina (78,996 meter persegi). Sehingga hujung tahun 2016 terdapat 212 unit bangunan pejabat sedia ada dengan keluasan ruang 1,083,867 meter persegi.

Kadar penghunian pejabat binaan khas lebih baik sedikit jika dibandingkan dengan tahun 2015 (79.9%) dengan kadar 80.7%. Terdapat 3 unit binaan khas dalam pembinaan dengan keluasan 82,127 meter persegi dan kesemua unit ini terletak di Johor Bahru. Penawaran pejabat binaan khas Negeri Johor boleh dirujuk di Jadual 2.12.

**Jadual 2.13** Penawaran Pejabat Binaan Khas Di Negeri Johor 2015-2016

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Dalam Pembinaan	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Johor Bahru	97	96	4	0	3	3
Kota Tinggi	11	11	0	0	0	0
Pontian	7	7	0	0	0	0
Kluang	12	12	0	0	0	0
Mersing	12	12	0	0	0	0
Muar	21	21	0	0	0	0
Batu Pahat	29	29	0	0	0	0
Segamat	18	18	0	0	0	0
Kulai	6	6	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>142</b>	<b>139</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>7</b>

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)



## Pembinaan Kompleks Perniagaan

Pada akhir tahun 2016, terdapat sebanyak 140 unit kompleks perniagaan di Negeri Johor dengan keluasan ruang 1,764,087 meter persegi dan kadar penghunian 73.3% menyusut sedikit jika dibandingkan dengan 74.8% pada 2015. Sepanjang tahun 2016, tidak banyak pertambahan kompleks perniagaan di Negeri Johor, di mana hanya satu unit kompleks perniagaan telah siap dibina, Econsave Cash and Carry Permas, Johor Bahru dengan keluasan ruang 5,970 meter padu. Masih terdapat enam unit kompleks perniagaan dalam pembinaan, iaitu lima unit di Johor Bahru dan satu unit di Kota Tinggi dengan keluasan ruang masing masing 249,790 dan 13,006 meter persegi. Penawaran unit kompleks perniagaan Negeri Johor boleh dirujuk di Jadual 2.13.


## Pembinaan Kompleks Riadah

Dalam subsektor riadah, pada tahun 2016 terdapat empat hotel baru memasuki pasaran dengan penawaran sebanyak 817 bilik. Hotel tersebut adalah Hotel DB lifestyle Wellness Resort, Hotel Viva Bestari Inn, Hotel Swiss Inn dan Hotel Butik Amerin. Secara keseluruhan, Negeri Johor masih kekal sebagai negeri yang mempunyai bilangan hotel yang paling banyak di Malaysia, iaitu sebanyak 383 hotel dengan 23,852 bilik. Sehingga hujung tahun 2016, masih terdapat 10 buah hotel dalam pembinaan dengan 2,781 bilik.

**Jadual 2.14** Penawaran Unit Kompleks Perniagaan Di Negeri Johor 2015-2016

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Dalam Pembinaan	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Johor Bahru	63	64	1	1	5	5
Kota Tinggi	7	7	0	0	1	1
Pontian	7	7	0	0	0	0
Kluang	10	10	0	0	0	0
Mersing	0	0	0	0	0	0
Muar	8	8	0	0	1	0
Batu Pahat	16	16	0	0	0	0
Segamat	13	13	0	0	0	0
Kulai	11	11	0	0	0	0
Tangkak	4	4	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>139</b>	<b>140</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>7</b>	<b>6</b>

Sumber: Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)



# SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016

LAPORAN EKONOMI 2016/2017 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

### PENDAHULUAN

Bab ini memperihalkan prestasi ekonomi makro Negeri Johor di tahun 2016 dari aspek output sektor-sektor ekonomi, khususnya sektor-sektor perkhidmatan, dengan lebih terperinci daripada yang telah diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memperihalkan output ialah nilai output kasar dan

nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, MIDA, NAPIC serta beberapa agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri.

**Jadual 3.1** Sumbangan Dan Pertumbuhan Sektor-Sektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2015 dan 2016

SEKTOR	NILAI DITAMBAH (RM Juta)		SUMBANGAN (%)		PERTUMBUHAN (%)	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
<b>SEKTOR</b>	<b>46,528</b>	<b>49,239</b>	<b>47.10%</b>	<b>47.10%</b>	<b>4.60%</b>	<b>5.80%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	11,710	12,768	11.80%	12.20%	6.20%	9.00%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	12,376	13,148	12.50%	12.60%	6.90%	6.20%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,945	10,203	10.10%	9.80%	1.40%	2.60%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,175	4,411	4.20%	4.20%	4.20%	5.70%
Perkhidmatan Kerajaan	8,322	8,709	8.40%	8.30%	3.10%	4.70%

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia. Data nilai ditambah bagi tahun 2016 adalah anggaran UPEN Johor

Pertumbuhan nilai ditambah sektor-sektor perkhidmatan Negeri Johor di tahun 2016 adalah menyeluruh. Pengeluaran sektor-sektor perkhidmatan meningkat berikutan peningkatan di dalam penggunaan domestik dan pelaburan swasta yang membantu meningkatkan permintaan bagi pelbagai jenis perkhidmatan. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkhidmatan dipacu oleh subsektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi yang tumbuh 9.0% dan subsektor Perniagaan Borong Dan Runcit, Kediaman Dan Restoran yang tumbuh 6.2%. Subsektor-subsektor ini masing-masing menyumbang 12.2% dan 12.6% kepada KDNK negeri.

Sektor perkhidmatan meningkat 5.8% pada tahun 2016 (2015: 4.6%) sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan yang mapan. Pada tahun 2016, sektor perkhidmatan kekal merangkumi 47.1% daripada KDNK Negeri (2015: 47.1%). Kumpulan perkhidmatan perantara meningkat 7.6% (2015: 2.2%) disokong subsektor komunikasi dan maklumat serta

hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, kumpulan perkhidmatan akhir meningkat 3.9% (2015: 2.2%) diterajui subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan serta perkhidmatan lain.

### SEKTOR UTILITI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2016

#### Utiliti


Permintaan terhadap elektrik dan air adalah selari dengan jumlah penduduk, taraf hidup penduduk, keaktifan sektor pembuatan serta kegiatan sektor-sektor kecil perkhidmatan seperti perhotelan, restoran, peruncitan, dan pergudangan. Dengan dibantu oleh pertumbuhan sektor-sektor kecil ini nilai ditambah bagi sektor utiliti, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi pada tahun 2016 dianggarkan meningkat 6.7% (2015: 6.3%).

**Air**

Air adalah keperluan yang sangat asasi. Air yang berkualiti adalah penting bagi keperluan kehidupan seharian sebagai input kepada beberapa industri dalam sektor pembuatan, industri perhotelan dan restoran. Kerajaan negeri sentiasa memberi tumpuan terhadap penambahbaikan pengurusan sumber air yang dilakukan oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) supaya dapat membekal air yang bersih mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini dilakukan dengan meningkatkan penguatkuasaan lesen jeti dan penambakan laut dengan menguatkuasakan secara lebih tegas dan berkesan undang-undang terhadap pencemaran air dan meningkatkan hasil negeri seperti melesenkan abstraksi sumber air, jeti dan penambakan laut seperti peruntukan dalam Enakmen Air 1921 (Pindaan 2014). Syarikat Air Johor Holding (SAJH) telah diberi amanah dan tanggung jawab untuk membantu kerajaan Negeri Johor dalam menyelesaikan isu bekalan air iaitu dalam pembangunan sumber air, pembinaan loji rawatan dan mengurus operasi penyelenggaraan loji rawatan air.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi masalah kekurangan air disebabkan musim kemarau dan pertambahan permintaan yang tinggi. Di daerah Johor Bahru, Pontian dan Kulai, telah dilanda kemarau dari Ogos 2015- Januari 2016. Masalah kekurangan air ini telah diselesaikan dengan pemindahan air mentah dari Empangan Selayut ke Empangan Upper Layang yang dalam peringkat pelaksanaan, Projek Layang 1 dengan kapasiti 159 juta liter sehari (JLH). Manakala di daerah Mersing, mengalami musim kemarau dari

April hingga Oktober 2016, penyelesaiannya adalah dengan pemindahan air mentah dari Sungai Lenggur ke Empangan Congok sebanyak 16 JLH dengan pembinaan paip sepanjang 31.4 kilometer. Kerajaan Pusat juga telah memperuntukkan sebanyak RM7 juta untuk menaiktaraf Empangan Congok bagi penyelesaian jangka panjang. Di daerah Kota Tinggi, musim kemarau Ogos 2015 – Oktober 2016, penyelesaiannya ialah dengan pemindahan air mentah dari Sungai Air Papan ke Empangan Lebam (Oktober 2015) dan diikuti dengan pemindahan air mentah dari Empangan Seluyut ke Empangan Lebam (Februari 2016). Untuk Daerah Kluang, masalah krisis air diatasi dengan membina Empangan Kahang dengan kapasiti storan sebanyak 30.8 juta meter padu (MCM) dan menghasilkan 110 JLH. Untuk penyelesaian jangka panjang, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan perbelanjaan bagi membina Loji Rawatan Air Kahang yang baru yang dapat menghasilkan 40 JLH dan dijangka siap pada 2018. Pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) juga akan membina paip bagi pemindahan air mentah dari Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur. Sementara itu di Muar pula masalahnya berbeza dengan daerah-daerah lain, iaitu masalah kemasukan air masin ke loji. Ini akan diatasi dengan pembinaan Barrage Sungai Muar yang masih lagi dalam peringkat kajian. Bagi mengatasi masalah bekalan air di Batu Pahat, projek menaiktaraf Empangan Bekok telah dilaksanakan. Dengan perlaksanaan projek ini, adalah dijangka akan dapat meningkatkan kapasiti takungan air mentah di Empangan Bekok daripada 32 MCM kepada 61.7 MCM dan menaikkan aras simpanan air daripada 13.3 meter kepada 15.5 meter dan mampu menghasilkan 270 JLH air.



**Rajah 3.1a** Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori di Negeri Johor, 2012-2016  
 Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd.


Nota: Lain-lain\* termasuk Institusi Keagamaan/Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan, Kios Air dan Lain-lain Bil Yang di Tuntut Melalui Inbois.



Dalam bajet 2017, dalam strategi mengurangkan kos sara hidup kerajaan negeri akan memperluaskan Program Air Percuma sebanyak 25 meter padu melalui Syarikat Air Johor (SAJ). Program ini melibatkan penerima dalam senarai E-Kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli, yang akan memberi manfaat kepada kira-kira 5,000 penduduk. Program Air percuma ini akan menelan belanja sebanyak RM3 juta.

Rajah 3.1a menunjukkan penggunaan air di Johor mengikut kategori. Jumlah penggunaan air telah bertambah dari 462.1 juta meter padu pada tahun 2015 kepada 470.8 juta meter padu pada 2016 iaitu pertambahan sebanyak 1.9%. Pengguna utama adalah dalam sektor Domestik (termasuk penggunaan domestik, kuarters estet dan rumah pangsakondominium (56.7%)), Bukan Domestik

(termasuk Perdagangan, /Sekolah/Madrasah/Tadika (39.1%)) dan Lain-lain (termasuk Institusi Keagamaan/Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan dan kios air, dan lain-lain bil yang dituntut melalui inbois) (1.2%). SAJ telah berusaha melaksanakan berbagai program untuk menurunkan kadar air tanpa-pendapatan (non-revenue water - NRW) dan didapati peratus NRW pada mulanya telah menurun daripada 26.4% (2013) kepada 25.9% (2014) dan terus menurun kepada 25.6% pada tahun 2015. Walaubagaimanapun, pada tahun 2016 ianya meningkat sedikit kepada 25.9%. Ia merupakan kadar NRW yang rendah dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia. SAJ telah mengenalpasti komponen kehilangan yang menyumbang kepada NRW dan mendapati terdapat kebocoran pada paip utama dan paip hubungan dan kehilangan komersil.




**Rajah 3.1b** Taburan Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor, 2016.  
 Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Penggunaan air mengikut daerah paling tinggi adalah di daerah Johor Bahru sebanyak 227.2 juta meter padu, 48.2% (2015 :225 juta meter padu) daripada keseluruhan penggunaan air Negeri Johor sejajar dengan pembangunan pesat Iskandar Malaysia sebagai pusat pentadbiran dan komersil Negeri Johor dan pembangunan hartanah. Penggunaan tertinggi berikutnya adalah daerah Kulai sebanyak 49.3 juta meter padu (2015: 48 juta meter padu) bersamaan 10.5%. Daerah Kulai yang juga berada di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar semakin berkembang berikutan pertambahan kilang dan terdapat berbagai pusat beli-belah di daerah itu termasuk Johor Premium Outlet. Diikuti jumlah penggunaan di daerah Batu Pahat sebanyak 43.1 juta meter padu (2015: 41.6 juta meter padu) iaitu 9.2% daripada jumlah penggunaan air Negeri Johor. Penggunaan air di daerah lain kurang daripada 7.0% (Rujuk Rajah 3.2).

Bagi menampung keperluan pembangunan yang semakin rancak dan memenuhi peningkatan drastik terhadap permintaan air bersih di Iskandar Malaysia dan kawasan-kawasan lain, Kerajaan Johor merancang membangun sumber air baru bagi menampung bekalan air di negeri ini. Dalam laporan bajet 2017, Kerajaan Negeri berazam untuk menyelesaikan masalah air dengan segera dan sebaiknya, dengan memperuntukkan sebanyak RM79.7 juta yang melibatkan pembinaan infrastruktur air:

- Melaksana projek Pemindahan Air Mentah dari Sungai Lenggong ke Empangan Congok dengan peruntukan sebanyak RM65 juta.
- Melaksana pembinaan 2 buah telaga tiub di Kota Tinggi dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
- Melaksana penyelenggaraan kawasan tadahan Empangan Layang Hulu dan Layang Hilir dengan peruntukan sebanyak RM900 ribu.



**Rajah 3.2** Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Daerah di Negeri Johor 2012-2016  
 Sumber : SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

- Melaksana projek pemasangan system pemantauan kualiti air di Sungai Johor, dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
- Melaksana plan pengurusan kawasan tadahan air di Sungai Gembut, Kota Tinggi dengan peruntukan sebanyak RM600 ribu.
- Melaksana pemetaan udara menggunakan Unmanned Aerial Vehicle (UAV) di kawasan tadahan Empangan Linggiu dan cadangan Empangan Ulu Sedili Besar dengan peruntukan sebanyak RM700 ribu.
- Perlaksanaan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu (IRBM) di Sungai Johor dengan peruntukan RM10 juta bagi tempoh 5 tahun.
- Melakukan pembenihan awan di kawasan tadahan air dengan kekerapan penerbangan sebanyak 10 kali dengan peruntukan sebanyak RM400 ribu.
- Melakukan projek pemasangan paip dari Outfall Sungai Johor ke Empangan Upper Layang, dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta.
- Memeruntukkan sebanyak RM500 ribu untuk kerja-kerja pembaikan dan pemasangan peralatan pengukuran gegaran di Loji Rawatan Air Gunung Pulai.
- Melakukan kajian kebolehpayaan bagi pembinaan Empangan Pantai di Muara Sungai Johor, Sungai Pulai dan Sungai Mersing dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta.
- Mewartakan Kawasan Tadahan (Enakmen Air 1921- Pindaan 2014) dan kawasan Larangan 1959 (Akta 298) dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.
- Penyediaan Plan Kecemasan Empangan (ERP) bagi Empangan Juaseh dan Lebam dengan peruntukan sebanyak RM800 ribu.
- Melakukan kebolehpayaan Sumber Air Bawah Tanah dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan peruntukan RM1 juta.


Kerajaan Pusat pula telah memperuntuk sebanyak RM560 juta untuk Projek Penyaluran Air Mentah Iskandar Malaysia (PAMIM). Sebagai permulaan, RM5 juta akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

Dengan berbagai projek yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan bagi menyelesaikan masalah bekalan air Johor, adalah dianggarkan ianya akan dapat menambah kesejahteraan kepada rakyat Johor dan pada masa yang sama dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Johor.

**Elektrik**

Penggunaan tenaga elektrik adalah keperluan asas dan ianya penting untuk kediaman, industri, komersil dan perhotelan. Penggunaannya meningkat selari dengan peningkatan jumlah kediaman di bandar dan luar bandar, peningkatan aktiviti perdagangan serta penambahan penggunaan di sektor perindustrian. Pada Mac tahun 2016 sebuah stesen loji jana kuasa arang batu di Tanjung Bin , Johor telah siap dibina dengan anggaran kos sebanyak RM6.7 billion oleh Malakoff Corporation. Loji berkenaan yang didirikan di atas tanah seluas 65 hektar di Kompleks Janakuasa Tanjung Bin dan mampu menyalurkan sebanyak 1,000





**Rajah 3.3** Unit Jualan Elektrik (Juta KWJ) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor 2012-2016.

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

Megawatt (MW) tenaga dalam satu masa dan dapat memenuhi keperluan tenaga bagi kira-kira dua juta pengguna. Dengan loji sedia ada iaitu Tanjung Bin Power yang mempunyai kapasiti 2,100MW dan TNB Pasir Gudang (275MW), keseluruhan kapasiti penjanaan di Negeri Johor akan meningkat kepada 5,375MW secara berperingkat-peringkat menjelang tahun 2019.


Satu lagi projek tenaga adalah projek loji janakuasa turbin gas kitaran gabungan 1,000 sehingga 1,400 MegaWatt atau Track 4A di Pasir Gudang yang diterajui SIPP Energy dan Tenaga Nasional Berhad dijangka akan beroperasi pada 2020. Projek ini dianggarkan bernilai RM4.7 billion.

Pada tahun 2016, Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah memperuntukkan sebanyak RM561 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Johor bagi memastikan bekalan elektrik di negeri ini sentiasa berada pada tahap yang tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM142 juta akan diguna untuk memperkukuhkan system bekalan elektrik di Johor Bahru. Perlaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat sehingga tahun 2025. Dengan pembinaan loji-loji dan penyediaan kemudahan infrastruktur tersebut Negeri Johor telah mendapat tempas dalam pembangunan sosio ekonomi yang positif termasuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini di bidang kejuruteraan, pembuatan dan pengangkutan.

Sejajar dengan pertambahan penduduk, unit kediaman dan pembangunan industri pembuatan dan komersil, penggunaan elektrik juga bertambah. Merujuk kepada Laporan Tenaga Nasional, unit jualan

elektrik Negeri Johor bagi tahun 2016 mengikut kategori pengguna adalah meningkat sebanyak 4.9% daripada 16,166.2 juta KWJ bagi tahun 2015 kepada 16,951.8 juta KWJ bagi tahun 2016 (2015 :4.8%). Secara keseluruhan penjualan elektrik menunjukkan trend menaik daripada tahun ke tahun dengan peratus peningkatan yang agak sama dengan tahun sebelumnya. Penjualan tertinggi tenaga elektrik pada tahun 2016 adalah bagi sektor industri sebanyak 8,003.6 juta KWJ (47.2%), diikuti oleh sektor komersil 5,198.6 juta KWJ (30.1%) dan 3,748.6 juta KWJ (22.1%) bagi sektor domestik.

Peratus peningkatan unit jualan bagi tahun 2016 mengikut kategori adalah masing-masing 0.4% (2015 :5.9%) di sektor industri, agak rendah peningkatannya jika dibanding dengan tahun 2015, komersil pada 7.4% (2015 :3.1%) dan domestik pada 4.9% (2015 :4.4%). Ini dapat dilihat dalam Rajah 3.3. Manakala penjualan elektrik mengikut daerah di Negeri Johor dapat dilihat dalam Rajah 3.4, di mana unit jualan tertinggi pada 2016 adalah di Johor Bahru sebanyak 4,380.7 juta KWJ (25.8%). Ini diikuti oleh Pasir Gudang sebanyak 3,623.3 juta KWJ (21.4%), Kulai sebanyak 1,855.1 juta KWJ (10.9%), Batu Pahat sebanyak 1,527.2 juta KWJ (9.0%) dan Johor Jaya sebanyak 1,468.4 juta KWJ (8.7%). Di daerah lain peratusan penjualan elektrik adalah kurang daripada 8% daripada unit jualan keseluruhan bagi Negeri Johor. Jualan tertinggi elektrik di Johor Bahru adalah kerana ia merupakan pusat pentadbiran dan pusat komersil terbesar di Negeri Johor dan pusat taburan populasi paling ramai, manakala Pasir Gudang pula merupakan daerah tumpuan industri dan kediaman. Sementara itu Kulai juga sedang membangun dengan berbagai projek perumahan dan industri kecil dan sederhana, perhotelan dan runcitan tempasan dari wujudnya



**Rajah 3.4** Jualan Elektrik (Juta KWJ) Mengikut Daerah di Negeri Johor 2012-2015

Sumber : Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

Johor Premium Outlet di daerah tersebut. Secara keseluruhan unit jualan elektrik meningkat di semua daerah di Negeri Johor.


Secara keseluruhan jualan elektrik Negeri Johor mempunyai trend menaik dari tahun ketahun. Selari dengan pembangunan pesat di Iskandar Malaysia, pusat komersil dan pertambahan penduduk yang tinggi, Johor Bahru menunjukkan jualan tertinggi, diikuti Pasir Gudang dan Kulai.

### PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN

Keteguhan beberapa sektor ekonomi seperti sektor kecil perdagangan borong, sektor kecil runcit, sektor kecil hotel dan sektor kecil restoran berkait rapat dengan kuasa beli penduduk, dan kestabilan asas ekonomi negara. Perkembangan sektor-sektor ini

dapat dilihat melalui sensitiviti pola perbelanjaan pembeli, peningkatan dan penurunan bahan bakar dan kos untuk menjalankan perniagaan runcitan. Secara makro, perkembangan sektor kecil ini dapat diukur melalui trend jumlah pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan di Malaysia dari masa ke semasa. Berdasarkan kepada Laporan Bank Negara 2016 jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada semua sektor kecil ekonomi ini pada tahun 2016 telah berkurang sebanyak 0.54% berbanding peningkatan sebanyak 2.5% pada tahun sebelumnya. Ini memberikan gambaran bahawa aktiviti di sektor kecil ini adalah agak lembab berbanding aktiviti di tahun sebelumnya.

Keaktifan sektor ini dirangsang oleh Sektor-sektor Kecil Perdagangan Borong dan Sektor Kecil Kenderaan Bermotor dan Sektor Kecil Perhotelan. Secara keseluruhan prestasi sektor ini dapat dilihat berdasarkan Rajah 3.5.



**Rajah 3.5** Indeks Perdagangan Borong & Runcit, Makanan, Minuman dan Hotel

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan menguncup pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 sebahagian besar pinjaman tersebut disalurkan untuk aktiviti perdagangan borong sebanyak 14.27% (2015:13.3%), peruncitan sebanyak 4.0% (2015:3.8%) dan restoran dan hotel sebanyak 0.5% (2015:0.7%). Pada masa yang sama perubahan pinjaman yang dikeluarkan untuk sektor ini mengalami pengecutan sebanyak 0.54%. Manakala pinjaman untuk sektor kecil perdagangan borong meningkat sebanyak 3.2%, sektor kecil peruncitan menguncup sebanyak 9.5% dan sektor kecil restoran dan sektor perhotelan menguncup sebanyak 18.5% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pada jangka masa yang sama, sebagai perbandingan, perkembangan pinjaman kepada isi rumah adalah meningkat kepada 26.8% daripada 25.8% pada jangkamasa yang sama tahun 2015. Indikator ini secara langsung memberi kesan kerancakan kepada sektor kecil peruncitan dan yang berkaitan dengannya. Situasi ini dapat diterjemahkan juga melalui Petunjuk Keyakinan (*Confidence Indicator*) yang di terbitkan oleh Jabatan Perangkaan 2016, dimana Petunjuk Keyakinan bagi sektor ini negatif 15.2 peratus pada suku pertama 2016 dan menurun kepada negatif 16.0 peratus pada suku keempat tahun 2016. Gambaran prestasi sektor ini secara agregat rajah arah aliran indeks bagi sektor ini dari 2010 hingga 2016 dapat dilihat dalam Rajah 3.5.

### Perdagangan Borong

Perdagangan Borong merupakan salah satu komponen di dalam Perdagangan Edaran. Pada tahun 2016 bilangan pertumbuhan yang melibatkan diri di dalam sektor kecil ini ialah sebanyak 41,155 buah


meningkat dari 29,732 pada tahun 2010. Prestasi Sektor Perdagangan Borong sepanjang tahun 2016 diukur dengan menggunakan Petunjuk Keyakinan yang di keluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, di mana Petunjuk Keyakinan negatif 15.3 peratus di suku pertama tahun 2016 dan meningkat sedikit menjadi negatif 10.2 peratus pada suku keempat tahun 2016.

### Perdagangan Runcit

Sektor perniagaan runcit memainkan peranan penting dalam penawaran barangan pengguna. Prestasi yang baik di dalam sektor ini menjadi salah satu indikator suasana ekonomi negeri dan negara. Kewujudan pasar raya besar, pembinaan rumah kedai di setiap daerah dan "boutiques" di negeri ini turut membantu dalam peningkatan industri peruncitan (makanan, minuman dan pelbagai jenis barangan) dan kenderaan bermotor.

Laporan Penyiasatan Pendapatan Isirumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri 2016 menunjukkan bahawa nilai Pendapatan Penengah bagi penduduk negeri Johor ialah RM5,652, meningkat dari RM 5,197 di tahun 2014 dan RM 3,650 di tahun 2012. Sementara itu, nilai Pendapatan Purata (Min) ialah RM 6,928, meningkat dari RM 6,207 di tahun 2014 dan RM 4,656 di tahun 2012. Peningkatan pendapatan ini merupakan indikator kepada peningkatan kuasa beli penduduk Johor secara keseluruhan. Prestasi Sektor Kecil Runcitan dapat diperhatikan melalui arah aliran indeks Perdagangan Runcit dari suku pertama tahun 2013 hingga suku keempat tahun 2016 yang tertera di dalam Rajah 3.6 memperlihatkan pertumbuhan yang semakin menurun dari 7 peratus pada tahun 2014 kepada 6 peratus pada tahun 2016.

Perdagangan Runcitan



**Rajah 3.6** Trend Petunjuk Keyakinan Perdagangan Runcitan 2013 - 2016  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Satu perkara lagi yang perlu di ambil perhatian yang dirasakan boleh mempengaruhi kerancangan sektor ini ialah, perbelanjaan pengguna yang sedikit terjejas akibat pengenalan GST dan kenaikan kos sara hidup, nilai ringgit yang lemah, serta meningkatnya perbelanjaan untuk menjalankan perniagaan. Sikap berwaspada pengguna ke atas ekonomi negara juga mengakibatkan penurunan *Consumer Sentiment Index* sebagaimana yang dikeluarkan oleh MIER yang mana pada keseluruhan tahun 2016 ianya berada di 72.9 pada Suku Pertama 2016 kepada 69.8 pada Suku Keempat 2016.

Liberalisasi industri peruncitan yang membolehkan pasar raya besar (*hypermarkets*) milik asing beroperasi di Malaysia telah meningkatkan pertumbuhan industri ini. Pasar raya besar seperti TESCO, AEON, Giant, Holiday Plaza, City Square, Econ Save, MYDIN dan lain-lain adalah semakin popular di kalangan rakyat Malaysia, khususnya rakyat Negeri Johor.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan wujud daya tarikan terhadap industri ini, iaitu konsep serba lengkap, moden, tempat parkir kenderaan yang selesa dan selamat, pengguna juga boleh membuat pilihan barangan yang banyak selain harga yang berpatutan.

**Jadual 3.2** Trend Penawaran Ruang Membeli belah Di Negeri Johor, 2011 - 2016

Tahun	Pusat Membeli Belah		Arked		Hipermarket		Keseluruhan
	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)
2011	1,099,788	68.80%	115,700	7.20%	382,810	24.00%	1,598,298
2012	1,143,756	68.50%	120,177	7.20%	406,520	24.30%	1,670,453
2013	1,093,702	67.70%	140,536	8.70%	380,929	23.60%	1,615,167
2014	1,087,197	65.60%	140,536	8.50%	429,056	25.90%	1,656,789
2015	1,111,519	65.30%	127,310	7.50%	464,215	27.30%	1,703,044
2016	1,166,592	66.10%	127,310	7.20%	470,184	26.70%	1,784,086

Sumber: NAPIC, Kementerian Kewangan Malaysia

Keaktifan perniagaan runcit juga dapat dilihat melalui beberapa pendekatan yang inovatif yang dimainkan oleh pusat membeli belah dengan mewujudkan kiosk di ruang legar premis mereka. Inisiatif ini sedikit sebanyak memperluaskan keterlibatan individu di dalam peruncitan.

Keterlibatan agensi kerajaan seperti FAMA yang mewujudkan pasar tani membolehkan penglibatan petani dan aktiviti peruncitan secara terus. Melalui kerjasama di antara pihak FAMA dan pasar raya besar serta pihak berkuasa tempatan, petani atau pengeluar hasil tani telah berjaya memasarkan produk-produk

Kerancangan sektor kecil ini dapat diukur melalui kewujudan 140 buah kompleks perniagaan pada tahun 2016 (rujuk Jadual 3.2) dengan keseluruhan keluasan lantai 1,764,086 meter persegi (2015:1,703,044 meter persegi) dengan kadar huni 60.4% (2015:60.3%) bagi pusat membeli belah; 88.9% (2015:88.6%) bagi Aked dan 92.3% (2014:92.5%) bagi *hypermarkets*. Ini merupakan pertumbuhan yang positif dari segi keluasan dan penghunian. Kebanyakan kompleks perniagaan terletak di Johor Bahru (64 buah), Batu Pahat (16 buah), Kluang (10), Muar (8 buah), Kulai (11 buah), Segamat (13 buah) dan selebihnya di lain-lain daerah.

Kegiatan peruncitan juga aktif dengan kewujudan 42 buah *hypermarkets* pada tahun 2016 (2015: 41 buah) dengan keluasan lantai 470,184 meter persegi (2015:464,215 meter persegi). Ini menggambarkan keyakinan peniaga tentang peningkatan kuasa beli dan sentimen pengguna terhadap kestabilan ekonomi negeri secara keseluruhannya.

Sokongan kerancangan sektor kecil runcit dapat dilihat melalui Indeks Sentimen Pengguna yang relatif meningkat berbanding dengan Indeks yang sama pada tahun 2015.

berasaskan agro-produk di kebanyakan pasar raya besar di seluruh Negeri Johor secara khususnya dan di pasar-pasar tani atau gerai-gerai seluruh Negeri Johor.


Bilangan unit kedai yang dibina di sesebuah lokasi boleh digunakan untuk menunjukkan keaktifan perniagaan runcit. Di Negeri Johor, bilangan unit kedai dari pelbagai jenis pada tahun 2016 berjumlah 74,571 buah (2015: 73,085 buah) bertambah sebanyak 2.0 peratus dari tahun 2015. Sekali lagi Daerah Johor Bahru mendominasi kewujudan kedai-kedai tersebut (42.3%), diikuti daerah Batu Pahat (12.5%), Kulai (10%), Kluang (9.0%).



### Hotel dan Penginapan

Ketibaan pelancong asing dan domestik secara kasarnya telah mempengaruhi kadar penginapan hotel di Negeri Johor. Kadar penghunian hotel dijangka meningkat menjelang akhir tahun 2016 dengan ketibaan pengunjung daripada negara-negara Timur Tengah dan Asia Tengah yang telah mula menampakkan perubahan dalam pemilihan destinasi mereka. Sumbangan mereka dapat

digambarkan melalui arah aliran indeks penginapan terbitan Jabatan Perangkaan 2016 yang menunjukkan pergerakan yang menaik walaupun secara perlahan. Berdasarkan Laporan NAPIC Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Kementerian Kewangan, di Negeri Johor pada tahun 2016, terdapat sejumlah 383 buah hotel (2015:375 buah hotel) yang terdiri daripada 7 buah hotel 5 bintang, 11 buah hotel 4 bintang, 22 buah hotel 3 bintang dan selebihnya adalah hotel-hotel bertaraf 3 bintang dan ke bawah.



**Rajah 3.7** Trend Indeks Penginapan, 2010 - 2016

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan Indeks Penginapan di Rajah 3.16 menunjukkan perubahan yang positif. Perubahan yang paling besar ialah pada tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya.

**Jadual 3.3** Negeri Johor: Bilangan Hotel dan Indeks Penginapan 2012-2015

Tahun	Suku	Bilangan Hotel	Bilangan Bilik	Indeks Penginapan (2010=100)
2012	1	355	17,941	100.4
	2	356	18,809	104.7
	3	355	20,085	110.2
	4	361	20,711	110.8
2013	1	361	20,711	103.0
	2	364	21,066	107.6
	3	367	21,148	115.8
	4	368	21,397	115.7
2014	1	370	21,553	110.4
	2	371	21,878	112.5
	3	374	22,439	119.3
	4	375	22,774	120.8
2015	1	375	22,774	116.3
	2	375	22,774	118.8
	3	375	22,774	125.4
	4	375	23,035	127.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/ NAPIC

Bilangan hotel yang terdapat di Johor merupakan 13.3% daripada jumlah keseluruhan hotel di Malaysia, manakala bilangan bilik hotel sebanyak 23,852 buah (2015:23,035 buah) merupakan 11.2% dari keseluruhan penawaran bilik hotel di Malaysia. Bilangan chalet yang terdapat di sesebuah negeri boleh digunakan sebagai indikator tambahan tentang keaktifan industri pelancongan, kerana permintaan terhadap chalet sentiasa meningkat akhir-akhir ini. Berdasarkan Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 28 buah chalet dengan bilangan bilik sebanyak 860 buah bilik di seluruh Negeri Johor. Seterusnya berdasarkan Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, di Negeri Johor terdapat 9 buah Rumah Rehat/Rumah Tamu/Hostel/Bed & Breakfast dengan bilangan bilik sebanyak 137 buah.

### Perkhidmatan Restoran

Keaktifan perniagaan restoran berkait rapat dengan i) tahap sosio-ekonomi penduduk, ii) tahap pekerjaan penduduk, iii) jumlah penduduk yang berumur dalam lingkungan 20-35 tahun dan, iv) tahap pendapatan isirumah. Kewujudan kedai makanan segera yang moden dan pelbagai konsep menarik minat generasi baru (Gen Y dan Z) untuk melibatkan diri dalam merencanakan penawaran restoran jenis tersebut. Kewujudan "food court" di kawasan pusat membeli belah serta kewujudan restoran-restoran baru merencanakan aktiviti perniagaan restoran.


Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah<sup>1</sup> 2016 menunjukkan bahawa perbelanjaan bulanan purata isi rumah bagi Negeri Johor di tahun 2016 ialah RM 4,148, berbanding dengan purata perbelanjaan

bulanan isirumah pada 2014 yang bernilai RM 3,808. Ini merupakan peningkatan sebanyak 8.9%, berbanding RM2,018 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 88.7%.

Kerancangan perkhidmatan restoran boleh dilihat melalui gelagat perbelanjaan individu dan isi rumah di satu-satu kawasan. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, bahagian perbelanjaan isi rumah penduduk Negeri Johor untuk perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api secara purata ialah 23.5% daripada pendapatan berbanding dengan 21.6% pada tahun 2014. Bagi perbelanjaan untuk makanan dan minuman bukan alkohol bahagiannya ialah 17.5% (2014: 18.7%). Bahagian untuk pengangkutan ialah 15.2% (2014: 16.4%). Bahagian untuk hotel dan restoran meningkat kepada 12.0% dari 11.6% pada tahun 2014.

Sementara itu, gerai-gerai tidak kekal di kawasan perumahan baru dan kawasan pelancongan dan perindustrian menyumbang kepada peningkatan nilai ditambah sektor kecil restoran. Bilangan restoran dianggarkan bertambah pada tahun 2016 dengan kewujudan premis baru di kawasan perumahan baru dan kawasan kompleks perniagaan. Trend indeks makanan dan minuman boleh dilihat di Rajah 3.17.

Di samping bilangan restoran yang banyak yang terdapat di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), bilangan penjaja dan peniaga pasar malam yang aktif ialah, masing-masing, sekitar 35,100 dan 25,500 unit. Keadaan ini sedikit sebanyak memberikan impak kepada pendapatan peniaga dan pola perbelanjaan isi rumah Negeri Johor.



**Rajah 3.8** Trend Indeks Makanan dan Minuman, 2010 - 2016

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>1</sup>Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Keaktifan atau peningkatan aktiviti makan di restoran dan cafe amat berkait rapat dengan umur penduduk dan bilangan isi rumah. Bagi mereka yang berumur kurang dari 24 tahun, 15.2% daripada perbelanjaan bulanan mereka ialah untuk perbelanjaan makanan dan minuman di luar rumah, diikuti oleh mereka yang berumur di antara 25 hingga 34 tahun iaitu sebanyak 13.3%. Bilangan isi rumah dengan peratusan makan di restoran dan cafe membentuk pertalian yang negatif, dengan bilangan isi rumah semakin ramai, maka semakin kurang peratusan untuk makan di restoran dan cafe.

## SEKTOR PELANCONGAN

Secara amnya kadar kemasukan pelancong ke Malaysia pada 2016 telah meningkat sebanyak 4.1% berbanding dengan penurunan sebanyak 6.3% pada tahun 2015. Ini merupakan peningkatan yang agak signifikan, kerana hampir kesemua pelancong ASEAN dan Asia memilih untuk ke Malaysia atas sebab-sebab tertentu terutama kadar pertukaran asing yang menguntungkan mereka akibat dari kelemahan Ringgit Malaysia berbanding dengan

**Jadual 3.4** Ketibaan Pelancong Luar Negara, 2014 hingga 2016

Negeri Asal	2014		2015		2016	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Singapura	13,932,967	50.80%	12,930,754	50.30%	13,272,961	49.60%
Indonesia	2,827,533	10.30%	2,788,033	10.80%	3,049,964	11.40%
Brunei	1,213,110	4.40%	1,133,555	4.40%	2,124,942	7.90%
China	1,613,355	5.90%	1,677,163	6.50%	1,391,016	5.20%
Thailand	1,299,298	4.70%	1,343,569	5.20%	1,780,800	6.70%
India	770,108	2.80%	722,141	2.80%	638,578	2.40%
Lain-lain	6,872,743	25.00%	5,126,036	19.90%	4,499,131	16.80%
<b>JUMLAH</b>	<b>27,437,315</b>		<b>25,721,251</b>		<b>26,757,392</b>	

Sumber: Tourism Malaysia

Matawang negara mereka. Kesan dari peningkatan ini akan mengakibatkan peningkatan hasil dari aktiviti pelancongan. Jadual 3.4 menunjukkan trend kehadiran pelancong luar negara di Malaysia, sekaligus membolehkan pengukuran tahap industri pelancongan dalam negara pada tahun 2016.


Daripada statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia, didapati bahawa kedatangan pelancong warga Singapura adalah yang tertinggi iaitu mencecah paras 50% dari keseluruhan pelancong yang didaftarkan. Indonesia menyumbang sebanyak 11.4% diikuti oleh warga China sebanyak 5.2%.

Negeri Johor merupakan pintu masuk utama dari bahagian selatan, yang merupakan peluang terbaik untuk menerima pelancong dari Singapura dan pelancong luar yang berkunjung ke Singapura. Pusat-pusat membeli belah yang bertaraf antara bangsa dan "high-end" berupaya menarik pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri sepanjang tahun. Pusat pelancongan seperti Pulau Tinggi, Pantai Teluk Buih, Pantai Rambah, Taman Negara Endau-Rompin, Gunung Tangkak, Taman Negara Tanjung Piai, Desaru, Danga Bay, Legoland termasuk kawasan-kawasan perkelahan air terjun (eco-tourism) dan lain-lain tempat yang menarik di Negeri Johor ini berupaya menarik pelancong, terutamanya pelancong asing.

### Arah Aliran Pelancongan dan Sumbangan Pelancongan Domestik

Arah aliran Petunjuk Keyakinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seperti yang tertera pada Rajah 3.19 menunjukkan bahawa ia membentuk pergerakan yang beralun tetapi apabila diteliti dengan lebih mendalam, maka dapat disimpulkan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan penginapan perhotelan dipengaruhi oleh faktor-faktor bermusim. Di mana, perkhidmatan terhadap perkhidmatan penginapan menurun di suku tahun pertama dan kedua setiap tahun tetapi meningkat secara perlahan pada suku-suku tahun berikutnya.

Peranan pelawat domestik dan pelancong domestik tidak kurang pentingnya ke atas keseluruhan industri pelancongan negeri dan negara. Maklumat dari Penyiasatan Pelancongan Domestik, Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, mendapati bahawa seramai 189.3 juta (2015:176.9 juta) pelawat domestik di Malaysia sepanjang tahun 2016 dengan 66.0 juta (2015:62.7 juta) merupakan pelancong **domestik** dan yang selebihnya adalah **pelawat harian**. Negeri Selangor merupakan penerima kunjungan **pelawat harian** paling ramai iaitu seramai 24.124 juta (22.063 juta) orang dan diikuti oleh Negeri Perak seramai 16.8 juta (2015:15.96 juta), Wilayah Persekutuan seramai 16.8 juta (2015:15.1 juta), Negeri Sabah seramai 16.5



**Rajah 3.9** Petunjuk Keyakinan Perkhidmatan Hotel Suku Tahunan 2013-2016

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

juta (2015: 15.722 juta), manakala pelawat yang berkunjung ke negeri **Johor** secara harian adalah seramai **12.2 juta (2015:11.59 juta)** orang.

Berdasarkan kajian yang sama, negeri Johor merupakan negeri yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong domestik iaitu seramai 7.05 juta diikuti oleh Perak seramai 7.2 juta dan Pahang seramai 6.9 juta. Taburan pelancong domestik yang berkunjung ke negeri-negeri terpilih di Malaysia adalah seperti di Jadual 3.5.

Di antara tempat-tempat yang menjadi tumpuan utama **pelawat harian** di Negeri Johor ialah Bandaraya Johor Bahru, Iskandar Puteri, Kulai, Batu Pahat dan Desaru. Tumpuan pelawat Domestik lebih tertumpu kepada kawasan *Urban*. Kemasukan pelancong menjana pendapatan industri hiliran yang berkaitan. Berdasarkan Laporan Akaun Setelit Pelancongan 2016 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, bahawa sektor-sektor yang memperolehi manfaat, mengikut kepentingan daripada perbelanjaan yang berkait langsung dengan aktiviti **pelancong domestik, pelancong Inbound dan pelancong Outbound** adalah sektor perkhidmatan yang tersenarai di Jadual 3.6.

**Jadual 3.5** Jumlah Pelancong Domestik Yang Mengunjungi Lima Negeri Utama 2015-2016

Negeri	2015		2016		Perubahan Tahunan
	Jumlah ('000)	Peratus	Jumlah ('000)	Peratus	
Perak	7,963.4	12.7%	7,202.40	10.9%	-9.6%
Johor	6,019.4	9.6%	7,406.20	11.2%	23.0%
Pahang	6,572.7	10.5%	6,916.50	10.5%	0.64%
Kedah	4,942.2	7.9%	5,343.70	8.1%	-12.4%
Selangor	5,408.3	8.6%	5,520.50	8.4%	2.1%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 3.6** Taburan Perbelanjaan Pelancong 2016

Sektor Perkhidmatan	Domestik	Inbound	Outbound
Perkhidmatan Penginapan	10.1%	23.7%	23.6%
Perkhidmatan Penyediaan makanan dan Minuman	15.4%	12.9%	9.9%
Perkhidmatan Pengangkutan Penumpang	7.5%	18.4%	43.9%
Perkhidmatan Agensi Pelancongan dan Penempajaan Lain	1.7%	5.6%	2.6%
Perkhidmatan Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi	1.6%	3.8%	2.6%
Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan	19.0%	-	-
Barang Khusus bercirikan Pelancongan Negara	38.3%	30.2%	16.8%
Perkhidmatan Khusus bercirikan Pelancongan Negara	6.3%	5.3%	0.7%
Jumlah	100.00%	100.00%	100.00%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia



Daripada laporan yang sama, di dapati bahawa, perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelancong *Inbound* adalah penyumbang tertinggi iaitu 50% daripada keseluruhan perbelanjaan pelancong diikuti pelancong domestik sebanyak 40% daripada keseluruhan perbelanjaan pelancong.

Manakala Jadual 3.7 menunjukkan perbelanjaan untuk membeli belah, pembelian bahan api kenderaan adalah merupakan peruntukan perbelanjaan yang besar untuk melancong atau melawat, diikuti oleh

perbelanjaan makan dan minuman. Perbelanjaan penginapan merupakan berada di tempat yang ke-4, selari dengan pangkat (*rank*) untuk permintaan kemudahan penginapan pada tahun-tahun sebelumnya, sebagaimana yang di berikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2013, 2014 dan 2015. Oleh yang demikian, penyedia perkhidmatan seperti subsektor pengangkutan, perniagaan peruncitan, perhotelan dan restoran perlulah proaktif untuk meraih sedikit sumbangan yang di terbitkan oleh keaktifan subsektor pelancongan.

**Jadual 3.7** Peratus Perbelanjaan Pelancong Domestik Mengikut Kategori, 2013 - 2015

Kategori	2014		2015		2016	
	Peratus	Pangkat	Peratus	Pangkat	Peratus	Pangkat
<b>Perbelanjaan oleh pelawat domestik</b>	<b>89.4</b>		<b>89.2</b>		<b>88.9</b>	
Membeli belah	33	1	34.2	1	35.3	1
Pembelian bahan api kenderaan	17.6	2	16.9	2	16.2	2
Pengangkutan	7	5	6.7	5	6.7	5
Makanan dan Minuman	13.7	3	13.8	3	13.8	3
Penginapan	9.3	4	9	4	8.8	4
Perbelanjaan sebelum perjalanan	2.3	7	2.6	7	2.8	7
Aktiviti lain	6.5	6	6	6	6	6
<b>Perbelanjaan oleh Hos</b>	<b>10.6</b>		<b>10.8</b>		<b>11.1</b>	

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari Laporan Aktiviti Pelancongan Terpilih Jabatan Perangkaan yang paling terkini (2011) adalah di dapati bahawa pelancong luar negara telah menyumbang 29.9% kepada perkhidmatan penginapan berbanding hanya 12.7% dari pelawat domestik. Pelancong asing membelanjakan 30.4% daripada jumlah perbelanjaan untuk perkhidmatan barangan khusus bercirikan pelancongan negara, manakala pelancong domestik membelanjakan sebanyak 36.4% dari perbelanjaan mereka.

Berdasarkan siasatan (survey) yang dijalankan oleh Tourism Malaysia, secara purata setiap pelancong telah membelanjakan sebanyak RM 3,068 pada tahun 2016, meningkat dari RM2,687 pada tahun 2015, RM 2,624 pada tahun 2014 dan RM2,544 pada tahun 2013. Walaubagaimanapun secara purata pelancong tinggal lebih kurang selama 5 hari di negara ini berbanding selama 5.5 hari pada tahun 2015 menurun dari 6.6 hari pada tahun 2014 dan 6.8 hari pada tahun 2013. Pihak kerajaan dan agensi perlu memikirkan bagaimana pelancong-pelancong dapat tinggal lebih lama di negara ini dan berbelanja. Keaktifan industri pelancongan memberi impak ekonomi kepada perkhidmatan berkaitan pelancongan serta terus mengekalkan kedudukannya

sebagai penyumbang pendapatan tukaran asing kedua terbesar bagi Malaysia. Aktiviti hiran sektor pelancongan serta promosi yang agresif di pasaran baru dan bukan tradisional, terutamanya di Asia Barat, China, dan India dengan menggunakan "You Tube" atau medium lain yang meluas capaiannya patut dilakukan. Kemudahan dewan persidangan serta peningkatan bilangan persidangan peringkat antara bangsa dan pameran antarabangsa yang perlu di galakkan di negara ini. Aktiviti sukan seperti International Marathon, International Big Walk perlu di masukan di dalam Kalender Sukan antara bangsa. Aktiviti tersebut perlu dibantu oleh aktiviti "Jualan Mega" yang diadakan setiap tahun, serta penambahan beberapa produk pelancongan, dan aktiviti kebudayaan.

## PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI

Pada dasarnya, sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi adalah satu satunya sektor yang mempunyai prestasi yang sederhana baik dari tahun 2012 sehingga tahun 2016. Dengan menggunakan harga malar tahun 2010, KDNK sektor ini menaik agak

tinggi pada tahun 2012, iaitu pada kadar 8.1%. Tetapi pada tahun 2013, ianya menunjukkan kenaikan yang sederhana tinggi, iaitu pada kadar 7.8%. Walaubagai mana pun, pada tahun 2014 purata perkembangan integrasi ketiga sub-sektor menurun kepada 5.1%. Pada tahun 2015 pula, ianya menunjukkan prestasi yang agak memberangsangkan iaitu pertumbuhan sebanyak 10.1%. Tahun 2016 juga, menunjukkan prestasi yang baik, iaitu perkembangan sebanyak 10.5%. Prestasi ini dijangkakan akan berterusan dalam sektor ini pada masa akan datang. Ia boleh dikatakan satu gambaran senario yang agak menggalakkan dalam pengendalian pergerakan barangan, storan dan perhubungan dalam Negara yang melibatkan transaksi perdagangan yang lebih mantap.

Kemantapan pertumbuhan dalam sektor ini didorong terutamanya oleh peningkatan perdagangan dan aktiviti berkaitan dengan perjalanan serta perkembangan berterusan industri komunikasi. Pada keseluruhannya sebahagian besar pengangkutan dijangka meningkat berikutan peningkatan kekerapan penerbangan, tambahan rangkaian dan destinasi serta penambahbaikan infrastruktur pengangkutan dan pertumbuhan pesat aktiviti pelancongan dan perdagangan di Malaysia sendiri serta negara-negara ASEAN yang lain. Begitu juga, transaksi penghantaran dijangka memberi suntikan terhadap perkembangan sektor ini melampaui tahun 2017.

### Pengangkutan Darat

Pada dasarnya, pengangkutan darat boleh dilihat melalui dua mod pengangkutan. Ianya selalunya dikaitkan dengan pengangkutan jalan raya dan

pengangkutan keretapi. Kepesatan pertumbuhan pengangkutan jalan raya boleh dilihat melalui penggunaan bilangan pergerakan melalui bas-bas awam, kereta persendirian, kenderaan barangan dan juga kereta komersial. Manakala pertumbuhan pengangkutan keretapi boleh dilihat melalui jumlah penumpang dan juga kargo yang dikendalikan oleh KTMB yang melangkai stesyen-stesyen keretapi yang ada di Negeri Johor.

### Pengangkutan Jalan Raya

Keaktifan pengangkutan jalan raya boleh dianalisa daripada limpahan keaktifan sektor-sektor lain seperti pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta lain-lain sektor perkhidmatan yang berkaitan. Pada keseluruhannya, pengangkutan dan logistik menjadi nadi kepada aktiviti-aktiviti perdagangan di dalam banyak sektor. Juga, keaktifan sektor ini memberi impak kepada sektor-sektor lain seperti insurans dan kewangan serta sektor-sektor hiliran yang merangkumi perkhidmatan rawatan dan memperbaiki kenderaan melalui bengkel-bengkel dan pusat rawatan kenderaan. Pertambahan bilangan pengguna jalanraya dari tahun ke tahun juga seiring dengan pertambahan kenderaan baru dan kenderaan terpakai yang senantiasa mempunyai trend menaik dari tahun ke tahun semenjak 2012 lagi. Dalam kebanyakan hal aktiviti-aktiviti yang disebutkan di atas sedikit sebanyak ianya mempengaruhi penggunaan jalanraya. Jadual 3.8 menunjukkan bilangan semua jenis kenderaan baru yang didaftarkan di seluruh Malaysia, termasuk Negeri Johor dari tahun 2012 hingga 2016.

**Jadual 3.8** Bilangan Kenderaan Baru Yang Didaftarkan pada Tahun 2012-2016.

	Malaysia	Selangor	Johor	WP K. Lumpur	P. Pinang	Lain-lain Negeri
2012	1,163,714	114,116	143,951	282,365	109,435	513,186
	-5.10%	-4.90%	0.40%	4.00%	4.00%	6.30%
2013	1,212,720	118,565	147,825	291,990	113,015	541,305
	4.20%	3.90%	2.70%	3.40%	3.30%	5.50%
2014	1,261,781	123,100	151,708	301,568	116,159	568,886
	4.00%	3.80%	2.60%	3.30%	2.80%	5.10%
2015	1,305,705	127,357	154,813	310,251	118,769	568,886
	3.5	3.5	2.1	2.9	2.3	4.5
2016 <sup>e</sup>	1,358,738	132,236	159,294	320,558	122,650	624,000
	4.10%	3.80%	2.90%	3.30%	3.30%	9.70%

Sumber: abatan Pengangkutan jalan, Kementerian Pengangkutan Malaysia.


<sup>e</sup> anggaran ; ( ) angka dalam kurungan menunjukkan peratus perubahan dari tahun sebelumnya



Berpanduan kepada jadual di atas, adalah didapati bilangan semua jenis kenderaan baru yang didaftarkan di seluruh Malaysia menaik dengan kadar yang agak sederhana pada tahun 2012 berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun 2013 pula, kenaikan pendaftaran kenderaan baru di seluruh Malaysia agak sederhana-tinggi (4.2%) manakala di negeri-negeri lain menunjukkan kenaikan yang sederhana hingga ke sederhana-tinggi, iaitu antara 2.7% hingga 5.4%. Namun pada tahun 2015 hingga tahun 2016 kenaikannya lebih ketara berkisar di antara 2.1% hingga 4.8%. Ini menunjukkan bahawa pada tahun 2016 sahaja jumlah pertambahan kenderaan baru yang didaftarkan di Malaysia ialah melebihi 1.36 juta kenderaan, peningkatan sebanyak 4.1% dibandingkan dengan tahun 2015.

Bilangan kenderaan baru yang didaftarkan di Negeri Johor pula mencatat sebanyak 143,951

kenderaan pada tahun 2012. Ianya naik kepada 147,825 unit kenderaan pada tahun 2013 dan 151,708 kenderaan pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, ianya mencatatkan sebanyak 154,813 kenderaan baru yang didaftarkan. Tahun 2016 menunjukkan peningkatan kepada 159,294 unit kenderaan baru yang didaftarkan di Negeri Johor, iaitu pertumbuhan sebanyak 3.32% daripada tahun sebelumnya. Peningkatan ini dianggap kenaikan yang agak sederhana. Jadual 3.20 juga menunjukkan bahawa Negeri Johor merekodkan jumlah pendaftaran kenderaan baru yang didaftarkan yang kedua tertinggi di Malaysia di belakang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merekodkan pendaftaran tertinggi, iaitu sebanyak 320,558 unit. Negeri Selangor dan Pulau Pinang pula merekodkan tempat ketiga dan keempat tertinggi dari segi jumlah pendaftaran kenderaan baru, iaitu masing-masing 132,236 dan 122,650 unit pada tahun 2016.



**Rajah 3.10** Trend Jumlah Pendaftaran Kenderaan Baru ('000) di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan, 2013 - 2016.

Dalam Rajah 3.10 juga menunjukkan trend jumlah kenderaan baru yang didaftarkan di tiga negeri iaitu Johor, Wilayah Persekutuan dan Selangor pada tahun-tahun 2012 hingga tahun 2016. Di dalam rajah tersebut menunjukkan trend menaik menurut urutan 3 negeri dengan kenaikan yang paling tinggi, iaitu Wilayah Persekutuan, Johor dan Selangor. Trend tersebut selaras dengan apa yang telah diperkatakan sebelum ini iaitu trend menaik dari tahun ke tahun sehingga ke tahun 2016 jika dibandingkan dengan

tahun sebelumnya. Bagi kenderaan yang didaftarkan di Negeri Johor sahaja, iaitu mempunyai rekod trend peningkatan yang sama dengan Negeri-negeri lain dan juga dengan trend keseluruhannya di Malaysia. Namun begitu, trend kenaikannya hanyalah dalam lingkungan 2.1% hingga 2.9% sahaja, iaitu kurang daripada trend yang direkodkan oleh pendaftaran kenderaan di seluruh Malaysia yang merekodkan kenaikan di antara 2.5% ke 5.1%.

Bagi penggunaan pengangkutan jalan raya yang berkaitan dengan mod bas awam pula, ianya tidak menunjukkan sebarang perkembangan ketara untuk Negeri Johor dari tahun 2012 hingga tahun 2016. Ianya menunjukkan peningkatan yang agak sederhana-tinggi pada tahun 2012, dan ke tahap sederhana pada tahun 2013 dan 2014. Sebagai contoh, bilangan pertumbuhan/syarikat yang terlibat boleh dikatakan tidak berubah begitu ketara dari tahun 2012 hingga 2016. Untuk bilangan pekerja dan juga nilai ditambah bagi penggunaan bas awam menunjukkan perubahan yang rendah hingga ke negatif pada tahun 2012, iaitu masing-masing menunjukkan

peningkatan sebanyak 0.67% dan -0.92%. Bagi tahun 2013 pula, jumlah peningkatan bilangan pekerja dan nilai ditambah agak mendatar. Trend pada tahun 2014 menunjukkan satu konsolidasi pertumbuhan, iaitu antara 3.16% bagi bilangan pekerja dan 2.71% pada nilai ditambah. Ianya merekodkan pertumbuhan bilangan pekerja dan nilai ditambah yang paling sederhana pada tahun 2015 dan 2016, iaitu masing-masing sebanyak 2.56% dan 1.93% pada 2015 dan sebanyak 1.7% dan 0.9% pada tahun 2016. Jadual 3.9 menunjukkan data berkaitan dengan penggunaan bas awam di Johor pada tempoh dari 2012 hingga 2016.

**Jadual 3.9** Penggunaan Bas Awam di Negeri Johor 2012 hingga 2016

Tahun	Bilangan Pertumbuhan	Bilangan Pekerja	Nilai Ditambah Banci (RM000)
2012	47	2,377	45,541
	2.2%	0.7%	-0.9%
2013	48	2,431	46,189
	2.1%	2.3%	1.4%
2014	50	2,508	47,440
	4.2%	3.2%	2.7%
2015	52	2,572	48,354
	4.0%	2.6%	1.9%
2016 <sup>e</sup>	54	2,616	48,696
	3.8%	1.7%	0.7%

Sumber : Jabatan Statistik Malaysia.

<sup>e</sup>Anggaran ; ( ) angka dalam kurungan adalah peratus perubahan dari tahun sebelumnya

Fenomena bagi tahun sebelum 2012, berlaku disebabkan dengan peningkatan kos pengendalian perkhidmatan, terutamanya kos bahanapi bagi pengangkutan bas awam. Kos bahanapi ini meningkat berikutan penarikan subsidi secara berperingkat oleh kerajaan. Namun untuk tahun 2013 dan seterusnya, ianya menunjukkan perkembangan yang lebih baik bagi pengendali-pengendali atau operator bas awam kerana adanya sedikit sebanyak insentif oleh kerajaan melalui penubuhan SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat). Walaubagaimanapun, operator kenderaan awam agak berwaspada untuk meningkatkan bilangan pekerja masing-masing dengan terlaksananya undang-undang yang berkaitan dengan "minimum wage" pada tahun 2013 dan 2014. Justeru itu, impak yang sama juga dilihat pada tahun-tahun 2015 dan 2016, di mana trend peningkatan adalah dikategorikan sebagai paling sederhana sahaja. Namun tahun 2017 dan seterusnya akan menunjukkan keadaan yang lebih baik dengan penetapan harga petrol secara mingguan yang diselia oleh KPDNKK bermula Mac 2017.

Dari segi lebuhraya, Johor mempunyai rangkaian lebuhraya yang terbaik di Malaysia. Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) adalah hubungan utama antara bandar-bandar besar di Negeri Johor. Begitu juga, terdapat sebahagian daripada lebuhraya Kempas, Kulai, Pontian dan Link Kedua ke Singapura di Johor yang merupakan perhubungan darat yang tidak kurang pentingnya, khususnya di Johor Bahru. Malahan, dengan rancaknya pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia termasuklah Nusajaya dan lain-lainnya memberi ruang dalam penggunaan lebuhraya yang lebih komprehensif di Negeri Johor. Ini disokong lagi oleh SDE (*Senai-Desaru Expressway*) yang siap pada penghujung 2012 dan EDL (*Eastern Dispersal Link*) yang juga telah siap pada tahun yang sama, telah merencanakan lagi pembangunan rangkaian lebuhraya di Johor. Lebuhraya Pantai (*Coastal Highway*) yang mempunyai 6 lorong yang dibuka pada Februari 2016 yang lalu telah menjadi nadi penggerak kepada Timor Iskandar. Begitu juga Johor Bahru *Pasir Gudang Elevated Expressway (JOBGEX)* boleh memendekkan masa perjalanan dari Johor Bahru ke Pasir Gudang lebih daripada 20



minit. Selain daripada itu, rangkaian *Western Coastal Highway* yang merentasi Muar, Batu Pahat dan Pontian pula telah dirancang untuk dibangunkan dalam tahun 2017. Justeru itu, adalah dijangkakan bahawa projek RAPID di Pengerang akan lebih bermakna lagi serta mesra pengkomersilan dengan rangkaian lebuh raya yang meluas di Johor.

### Pengangkutan Keretapi

Pergerakan penumpang dan kargo melalui KTMB di Negeri Johor dari 2012 hingga 2016 dapat dilirekodkan melalui Jadual 3.10. Daripada data tersebut didapati jumlah penumpang sentiasa menurun dari 580,621 pada tahun 2012 kepada 520,100 penumpang pada tahun 2013 dan 480,955 pada tahun 2014. Tetapi pada tahun 2015 dan 2016, ianya menunjukkan kenaikan yang agak drastik. Tahun 2015, merekodkan kenaikan kepada

729,973 penumpang pada tahun 2015 dan 1,475,875 penumpang pada tahun 2016. Rekod kenaikan ini adalah sangat memberangsangkan, iaitu sebanyak 51.7% pada 2015 dan melangkaui 100% pada tahun 2016. Fenomena ini sedikit sebanyak disebabkan oleh pembangunan yang fokus kepada Eco-Tourism di beberapa daerah seperti Segamat, Kluang, Kota Tinggi dan Pontian semenjak 2015. Adalah diharapkan dengan perkembangan Smart City Iskandar Malaysia yang menjalankan pembangunan industri dan taman rekreasi dapat juga menggalakkan pelancongan ke negeri Johor. Mod perjalanan melalui keretapi akan terus meningkat dengan lebih pesat lagi, jika projek tren laju dari Kuala Lumpur ke Singapura direalisasikan. Tren Ekspres dari Kuala Lumpur ke Singapura ini yang akan merentasi Bandar-bandar Muar, Batu Pahat, Bandar Puteri di Johor akan menyemarakkan lagi mod perjalanan keretapi di Johor antara 5 hingga 7 tahun akan datang.


**Jadual 3.10** Pergerakan Penumpang dan Barangan Menggunakan KTMB di Negeri Johor 2012-2016.

Kategori	Nilai Dan Peratus Perubahan Di Tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016
Bilangan Penumpang	580,821	520,100	480,995	729,973	1,475,485
	-12.5%	-10.5%	-7.5%	51.78%	100.2%
Kargo (tan metrik)	420,830	592,142	446,515	454,184	224,502
	-10.4%	40.7%	-24.6%	1.7%	-49.4%

Sumber: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), . °Anggaran.  
Nota: Nilai peratus adalah perubahan dari tahun sebelumnya

Jadual 3.10 juga menunjukkan trend pengendalian kargo barangan melalui KTMB di Negeri Johor yang agak berbeza. Ianya memaparkan senario yang agak berombak. Peningkatan yang agak tinggi-sederhana dilihat pada tahun 2013, iaitu sebanyak 40.7% berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu berlakunya kemuncupan pada tahun 2012. Pada tahun 2014 pula, ia menunjukkan penguncupan

sebanyak 24.6%. Namun demikian, tahun 2015 pula, ianya merekodkan peningkatan pengangkutan barangan kargo melalui KTMB yang paling sederhana iaitu 1.72%. Walaubagaimana pun tahun 2016, ianya merosot dengan signifikan sebanyak 49.4%. Trend pergerakan penumpang dan kargo melalui KTMB dapat dilihat di Rajah 3.21.



**Rajah 3.11** Pergerakan Penumpang ('000) dan Kargo ('000 metrik ton) Menggunakan KTMB di Johor

Walaupun trend pergerakan penumpang melalui KTMB semakin meurun di Negeri Johor pada tahun-tahun 2012 hingga 2014, ianya menunjukkan kenaikan yang drastik pada tahun 2015 dan 2016. Ini menunjukkan peningkatan keyakinan bagi pengangkutan melalui mod keretapi oleh masyarakat awam di Johor amnya. Namun demikian, trend pengangkutan kargo melalui KTMB adalah dengan jelas menunjukkan ombak kenaikan dan penurunan yang berterusan dari 2012 sehingga 2014, dan mendatar pada tahun 2015 dan menurun kembali pada tahun 2016. Ini disebabkan dengan kenaikan yang besar dalam pengangkutan kargo melalui udara pada tahun-tahun 2015 dan 2016.

### Pengangkutan Laut

Aktiviti-aktiviti pengangkutan melalui ketiga-tiga mod darat, laut dan udara biasanya dapat dirasai perkembangannya melalui betapa pesatnya perkembangan infrastruktur, kerancangan ekonomi negeri serta paras kenaikan pendapatan pengguna. Program yang dimulakan oleh kerajaan untuk meningkatkan dan mengembangkan sektor kecil perkapalan tempatan dan perkhidmatan pelabuhan telah menyumbangkan kepada peningkatan aktiviti pemunggahan kargo dan kapasiti pengendalian kargo di kedua-dua pelabuhan Johor, iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

**Pelabuhan Pasir Gudang Johor** pada masa kini masih lagi menjadi pelabuhan utama dan penting di Negeri Johor. Ianya mengendalikan beberapa jenis kargo yang meliputi kargo am, pukal kering dan pukal cecair. Bukan sahaja itu, masih banyak lagi aktiviti pengendalian kontena dijalankan di Pelabuhan Pasir Gudang. Daripada data yang diperolehi dari Lembaga Pelabuhan Johor, jumlah pengendalian

kargo am pada tahun 2012 ialah sebanyak 1.16 juta tan metrik. Namun ianya nampak menurun sedikit pada tahun 2013 kepada 1.12 juta tan dan kepada 0.86 juta tan pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, ianya menunjukkan kenaikan sedikit kepada 0.98 juta tan dan terus meningkat kepada 1.09 juta tan pada tahun 2016. Bagi pengendalian pukal kering pula, ianya menunjukkan kenaikan dari tahun 2012 hingga ke tahun 2013, tetapi kembali menurun pada tahun 2014 dan tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, ianya kembali menaik semula dengan kenaikan yang sederhana. Pengendalian pukal cecair juga menunjukkan trend yang menurun antara 10.65 juta tan ke 10.61 juta tan pada tahun 2012 hingga 2013. Namun, pada tahun 2014 dan 2015, ianya naik semula kepada 11.06 juta tan pada tahun 2014 dan 12.71 juta tan pada tahun 2015. Ianya menurun semula kepada paras 12.18 juta tan pada tahun 2016. Pengendalian kontena pula, menunjukkan trend menaik antara 9.54 juta FWT pada tahun 2012 kepada 9.99 juta FWT pada tahun 2013. Ianya menunjukkan kenaikan yang agak sederhana pada tahun 2014, iaitu kepada 10.53 juta FWT. Ianya naik sedikit pada tahun 2015 ke 10.62 juta FWT tetapi turun kembali kepada 10.36 juta FWT pada tahun 2016. Data tersebut dipaparkan seperti dalam Jadual 3.11.

Pada keseluruhannya, jumlah pengendalian kargo dan kontena melalui Pelabuhan Pasir Gudang dilihat mempunyai gelombang naik-turun yang paling sederhana pada tahun 2012 hingga ke 2016. Pengendalian kontena pada keseluruhannya adalah dalam lingkungan yang stabil, iaitu sekitar 9.3 juta FWT dan 10.71 juta FWT. Dalam ukuran TEU pula, ianya menunjukkan 0.76 juta TEU sehingga 0.80 juta TEU. Trend pengendalian kargo dipaparkan sebagai Rajah 3.22.


**Jadual 3.11** Pengendalian Kargo dan Kontena di Pelabuhan Pasir Gudang 2012-2016 (000 metrik ton)

	2012	2013	2014	2015	2016*
Kargo Am	1,158.99	1,118.85	862.49	980.68	1,092.51
Pukal Kering	4,551.06	5,253.51	4,847.34	4,346.91	4,489.61
Pukal Cair	10,645.02	10,612.79	11,059.98	12,707.51	12,181.34
<b>Kontena</b>					
FWT	9,542.26	9,994.72	10,533.92	10,620.85	10,359.05
TEU	801	757	793	801	827

Sumber : Lembaga Pelabuhan Johor .

Nota : (1) FWT - Berat Kargo dalam Tan (2) TEU - Unit Setara Dua Puluh kaki





**Rajah 3.12** Pengendalian Kargo dan Kontena di Pelabuhan Pasir Gudang dari 2012 - 2016.

Mengikut trend di atas jelas kelihatan bahawa pengendalian kargo am di pelabuhan ini menyaksikan penurunan sederhana dari tahun 2012 ke tahun 2013, dan sedikit menurun lagi pada tahun 2014. Namun pada tahun 2015, ianya menunjukkan trend yang menaik, tetapi pada 2016 ianya menunjukkan trend yang menurun sekali lagi. Pengendalian pukal kering pula menunjukkan trend turun-naik di mana kenaikannya memuncak pada tahun 2013 dan turun secara paling sederhana pada tahun 2014 dan naik kembali pada tahun 2015 dan 2016. Akan tetapi, pengendalian pukal cecair pula mempunyai trend yang agak mendatar pada tahun-tahun 2012 sehingga 2013, naik pada tahun 2014 dan menurun sedikit pada tahun 2015 dan diikuti dengan penurunan yang hampir mendatar pada tahun 2016. Pada amnya, pengendalian kontena (kiraan FWT) menunjukkan trend yang menaik daripada tahun 2012 sehingga 2014, namun ianya menunjukkan penurunan yang sedikit pada tahun 2015 dan menaik secara minimal pada tahun 2016. Justeru, pengendalian kontena (mengikut kiraan TEU) menunjukkan trend yang agak menurun dan hampir mendatar sepanjang tempoh 2012 hingga 2016.

**Pelabuhan Tanjung Langsung** yang kedudukannya hanya beberapa kilometer sahaja dari Pelabuhan Pasir Gudang, tidak kurang juga pentingnya dalam pengendalian kargo. Walau bagaimanapun, ianya hanya mengendalikan pukal cecair yang berkaitan dengan cecair yang merbahaya sahaja, seperti bahan-bahan kimia. Justeru, data tersebut telah dimasukkan ke dalam Pelabuhan Pasir Gudang. Untuk tahun-tahun yang akan datang pula, ianya mungkin lebih penting lagi apabila produk petrokimia yang dijalankan oleh Petronas melalui projek RAPID di Pengerang selepas 2016 dan 2017 dapat direalisasikan.

**Pelabuhan Tanjung Pelepas** pula menunjukkan kenaikan pengendalian kargo yang agak tinggi secara konsisten dari 2012 hingga tahun 2016. Jumlah kontena dalam FWT telah melampaui 132 juta unit direkodkan pada tahun 2015 dan turun sedikit kepada 129 juta unit pada tahun 2016. Jadual 3.12 di bawah menunjukkan kargo yang dikendalikan oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas dari tahun 2012 hingga ke 2016.

**Jadual 3.12** Kargo Yang Dikendalikan di Pelabuhan Tanjung Pelepas Tahun 2012-2016

Kategori	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>
<b>KONTENA :</b>					
FWT	99,964.80	15,459.03	18,990.85	122,666.76	132,682.00
TEU	6,535.84	7,540.93	7,718.82	7,627.83	8,410.64


Sumber : Pelabuhan Tanjung Pelepas

Nota: (1) FWT – Berat Kargo Dalam Tan (2) TEUs – Unit Setara Dua Puluh Kaki

Jadual 3.12 menunjukkan bahawa Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah khusus untuk menjalankan pengendalian kargo jenis kontena sahaja. Jumlah TEUs yang dikendalikan di sini ialah sebanyak 7.54 juta TEU pada tahun 2012, menaik kepada 7.72 juta TEU pada tahun 2013 dan turun sedikit ke 7.63 juta TEU pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, ianya menaik kembali secara sederhana kepada 8.41 juta TEU dan terus menaik kepada 8.72 juta TEU pada tahun 2016. Jika dibandingkan dengan pelabuhan terbesar di Malaysia, iaitu Pelabuhan Kelang, pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas telah hampir atau lebih daripada 74.0% kapasiti di Pelabuhan Kelang. TEU yang di kendalikan di Pelabuhan Kelang ialah 10.35 juta TEU pada tahun 2013 (lihat Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2010). Trend menaik juga dijangkakan akan berlaku pada tahun-tahun 2016 dan 2017 dan seterusnya. Malahan, mengikut “2016

*Global Container Ports Ranking,*” Pelabuhan Tanjung Pelepas menduduki tempat ke-19 daripada “*World’s Top 20 Busiest Container Terminal,*” pada tahun 2016, manakala Pelabuhan Klang menduduki tempat ke 12 (lihat Alphaliner 2016).

Trend pengendalian kontena di Tanjung Pelepas boleh digambarkan dalam Rajah 3.23. Trend tersebut menunjukkan bahawa pengendalian kontena jenis FWT adalah menaik dengan kadar yang agak tinggi dari tahun 2012 hingga ke tahun 2014. Ianya menunjukkan trend yang tinggi lagi drastik dari tahun 2015 sehingga tahun 2016. Pengendalian kontena dalam TEUs pula, menunjukkan pergerakan secara mendatar dari tahun ke tahun sehinggalah tahun 2014, dan diikuti dengan sedikit peningkatan yang tidak berapa ketara pada tahun 2015 dan 2016.



**Rajah 3.13** Trend Pengendalian Kontena di Pelabuhan Tahun Pelepas (juta) Tahun 2012-2016.

Pada keseluruhannya, peningkatan pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah hasil peningkatan kerjasama dengan pelabuhan-pelabuhan di Timur Jauh, China, Afrika dan Eropah. Sebagai contoh, terdapat pembukaan beberapa pejabat pengendalian dari Eropah dan Timur Jauh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, seperti dari Mearsk dan Evergreen. Syarikat-syarikat logistic juga berminat untuk mengadakan hab storan di sini. Ini menunjukkan adanya kebolehppercayaan yang tinggi dari syarikat-syarikat besar dari seluruh dunia untuk mengendalikan operasi di Pelabuhan Tanjung Pelepas. Dengan adanya pelaburan dari negara-negara luar di Kawasan Pembangunan Iskandar (IRDA) di Johor, ianya menjadi pemangkin untuk merencanakan operasi pengendalian kontena di pelabuhan ini. Dengan adanya konsesi selama 60

tahun (1995-2055) daripada kerajaan pelabuhan ini akan dapat membangunkan dan meluaskan kawasan *Free Zonenya* secara menyeluruh dalam tahun 2019. Tidak hairanlah kalau PTP (Pelabuhan Tanjung Pelepas) mendapat jolokan daripada “*Greenfield Site*” kepada “*World-Class Port.*”

### Pengangkutan Udara

Lapangan Terbang Senai merupakan pintu masuk yang penting untuk kemasukan pelawat asing mahu pun dalam negara ke Negeri Johor. Ianya juga menjadi sebagai hab pergerakan kargo udara di selatan tanahair. Bilangan pergerakan kargo di Lapangan Terbang Senai dipaparkan dalam Jadual 3.13.


**Jadual 3.13** Pergerakan Kargo Domestik dan Antarabangsa di Lapangan Terbang Johor 2012-2016 dalam kilogram.

Kategori	2012	2013	2014	2015	2016*
<b>Domestik</b>					
Ketibaan	1,524,438	1,474,768	2,308,895	2,859,054	3,324,329
Pelepasan	1,558,980	1,554,167	1,475,049	1,450,462	1,469,186
<b>Antarabangsa</b>					
Ketibaan	78,300	145,120	525,361	428,810	733,312
Pelepasan	142,790	269,876	624,989	5,33,968	803,666
<b>Jumlah</b>	<b>3,304,508</b>	<b>3,443,931</b>	<b>4,934,294</b>	<b>5,272,294</b>	<b>6,244,493</b>
<b>% Perubahan</b>	<b>-39.3</b>	<b>4.22</b>	<b>4.33</b>	<b>6.85</b>	<b>18.44</b>

Sumber : Lapangan Terbang Senai, Johor (SATS)  
 Nota : \* anggaran

Pada amnya, jumlah kargo domestik dan antarabangsa yang dikendalikan di Lapangan Terbang Senai agak menurun pada tahun 2012 dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Ini berkemungkinan permintaan barangan melalui udara adalah menurun disebabkan oleh kelembapan ekonomi dunia dan serantau pada sekitar tahun 2010. Walaubagaimanapun, ianya menunjukkan satu peralihan yang lebih positif pada tahun 2013 dan 2014 kerana ianya mempamerkan

kenaikan yang sederhana, dengan masing-masing menunjukkan kenaikan sebanyak 4.22% dan 4.33%. Walaubagaimana pun ianya menunjukkan kenaikan yang agak tinggi pada tahun 2015, iaitu pada kadar 6.85%. Pada tahun 2016 pula, ianya menunjukkan kenaikan yang lebih tinggi, iaitu 18.44%. Jika dilihat dari pengendalian kargo domestik sahaja, ianya ada peningkatan yang sederhana pada tahun-tahun 2013 hingga tahun 2016.



**Rajah 3.14** Pengendalian Kargo (dalam '000 metrik tan) di lapangan Terbang Senai 2012-2016

Rajah 3.24 menunjukkan trend jumlah pengendalian kargo di Lapangan Terbang Senai dari tahun 2012 hingga tahun 2016. Adalah didapati bahawa arah aliran jumlah kargo domestik yang dikendalikan di lapangan Terbang Senai menurun sedikit dari tahun 2012 ke tahun 2013, menaik secara mengejut pada tahun 2014, sebelum menunjukkan trend yang mendatar pada tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, ianya menunjukkan trend menurun yang amat sedikit sekali. Bagi pengendalian kargo antarabangsa, ianya menunjukkan trend yang berbeza dengan

trend domestik. Ianya menunjukkan trend menaik secara sederhana pada tahun 2012 dan 2013. Ianya menaik di tahap yang lebih tinggi pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, ianya menunjukkan trend yang menurun diikuti menaik secara sederhana pada tahun 2016.

Pergerakan penumpang pula, ianya menunjukkan kenaikan yang agak sederhana iaitu sebanyak 3.1% pada tahun 2012. Sejumlah 1.34 juta penumpang menggunakan Lapangan Terbang Senai pada tahun

itu. Tetapi tahun 2013, ianya menunjukkan kenaikan yang membrangsangkan, iaitu kenaikan sebanyak 44.3% dengan jumlah penumpang sebanyak 1.99 juta. Ini diikuti dengan peningkatan yang masih tinggi iaitu sekitar 16.9% pada tahun 2014. Pada tahun 2015 pula, ia menunjukkan trend yang masih menaik,

tetapi pada kadar 11.01% sahaja. Pada tahun 2016 pula, jumlah penumpang meningkat sebanyak 9.53%, iaitu jumlah melebihi sedikit daripada 2.83 juta penumpang. Jadual 3.14 menunjukkan jumlah pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Senai Johor dari 2012 hingga 2016.


**Jadual 3.14** Jumlah Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Senai Johor 2012-2016.

Kategori	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>
<b>Domestik</b>					
Ketibaan	70,828	912,858	1,044,06	1,122,214	1,277,016
Pelepasan	661,699	891,759	1,028,525	1,095,670	1,243,670
Singghah	29,349	47,587	49,611	58,549	68,973
<b>Antarabangsa</b>					
Ketibaan	9,241	70,490	106,240	118,413	156,699
Pelepasan	8,230	67,412	97,381	108,870	144,564
<b>Jumlah</b>	<b>1,379,347</b>	<b>1,990,106</b>	<b>2,325,816</b>	<b>2,503,714</b>	<b>2,890,922</b>
<b>% Perubahan</b>	<b>3.1</b>	<b>44.27</b>	<b>16.9</b>	<b>7.6</b>	<b>15.4</b>

Sumber : Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail Senai, Johor.  
 Nota : <sup>e</sup> anggaran

Trend pergerakan penumpang di Lapangan Terbang Senai dipaparkan di dalam Rajah 3.25. Pergerakan penumpang domestik di lapangan tersebut menunjukkan trend yang menaik secara sederhana dari tahun 2012 ke tahun 2013. Dari tahun 2014 dan 2015 pula, ianya menunjukkan trend kenaikan yang tinggi sedikit dan diikuti dengan momentum kenaikan yang lebih tinggi pada tahun 2016. Walau bagaimana pun, pergerakan penumpang antarabangsa di lapangan terbang ini menunjukkan arah-aliran

yang mendarat dari tahun 2012. Pada tahun 2013 dan 2014 pula, ianya menunjukkan kenaikan yang agak sederhana-tinggi sebagaimana digambarkan pada trend tersebut. Manakala pada tahun 2015, ianya menjadi stabil dengan kenaikan yang paling sederhana diikuti dengan kenaikan yang agak tinggi pada tahun 2016. Bagi kesemua jenis penumpang pula, trend menunjukkan kenaikan sederhana hingga ke 2012, namun ianya menunjukkan kenaikan yang agak drastik pada tahun 2013 sehingga tahun 2016.



**Rajah 3.15** Pergerakan Penumpang (dalam 000) di lapangan Terbang Senai 2012-2016.



Pada keseluruhannya, trend di atas menunjukkan satu trend pemulihan permintaan penumpang pada tahun 2012 dengan data jumlah penumpang di tahun itu meningkat. Bukan sahaja itu, trend untuk tahun 2013 sehingga 2016 juga amat memberangsangkan dari segi penerbangan domestik mahu pun penerbangan antarabangsa. Ini ada kaitan dengan kestabilan ekonomi Negeri Johor dan juga aktiviti-aktiviti yang menarik bagi pelawat-pelawat asing untuk melancong ke Johor. Satu kes untuk rujukan ialah dengan adanya Legoland di Iskandar Malaysia yang menjadi satu tarikan oleh pengunjung dari negeri-negeri lain di Malaysia. Tambahan pula dengan bermulanya penerbangan Firefly dari Johor Bahru ke Pekan Baru, Indonesia serta penerbangan terus ke Kota Bahru dan Ipoh akan menyemarakkan lagi aktiviti pelancongan ke Johor melalui Lapangan Terbang Senai. Dengan tambahan penerbangan Malindo Air di Johor Bahru dan juga dengan perkembangan ke destinasi-destinasi yang telah dirancang seperti Penang, Medan dan Banda Aceh serta menggandakan penerbangan ke Subang serta penerbangan terus ke China dan Macau melalui AirAsia akan bertambahlah rancak lagi

pembangunan pelancongan di Johor. Semua ini akan memberi nafas baru kepada aktiviti penerbangan di Johor pada tahun-tahun akan datang.

### Telekomunikasi

Rekod Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa permintaan bagi perkhidmatan telefon mudahalih adalah lebih tinggi daripada permintaan perkhidmatan talian tetap di kebanyakan negeri di Malaysia, termasuk Johor. Ini berdasarkan kepada peningkatan jumlah penduduk, harga set telefon mudahalih yang mampumilik serta perkhidmatan yang inovatif lagi terkini serta kemudahan gadget tambahan yang diberikan oleh pembekal-pembekal syarikat telekomunikasi yang ada di Negara ini. Begitu juga, kemudahan internet melalui perkhidmatan "jalur-lebar", wifi serta Unifi yang menjadi nadi penggerak perdagangan moden juga menunjukkan peningkatan jumlah pengguna yang mantap dari tahun ke tahun. Jadual 3.15 menunjukkan jumlah pengguna telefon tetap, telefon selular dan internet di Negeri Johor dari tahun 2012 hingga 2016.

**Jadual 3.15** Jumlah penggunaan talian telefon, telefon selular dan internet di Johor 2012-2016.


Tahun	2012	2013	2014	2015 <sup>e</sup>	2016 <sup>e</sup>
Telefon tetap	0.490juta	0.485 juta	0.481juta	0.476 juta	0.436 juta
(%)	0	-1	-0.82	-1.04%	-0.63%
Telefon Selular	4.05 juta	4.26 juta	4.52juta	4.75 juta	4.97 juta
(%)	7.80%	5.20%	6.10%	5.10%	4.63%
Internet Interaktif	0.630juta	0.660 juta	0.692 juta	0.724 juta	0.758 juta
(%)	4.80%	4.85%	4.60%	4.60%	4.63%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Data Negeri dan Daerah 2010.

Nota : <sup>e</sup> menunjukkan anggaran.

Berpandukan kepada Jadual 3.15 di atas, jelas didapati bahawa penggunaan telefon talian tetap di Johor adalah mendatar pada tahun 2012. Pada tahun 2013 pula, ianya menunjukkan kadar penggunaan yang menurun dengan kadar 1%. Pada tahun-tahun 2014 sehingga 2016 juga pergerakan yang menurun dapat direkodkan, walau pun kadar penurunannya adalah nominal. Tetapi, apa yang nyata ialah peningkatan penggunaan alat telekomunikasi melalui telefon selular atau mudahalih jelas berlaku. Ianya menunjukkan situasi yang sentiasa meningkat iaitu peningkatan sebanyak 7.8% pada tahun 2012. Peningkatan pada tahun-tahun 2013 dan 2014 pula, agak sederhana-tinggi dan konsisten iaitu, masing-masing dengan kadar 5.2% dan 6.1%. Tahun 2015 dan 2016 pula, menunjukkan peningkatan penggunaan telefon mudahalih masih stabil di paras 5.1% dan

4.63%. Bagi kemudahan telekomunikasi melalui internet interaktif dengan aplikasi jalur-lebar juga menunjukkan pertumbuhan yang mantap di Negeri Johor pada tahun 2012 sehingga 2016, di mana ianya mencatatkan pertumbuhan di antara 4.8% sehingga 6.8%. Jumlah pengguna internet interaktif mencecah sebanyak 789,000 orang di Johor pada tahun 2016. Ini disebabkan dengan adanya perkhidmatan interaktif yang laju lagi pantas sehingga 20 atau 30GB kelajuan untuk pengguna individu. Malahan pembekal-pembekal perkhidmatan jalur-lebar menawarkan perkhidmatan kompetatif melalui beberapa aplikasi seperti *WhatsApp*, *internet banking*, *Jom Pay* dan lain-lain. Trend bagi penggunaan telefon tetap, telefon selular dan juga penggunaan internet serta jalur-lebar ditunjukkan dalam Rajah 3.26 seperti berikut.



**Rajah 3.16** Penggunaan Telefon Tetap, Telefon Selular Dan Internet Interaktif Di Johor, 2012-2016

Rajah 3.26 menggambarkan trend penggunaan telefon selular yang merekodkan peningkatan secara drastik dari tahun ke tahun sehingga tahun 2016. Namun, penggunaan telefon talian tetap menunjukkan trend yang agak mendatar sepanjang tempoh 2012 hingga 2012. Penggunaan internet interaktif pula, menunjukkan peningkatan yang agak sederhana pada tahun 2012 dan meningkat agak tinggi sedikit pada tahun 2013 sehingga 2016. Ini sejajar dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan jalur-lebar yang disediakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi seperti Unifi, Maxis dan Digi yang menawarkan perkhidmatan pantas selaju 20kps kepada pelanggan isi-rumah. Malahan, pelanggan masakini dapat memilih untuk perkhidmatan lebih pantas, iaitu kelajuan melebihi 20kps dengan kadar caj tambahan yang istimewa. Bukan sahaja itu, perkhidmatan data-roaming mahu pun data exchange juga disediakan untuk perkhidmatan keluar Negara. Begitu juga dengan adanya penggunaan perkhidmatan teksi melalui UBER dan GRABCAR menyemarakkan lagi kemudahan pengangkutan di Bandar-bandar khususnya di Negeri Johor.

Penggunaan internet dan telefon selular sangat berkait rapat dengan penggunaan perkhidmatan jalur-lebar (broadband services). Justeru, perkhidmatan komputer menjadi satu perkhidmatan penting telekomunikasi di masa kini. Ini selaras dengan peningkatan bilangan pertubuhan yang mengendalikan perkhidmatan komputer sebanyak 25.0% dan bilangan pekerja di syarikat-syarikat komputer yang meningkat sebanyak 26.1% dari tahun 2012 ke tahun 2016. Juga pada tahun 2012 hingga tahun 2016, nilai-ditambah bagi perkhidmatan

komputer telah meningkat melebihi 27.3%. Oleh itu, adalah jelas bahawa kemantapan pertumbuhan bidang komunikasi ini adalah satu faktor yang menyebabkan sektor kecil pengangkutan, telekomunikasi dan penyimpanan turut sentiasa berkembang dan menyumbang secara positif kepada KDNK Negeri Johor pada keseluruhannya.

### Penyimpanan Dan Penghantaran

Pada lazimnya, keaktifan sebuah ekonomi terbuka boleh juga dilihat melalui keaktifan kegiatan logistik; iaitu kegiatan yang meliputi pergudangan (*warehousing*), pengangkutan (*transportation*) dan pengedaran (*distribution*). Pada keseluruhannya, bilangan pertubuhan yang mengendalikan kegiatan pergudangan, penghantaran (tidak termasuk perkhidmatan kurier dan poslaju) meningkat dari tahun ke tahun dari tahun 2012 sehingga 2016. Kadar peningkatan adalah di antara 3.5% hingga 5.0%. Begitu juga dari bilangan jumlah pekerja yang terlibat dalam pengedaran dan penghantaran sentiasa meningkat dari tahun 2012 hingga 2016. Peratus peningkatan dalam bilangan pekerja adalah di antara 4.2% hingga 5.6% yang boleh dikatakan sebagai kadar yang sederhana tinggi. Peratus peningkatan dari segi bilangan syarikat dan bilangan pekerja terlibat berkaitan dengan penghantaran dan pengedaran boleh didapati dari Jadual 3.16.

**Jadual 3.16** Bilangan Pertubuhan dan Pekerja yang Terlibat Dalam Perkhidmatan Pengedaran dan Penghantaran, 2012-2016.

Tahun	Bil. Pertubuhan	% Perubahan	Bil Pekerja	% Perubahan
2012	105	5.0%	1381	5.6%
2013	109	3.8%	1443	4.5%
2014	114	4.6%	1508	4.5%
2015	118	3.5%	1574	4.4%
2016	123	4.2%	1641	4.3%

Sumber: Anggaran dari UPEN Johor dan Jabatan Statistik Malaysia

Dari data di atas, jelas bahawa peningkatan dalam kedua-dua parameter bilangan pertubuhan dan pekerja menunjukkan peningkatan yang agak setabil pada tahun-tahun 2012 hingga ke 2016. Rekod di atas mencatatkan di bilangan pertubuhan dan bilangan pekerja meningkat secara sederhana-tinggi masing-

masing sebanyak 5.0% dan 5.6% pada tahun 2012, manakala pertumbuhan sederhana direkodkan pada tahun 2016 dengan kadar masing-masing sebanyak 4.2% dan 4.3%. Sementara itu, perkhidmatan kurier dan penghantaran poslaju yang direkodkan di Negeri Johor boleh didapati dalam Jadual 3.17.

**Jadual 3.17** Bilangan Pertubuhan Dan Pekerja (Bergaji) Dalam Perkhidmatan Kurier Di Johor Tahun, 2012-2016.

Tahun	Bil. Pertubuhan	% Perubahan	Bil Pekerja	% Perubahan
2012	24	4.3%	422	5.20%
2013	25	4.2%	439	4.03%
2014	26	4.0%	458	4.32%
2015	27	3.8%	481	4.40%
2016	28	3.7%	499	3.74%

Sumber: Anggaran dari UPEN Johor dan Jabatan Statistik Malaysia

Melalui jumlah perkhidmatan penghantaran melalui poslaju dan kurier pula, adalah didapati bahawa bilangan pertubuhan dan bilangan pekerja yang bergaji juga menunjukkan peningkatan yang sederhana di Negeri Johor dari tahun 2011 hingga tahun 2015. Selepas mengalami keadaan ekonomi nasional yang menguncup pada tahun 2009 dan 2010, peningkatan yang agak memuaskan direkodkan dari segi bilangan pertubuhan dan bilangan pekerja di Negeri Johor dalam perkhidmatan poslaju dan kurier pada tahun pemulihan dan konsolidasi pada tahun 2011, di mana peningkatan masing-masing ialah sebanyak 4.5% dan 7.2%. Dari tahun 2012 sehingga tahun 2015 pula, peningkatan sederhana dari segi bilangan pertubuhan iaitu dalam lingkungan 3.8% hingga 4.3% dan sederhana tinggi pada bilangan pekerja yang mencatatkan pertumbuhan sekitar 4.03% hingga 5.2%.

Walau pun mengalami sedikit penurunan dalam beberapa sub-sektor kecil komunikasi dan pengendalian pengangkutan darat dan laut serta


penyimpanan dan penghantaran pada tahun 2009 dan 2010, ianya tidak menjejaskan perkembangan pada keseluruhan sektor pengangkutan, komunikasi dan penyimpanan dan penghantaran pada tahun-tahun 2012 sehingga 2016. Malahan, ianya menunjukkan pertumbuhan yang lebih mampan di tahun-tahun tersebut. Perkembangan yang menggalakkan dijangka akan terus berlaku dalam sektor ini di tahun-tahun mendatang dengan adanya satu "kesan penggerak" (boosting effect) daripada kemunculan sektor minyak dan gas (oil and gas) di Johor melalui projek RAPID di Pengerang. Begitu juga, dengan pembukaan beberapa lebuhraya baru yang merentasi barat Johor dan di dalam Wilayah Timor Iskandar merancakkan lagi sektor pengangkutan darat dan logistik. Justeru, sektor pengangkutan, logistik, telekomunikasi dan pengedaran akan menjadi pemangkin kepada pergerakan barangan dan komoditi serta perkhidmatan dalam sub-sektor tersebut di Negeri Johor khususnya dan seluruh Negara amnya.

## KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Prestasi ekonomi negara, negeri dan tahap ekonomi penduduk secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi pertumbuhan hampir semua sektor-sektor kecil ekonomi seperti sektor pembinaan, sektor pembuatan, perniagaan borong, runcit, perhotelan, sektor hartanah lain dan sebagainya. Perubahan prestasi sektor-sektor kecil ekonomi tersebut memberi impak terus kepada sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Oleh kerana Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dan Pengerang merupakan kawasan pemacu Ekonomi Negeri Johor yang terbaru, keaktifan kedua-dua kawasan ini secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada keaktifan sektor kecil

kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan di Johor.

Di samping itu, kebolehpayaan kerajaan melestarikan ekonomi Malaysia akan mempengaruhi prestasi sektor-sektor ekonomi negara. Urutan daripada itu pihak pengguna, pemaju, perbankan, ahli-ahli profesional, ahli-ahli perniagaan dan usahawan akan mendapat suntikan baru dan bebas untuk membuat segala keputusan mengenai operasi organisasi mereka. Dasar-dasar kerajaan seperti cukai dan insentif berupaya memacu dan melicinkan segala perancangan dan memudahkan membuat keputusan bagi syarikat-syarikat. Prestasi sektor ini dalam tempoh 5 tahun dapat dilihat melalui indeks dan perubahan indeks yang tertera di Rajah 3.27.



**Rajah 3.17** Indeks Kewangan, Hartanah & Perkhidmatan Profesional, 2010-2016.  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


### Perkhidmatan Kewangan dan Insurans

Tahap Keaktifan sektor kewangan dan insurans dapat di perhatikan melalui peningkatan Indeks Kewangan dan Insurans yang meningkat sebanyak 3.7 peratus berbanding dengan 1.4 peratus pada tahun 2015 dan 2.2 peratus pada tahun 2014.

Lonjakan yang agak relatif tinggi ini disebabkan oleh kerancakan aktiviti perniagaan insurans yang di gambarkan melalui **Penunjuk Keyakinan (Confidence Indicator)**. Perkhidmatan industri insurans yang menampilkan peningkatan yang memberangsangkan malah **Penunjuk Keyakinan (Confidence Index)** bagi industri ini meningkat dengan peningkatan 2 digit sepanjang tahun 2015 dan 2016. Kemantapan industri insurans merupakan penyelamat kepada prestasi perkhidmatan dan

kewangan sepanjang tahun 2016. Rajah 3.28 mempamerkan trend indeks kewangan dan insurans. Walaubagaimanapun, pinjaman bank yang rata-rata menurun semenjak suku tahun pertama 2015, telah mengakibatkan **Penunjuk Keyakinan (Confidence Indicator)** bagi industri ini negatif di mana hasilnya ialah jumlah permohonan pinjaman mencatatkan pertumbuhan yang kurang memberangsangkan iaitu negatif 2.72% pada tahun 2016 berbanding positif 1.3% pada tahun 2015 dan 13.2% pada tahun 2014.

Pertumbuhan yang negatif dirasai oleh hampir semua sektor ekonomi kecuali sektor perdagangan borong 3.19%, sektor pembinaan 3.51%, sektor pertanian premier 10.03%, sektor elektrik dan gas 1.18%, pinjaman bertujuan sekuriti 26.1%, kad kredit 3.9% dan modal kerja 0.6%.



**Rajah 3.18** Indeks Kewangan dan Insuran, 2012-2016

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan perniagaan insurans samada secara konvensional dan takaful adalah hasil daripada kesedaran penduduk dari pelbagai peringkat umur dan sosio-ekonomi hasil dari keaktifan agen-agen insurans dan keefisienan syarikat-syarikat insurans. Keaktifan sektor kecil insurans juga berkait rapat dengan kemunculan produk-produk baru dan kesedaran pengguna tentang keperluan tabungan kecemasan, seperti tabungan kesihatan, tabungan kebakaran, tabungan pendidikan, tabungan keluarga dan pelbagai produk insurans yang lain. Pertambahan produk baru dalam bidang insurans dan kewangan islam yang diketengahkan oleh institusi yang berkaitan telah menyokong sedikit sebanyak peningkatan sektor kecil insurans ini. Pihak kerajaan telah pun mewajibkan kakitangan kerajaan membeli polisi insurans dari pelbagai produk yang telah ditawarkan, terutama polisi insurans kesihatan, pendidikan dan keluarga atau insurans hayat. Perkembangan ini secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan dan nilai ditambah syarikat-syarikat insurans. Pihak kerajaan juga mengadakan skim insuran warga emas yang sedikit sebanyak telah meningkatkan aktiviti sektor kewangan dan insuran.

### Perkhidmatan Perniagaan Hartanah


Kesuraman industri hartanah kediaman dapat dilihat melalui jumlah pinjaman untuk pembelian harta kediaman yang merosot sepanjang 2014, 2015 dan 2016 terutama rumah kos sederhana tinggi dan ke bawah. Namun begitu, pinjaman dan transaksi perumahan kos tinggi dapat mengatasi kelembapan yang di alami oleh sektor kecil kediaman dari

jenis-jenis yang lain. Pemaju hartanah merasakan kelembapan dari segi hasil kasar, jumlah permintaan dan keadaan kewangan semasa yang mendorong kepada **Penunjuk Keyakinan** (*Confidence Indicator*) yang negatif di sepanjang tahun 2014 dan berlanjutan kepada tahun 2015 dan 2016.

Kemerosotan pinjaman untuk tujuan pembelian Hartanah Kediaman dan Hartanah Bukan Kediaman seperti bangunan perindustrian, tanah, kompleks perdagangan, kedai dan lain-lain mengakibatkan kemerosotan industri ini pada tahun 2016 berbanding dengan peningkatan di tahun 2014 dan 2015.

Maklumat daripada Bank Negara Malaysia menyatakan bahawa peratusan pinjaman untuk pembelian hartanah (harta kediaman, harta bukan kediaman dan harta tetap) yang dilepaskan (disbursed) oleh Sistem Perbankan Malaysia pada tahun 2016 menguncup di antara negatif 9.7% dan 16.6%. Trend indeks hartanah dari tahun 2010 hingga 2016 dibandingkan dengan Indeks Kewangan dan Insuran dan Indek Professional dipamerkan di Rajah 3.29.

Berdasarkan nilai pindah milik hartanah di Negeri Johor, jumlah nilai pindah milik pada tahun 2016 telah merosot sebanyak 10% berbanding dengan penguncupan yang dialami sebanyak 34.5% pada tahun 2015. Kemerosotan nilai pindah milik dialami oleh semua jenis hartanah kecuali hartanah pertanian. Kemerosotan bukan sahaja di alami oleh nilai transaksi tetapi bilangan pindah milik bagi semua jenis hartanah, iaitu situasi yang sama dialami pada tahun 2014 (rujuk Jadual 3.18).



**Rajah 3.19** Indeks Perkhidmatan Hartanah dan Kewangan & Insurans 2010-2016  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Perkhidmatan Professional**

Penekanan kepada Program Tranformasi Ekonomi (PTE) dan pengenalan kepada 12 strategi *National Key Economic Areas*, (NKEA) untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara telah menyenaraikan perkhidmatan perniagaan seperti perkhidmatan arkitek, kejuruteraan, juru-ukur, perkhidmatan

hartanah peguam (perundangan), akauntan, Veterina, penyelidik pasaran dan Pengiklanan sebagai pemangkin kepada keseluruhan proses pembangunan. Indeks permintaan ke atas perkhidmatan ini meningkat sebanyak 76.7 mata pada tahun 2016 (2015:61 mata) berbanding dengan tahun asas (2010:100).

**Jadual 3.18** Bilangan dan Nilai Pindah Milik Hartanah Di Negeri Johor 2013-2016

Bilangan Pindah Milik Harta							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2013	33,651	5,083	1,214	10,048	2778	5	52,779
2014	39,017	5,774	1,255	10,001	2494	6	58,547
2015	31,060	4,507	1,134	9,027	1997	3	47,728
2016	26,186	3,359	730	8,294	1497	0	40,066
Perubahan (2015/2014)	-20.4%	-21.9%	-9.6%	-9.7%	-19.9%	-50.0%	-18.5%
Perubahan (2016/2015)	-15.7%	-25.5%	-35.6%	-8.1%	-25.0%	-100.0%	-16.1%


Nilai Pindah Milik Harta (RM juta)							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2013	9,282.77	11,234.25	2,249.85	3,424.13	3,914.79	1.06	30,106.84
2014	13,737.82	6,424.17	2,847.45	3,344.05	6,660.65	40.74	33,054.88
2015	9,283.57	3,712.44	2,331.12	2,819.00	3,503.60	1.56	21,651.87
2016	8,577.70	2,845.25	2,026.78	3,250.85	2,747.10	0	19,447.68
Perubahan (2015/2014)	-32.4%	-42.2%	-18.1%	-15.7%	-47.4%	-96.2%	-34.5%
Perubahan (2016/2015)	-7.6%	-23.4%	-13.1%	15.3%	-21.6%	-100.0%	-10.2%



Nilai Purata Hartanah mengikut Subsektor (RM)

Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2013	275,854	2,210,161	1,853,250	340,777	1,409,212	211,400	570,432
2014	352,098	1,112,603	2,268,884	334,372	2,670,670	6,790,000	564,587
2015	299,180	823,705	2,055,661	312,185	1,754,432	520,000	453,651
2016	327,568	847,053	2,776,411	391,952	18,350,701	0	485,391
Perubahan (2015/2014)	-15.0%	-26.0%	-9.4%	-6.6%	-34.3%	-92.3%	-19.6%
Perubahan (2016/2015)	9.5%	2.8%	35.1%	25.6%	946.0%	-100.0%	7.0%

Sumber: Laporan Pasaran Harta 2014 dan 2015 NAPIC



Rajah 3.20 Indeks Perkhidmatan Professional  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sebanyak 3,353 bilangan pertubuhan khusus dalam bidang Perkhidmatan Perniagaan yang berdaftar di negeri Johor pada tahun 2015 dengan sumbangan Nilai ditambah sebanyak RM 2,154.5 juta. Perkhidmatan ini memberi impak yang amat besar dari segi kemahiran, sumbangan gunatenaga, output dan nilai ditambah. Walaubagaimanapun keaktifan sektor kecil ini berkait rapat dengan keaktifan keseluruhan ekonomi. Trend indeks perkhidmatan profesional dari tahun 2010 hingga 2016 boleh dilihat di Rajah 3.30.

Keaktifan Sektor Kecil Perkhidmatan subsektor ini dapat di gambarkan melalui taburan pertubuhan ini mengikut negeri. Negeri Johor menduduki tempat ketiga dari segi jumlah bilangan pertubuhan Profesional, Kewangan dan Hartanah. Berdasarkan Laporan Banci Ekonomi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, Negeri Selangor merupakan peneraju utama dari segi bilangan pertubuhan Profesional dan Kewangan, manakala Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur menjadi peneraju dalam bidang pertubuhan Hartanah. Negeri Johor menduduki tempat ketiga di dalam bidang-bidang yang dinyatakan tadi. Daripada maklumat Banci Ekonomi 2016, di Negeri Johor terdapat 9.4% pertubuhan Professional, 8.6% pertubuhan Kewangan dan 9.5% pertubuhan Hartanah menjalankan perniagaan. Sebagai perbandingan terdapat 34.9% pertubuhan Professional, 32.1% pertubuhan kewangan dan 23.6% pertubuhan hartanah yang menjalankan perniagaan di Negeri Selangor.

Perkembangan pembangunan yang berlaku di kawasan Iskandar Malaysia dan kawasan Pengerang sekarang ini memberi impak kepada keaktifan sektor kecil ini, di samping sumbangan dari sektor lain. Di samping itu, pertumbuhan sektor ini dapat diukur melalui kadar penghunian bagi bangunan binaan khas serta kadar sewa yang meningkat di beberapa bangunan binaan khas. Jumlah ruang yang telah meningkat sebanyak 2.7% daripada


1,080,843 s.m kepada 1,083,867 s.m pada tahun 2015 merupakan kayu pengukur kepada perkembangan Perkhidmatan Perniagaan. Johor Bahru mempunyai bangunan binaan khas yang paling banyak iaitu 97 buah daripada jumlah keseluruhan 213 buah, ini bersamaan 45.7%. Daerah Batu Pahat dan Muar masing-masing mempunyai 29 buah (13.6%) dan 21 buah ( 9.4%) buah, Segamat 18 buah (8.5%) dan bangunan di daerah-daerah ini telah menyediakan sebanyak 91.6% ruang kepada sektor kecil ini.

## PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN

Sektor ini merangkumi semua perkhidmatan yang tidak termasuk di dalam mana-mana sektor perkhidmatan yang tersenarai di tempat lain. Berdasarkan Laporan Indeks Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, Sektor Perkhidmatan lain-lain menyumbang sebanyak 5.8 peratus kepada prestasi keseluruhan Segmen Perkhidmatan. Perkhidmatan yang termasuk

di dalam kategori ini diantaranya ialah, kolej/universiti swasta, perkhidmatan pengiklanan, perkhidmatan klinik swasta, hospital swasta, klinik veterinar swasta, mekanik kereta dan bengkel baik pulih jentera, kedai perkhidmatan dobi, kedai gunting rambut/salon kecantikan, pusat hiburan, pawagam, studio gambar, sekolah tuisyen, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan penyediaan makanan (bukan restoran) dan sekolah memandu. Sumbangan subsektor ini kepada ekonomi Negeri Johor melalui, diantaranya ialah, emolumen, percukaian dan peruncitan.

Bersumberkan maklumat Indeks Perkhidmatan Lain-lain dari Jabatan Perangkaan Malaysia di Rajah 3.31, prestasi sektor ini didapati meningkat sebanyak 6.1% berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dirangsang oleh Pendidikan Swasta 6.6 peratus, Kesihatan Swasta 5.5 peratus dan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi 5.0 peratus.



**Rajah 3.21** Indeks Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain 2010-2016.  
Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

**Sektor Perkhidmatan pendidikan** menerima sumbangan daripada institusi seperti tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dari dalam negeri atau luar negeri. Di antara IPT luar negara yang mempunyai cawangan di Johor, terutama di kawasan IRDA, ialah *University of Southampton, Raffles College Iskandar, Newcastle University of Medicine Malaysia, University of Reading Malaysia, Netherland Maritimes Institute of Technology* dan *Crescendo International College*. Penubuhan kolej-kolej Universiti, sebenarnya amat memberi kesan kepada ekonomi setempat, melalui perbelanjaan oleh pelajar-pelajar, kakitangan universiti tersebut dan perbelanjaan universiti. Secara umum perbelanjaan tersebut akan memberi nilai tambah dan nilai tambah tersebut akan memberi

kesan pendarab (*multiplier effect*) kepada sektor-sektor kecil yang lain. Walaupun sumbangan kepada KDNK negeri adalah kecil, namun sektor ini memainkan peranan penting di dalam memberikan perkhidmatan sokongan kepada sektor ekonomi yang lain.

**Sektor Perkhidmatan/Perkhidmatan Kesihatan** yang meliputi **hospital swasta, klinik swasta, perkhidmatan pergigian, rumah bersalin, pusat dialisis, makmal perubatan, pusat akupunktur, perkhidmatan ahli herba dan homeopati dan rumah penjagaan** berkembang pesat terutama di kawasan bandar, ekoran dari permintaan yang semakin meningkat daripada penduduk disekitarnya. Pada tahun 2015, terdapat 1713 bilangan pertubuhan yang berkaitan


dengan perkhidmatan jenis ini dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak RM743.745 juta. Johor Bahru menjadi tumpuan kepada pemilihan tempat untuk menjalankan perkhidmatan ini. Usaha yang berterusan dalam mempromosikan pelancongan kesihatan dan pendidikan telah memberi manfaat yang ketara kepada sektor ini. Keaktifan sektor kecil ini sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap penjagaan kesihatan oleh penduduk yang meningkat di Johor yang amat peka dengan tahap dan mutu kesihatan. Namun permintaan terhadap sektor kecil ini mengalami peningkatan yang amat perlahan, terutama pada tempoh Suku Ke 3 (S3) dan Suku Ke 4(S4) 2016, akibat daripada pelaksanaan GST ke atas perkhidmatan yang diberikan. Pesakit telah beralih kepada perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan.

Dengan **Hospital swasta** yang berjumlah 26 buah, serta kemudahan perkhidmatan perubatan pakar yang menawarkan pelbagai perkhidmatan yang

sentiasa meningkat dengan harga yang kompetitif serta perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, sektor ini dijangka terus berkembang dan menjana pertukaran asing.

Kerajaan Malaysia secara amnya dan Kerajaan Negeri Johor secara khususnya perlu mengambil peluang sebaik mungkin atas pengiktirafan tertinggi oleh *International Living's Annual Global Retirement Index (GRI)* dalam kategori penjagaan kesihatan dan juga pengiktirafan tertinggi "*Medical Travel Destination of the Year*" daripada *International Medical Travel Journal (IMTJ)* pada bulan April 2015. Pencapaian-pencapaian ini boleh dikekalkan dengan penyediaan "rangkaiannya" atau "*connectivity*" yang baik dan komprehensif.

Pertumbuhan dalam sektor-sektor ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan Rajah 3.32 menunjukkan Indeks Kesihatan dan Pendidikan Swasta bagi tahun 2010-2016.



**Rajah 3.22** Indeks Kesihatan dan Pendidikan Swasta 2010-2016

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asasnya, subsektor ini merupakan pembekal perkhidmatan yang membantu keselesaan hidup untuk seluruh ekonomi negeri seperti bengkel kereta, sekolah memandu, pusat kecantikan. Keaktifan sektor lain memberikan sumbangan yang positif kepada pertumbuhan nilai ditambah sektor ini. Oleh kerana sumbangan sektor ini kepada gunatenaga negeri adalah agak besar sementara aktiviti organisasi-organisasi yang bergiat di dalam sektor ini kebanyakan dipantau/kawalselia oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) maka keaktifan pihak PBT secara tidak langsung menyumbang ke arah pertumbuhan sektor ini.

Kesenian, Hiburan dan Rekreasi, merupakan satu bidang yang masih muda di negara kita tetapi mempunyai peluang yang amat cerah dalam menjana pendapatan, memberi peluang pekerjaan juga menambah pendapatan eksport. Bidang ini dinamakan "*Creative Economy*". Jenis-jenis aktiviti yang termasuk di dalam kategori ini ialah aktiviti kesenian, hiburan, dan kreatif, aktiviti hiburan dan kebudayaan, sukan dan rekreasi. Pada tahun 2015 sebanyak 690 pertubuhan di bawah naungan "*Malaysia's Creative Multimedia Cluster*" (MCMC) dengan sokongan daripada Malaysian Multimedia

Super Corridor (MSC) telah menyumbang nilai ditambah yang sebanyak RM 373.312 juta. Oleh itu, penempatan Pinewood Studios di kawasan Iskandar Malaysia merupakan langkah terbaik. Sektor-sektor Perkhidmatan Lain ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 50 ribu tenaga kerja.

## PERKHIDMATAN KERAJAAN

Dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri, penglibatan sektor kerajaan amatlah penting. Perkhidmatan kerajaan menjadi peneraju kepada aktiviti ekonomi negeri disamping pemantau kepada pelaksanaan dasar ekonomi negeri secara keseluruhan. Oleh itu perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan perlu disediakan agar ekonomi negeri dapat dijana dengan sempurna dan terbaik. Ukuran terbaik yang boleh dimanfaatkan untuk mengukur tahap pencapaian aktiviti perkhidmatan kerajaan di antaranya ialah Quality of Live Index, Consumer Price Index, Competitiveness Index, Happiness Index, Integrity Index, Consumers Sentiment Index dan yang terbaharu ialah Syariah Index.

Selain daripada kakitangan jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan dan Negeri Johor termasuk anggota keselamatan seramai lebih kurang 100 ribu orang, Negeri Johor merupakan tempat terletaknya 3 buah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) yang


besar, politeknik, kolej komuniti, 2 buah institusi-institusi latihan perguruan, 1178 buah sekolah-sekolah rendah dan menengah yang menggaji sekitar 87 ribu orang. Sehubungan dengan itu Negeri Johor menjadi tumpuan lebih kurang 10 ribu orang pelajar IPT yang mendapatkan kemudahan pembiayaan kewangan PTPTN dimana sedikit sebanyak dapat merangsang ekonomi setempat melalui perbelanjaan yang mereka lakukan. Disamping itu terdapat juga institusi penyelidikan awam, hospital-hospital kerajaan yang besar, yang secara tidak langsung beraksi sebagai pengguna dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Sumber utama pertumbuhan di sektor ini ialah peningkatan perbelanjaan emolumen bagi penjawat awam. Peningkatan emolumen bagi kakitangan awam termasuk polis dan tentera, elaun bagi anggota perkhidmatan awam serta bayaran kepada golongan profesional dan perkhidmatan teknikal akan menjana pendapatan bagi subsektor lain seperti restoran, peruncitan dan perantara kewangan. Perbelanjaan kerajaan dijangka meningkatkan tahap perkhidmatan terutamanya melalui perluasan perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan sosial yang akan secara langsung atau langsung akan menjana nilai tambah bagi subsektor pembinaan, penyelidikan dan perniagaan kepakaran.









# EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2016



**ISKANDAR**  
MALAYSIA



LAPORAN EKONOMI 2016/2017 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

### PENGENALAN

Bab ini memperihalkan perkembangan ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia yang bertujuan menyediakan konteks yang relevan kepada perbincangan prestasi ekonomi yang amat bergantung kepada usaha-usaha di dalam perancangan pembangunan wilayah. Ini diikuti oleh perbincangan-perbincangan seterusnya yang merangkumi imbasan ekonomi dunia dan negara yang sangat relevan kepada kesihatan ekonomi Iskandar Malaysia. Perbincangan juga merangkumi pertumbuhan ekonomi makro Iskandar Malaysia, pasaran pekerja dan gunatenaga Iskandar Malaysia, pembangunan infrastruktur di Iskandar Malaysia serta pelaburan di Iskandar Malaysia.

Iskandar Malaysia (IM) adalah koridor pembangunan utama di selatan Semenanjung Malaysia yang merupakan salah satu daripada rancangan-rancangan pembangunan berimpak tinggi di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM-9). Wilayah ini meliputi kawasan seluas 2,217 km persegi dengan merangkumi bandaraya Johor Bahru dan bandar-bandar Senai, Pasir Gudang dan pembangunan pusat pentadbiran Iskandar Puteri. Keseluruhan daerah Johor Bahru berada di dalam Iskandar Malaysia yang juga merangkumi sebahagian dari daerah Pontian.

Iskandar Malaysia mempunyai kelebihan strategik disebabkan lokasinya yang terletak paling selatan di Semenanjung Malaysia berada di laluan utama perkapalan antarabangsa. Lokas Iskandar Malaysia yang terletak di persimpangan laluan perdagangan Timur-Barat mendedahkannya kepada kepelbagaian peluang dari ekonomi-ekonomi pesat membangun seperti Indonesia, China dan India.

Iskandar Malaysia telah dirancang untuk menjadi pusat utama bagi sembilan kelompok ekonomi yang diberi tumpuan khusus dengan menawarkan peluang pelaburan yang terbaik. Kelompok-kelompok tersebut merangkumi enam di dalam sektor perkhidmatan, iaitu, sektor Perkhidmatan Kewangan & Perniagaan, Industri-industri Kreatif, Logistik, Pelancongan, Pendidikan, Perkhidmatan Kesihatan, dan tiga di dalam sektor pembuatan, iaitu, Elektrik & Elektronik, Petrokimia & Oleokimia, serta Pemprosesan Makanan & Pertanian.

Sejak penubuhannya pada tahun 2006, Iskandar Malaysia telah mengalami kemajuan pembangunan fizikal secara besar-besaran yang berlaku di wilayah ini. Kemajuan ini juga dapat dilihat melalui petunjuk-petunjuk utama ekonomi dan pelaburan

seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), aliran pelaburan, pengwujudan pekerjaan serta peningkatan di dalam bilangan Enterprise Kecil dan Sederhana (PKS) itu.

Dari tahun 2010 hingga 2016, KDNK Iskandar Malaysia berkembang lebih cepat pada kadar 6.7% setahun (Johor: 5.9%, Malaysia: 5.1%) dengan siapnya projek-projek pemangkin seperti Johor Premium Outlets, LEGOLAND, Taman Tema Keluarga Puteri Harbour dan EduCity, antara lain.

Pada tahun 2016, Iskandar Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK tahunan pada kadar 7.3% disumbangkan oleh peningkatan aktiviti di wilayah ini. Pertumbuhan KDNK Iskandar Malaysia adalah lebih tinggi daripada Negeri Johor secara keseluruhan yang juga lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK Malaysia. Pertumbuhan KDNK Malaysia diramal akan berada pada julat 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2017. Rumusan gambaran KDNK Malaysia, Johor dan Iskandar Malaysia di pamerkan sebagai Jadual 4.1.

**Jadual 4.1** Perbandingan Pertumbuhan KDNK Malaysia, Johor dan Iskandar Malaysia, 2006 – 2016

	Pertumbuhan Purata Tahunan (%)		Pertumbuhan Bagi Tahun (%)		
	2006 - 2010*	2010 - 2016**	2014	2015	2016
Malaysia	4.5	5.1	6.0	5.0	4.2
Negeri Johor	3.9	5.9	6.5	5.6	5.7
Iskandar Malaysia	<b>4.1</b>	<b>6.7</b>	<b>7.2</b>	<b>6.5</b>	<b>7.3</b>

\*Pertumbuhan KDNK pada harga malar 2005  
\*\*Pertumbuhan KDNK pada harga malar 2010

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA) - CDPii<sup>1</sup>, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Negeri Johor, Laporan Ekonomi Malaysia

**Jadual 4.2** Perbandingan Unjuran Pertumbuhan KDNK Johor dan Iskandar Malaysia, 2013-2035

	Pertumbuhan Purata Tahunan (%)		
	2013 - 2015	2016 - 2020	2021 - 2035
Johor	5.8	5.9	6.3
Iskandar Malaysia	<b>7.2</b>	<b>7.5</b>	<b>7.7</b>

Sumber : Iskandar Regional Development Authority (IRDA) - CDPii, Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Negeri Johor

<sup>1</sup> Comprehensive Development Plan II

## PERKEMBANGAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DALAM TEMPOH 10 TAHUN, 2006-2015

Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, Iskandar Malaysia telah mencatatkan pembangunan luar biasa, bukan sahaja dari aspek pembangunan fizikal tetapi juga dapat diukur melalui penunjuk-penunjuk ekonomi utama seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Di antara tahun 2006 hingga 2010, KDNK Iskandar Malaysia berkembang pada kadar 4.1% setahun untuk mencapai nilai RM42.6 bilion. Ini adalah tempoh di mana Iskandar Malaysia membina momentum dan meletakkan asas bagi pertumbuhan ekonomi.

Dari tahun 2011 hingga 2014, KDNK Iskandar Malaysia berkembang lebih pantas dengan kadar pertumbuhan purata 7.0% setahun dengan siapnya projek pemangkin seperti Outlet Premium Johor, LEGOLAND, Taman Tema Puteri Harbour dan EduCity. Ini telah dibantu oleh persekitaran ekonomi yang menggalakkan pembangunan dan aktiviti di rantau ini. Pertumbuhan yang lebih perlahan berlaku pada tahun 2015 berikutan penurunan harga minyak dunia yang telah memberi kesan negatif kepada persekitaran ekonomi Malaysia.

Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa pertumbuhan KDNK Iskandar Malaysia adalah lebih tinggi daripada Johor secara keseluruhan dan pertumbuhan ekonomi di Johor adalah lebih tinggi daripada KDNK nasional. Ini menunjukkan pentingnya pembangunan di Iskandar Malaysia untuk memacu pembangunan negeri Johor dan Malaysia.

### MEMPERKEMASKAN PERANAN PEMUDAHAN (FACILITATION) IRDA

Secara amnya pelabur asing mempunyai banyak pilihan di dalam mencari lokasi untuk melabur. Strategi sebahagian besar pelabur di dalam melabur boleh diringkaskan seperti berikut:

- Mencari pasaran (ke arah pasaran yang lebih besar untuk produk masing-masing)
- Mencari sumber (untuk berada lebih dekat dengan sumber utama dan buruh)
- Mencari kecekapan
- Mencari aset strategik
- Penggantian perdagangan/import
- Mencari pengetahuan

**Jadual 4.3** Perbandingan Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia, 2006 - 2015

	Pertumbuhan KDNK (%)					
	2006 - 2010	2011	2012	2013	2014	2015
Malaysia	4.5	5.2	5.6	4.7	6.0	5.0
Johor	3.9	6.4	6.5	5.8	6.5	5.6
Iskandar Malaysia	4.1	6.8	6.8	7.2	7.1	6.5

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Di Asia, negara-negara seperti China dan Korea Selatan menawarkan pasaran domestik yang besar serta tenaga kerja teknikal yang mahir untuk pengeluaran dan perkhidmatan. Di kalangan negara-negara ASEAN, Indonesia, Thailand dan Vietnam telah muncul sebagai destinasi pelaburan yang mempunyai potensi pasaran domestik yang besar selain struktur kos operasi yang rendah. Walaupun Malaysia boleh menjadi lokasi yang berdaya saing jika dinilai berdasarkan kriteria kriteria seperti lokasi strategik, infrastruktur yang baik, ketersediaan pekerja mahir, antara lain, proposisi nilai Iskandar Malaysia telah perlahan-lahan diatasi oleh negara-negara sedang membangun, terutamanya Indonesia, Thailand dan Vietnam. Oleh itu, IRDA perlu terus memperbaiki proposisi nilai untuk terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik bagi pelaburan bernilai tinggi.

Bagi Iskandar Malaysia, dorongan pelaburan yang kukuh telah membawa pelabur strategik dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk pembangunan hartanah. Bagi setiap sektor yang digalakkan, Iskandar Malaysia telah berjaya menawan pelabur pemangkin, di antaranya, seperti LEGOLAND, Outlet Premium Johor, EduCity. Iskandar Malaysia juga telah menarik pelaburan besar dari China terutamanya dalam sektor hartanah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia dan dianggarkan menarik ramai pelawat Cina ke Johor. Ramai pemaju hartanah utama China telah melabur dalam projek-projek strategik pesisir pantai. Selain perbezaan budaya, keperluan pelabur strategik boleh menjadi mencabar di bawah rangka kerja dan proses pengawalseliaan yang sedia ada.



Beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh pelabur berdasarkan kepada perkembangan semasa dikategorikan seperti berikut:

- Memahami undang-undang yang berlainan yang berkaitan dengan pengambilan tanah, pembangunan, kelulusan dan lesen untuk sektor atau bidang perniagaan yang berlainan
- Menyulusuri keperluan Kementerian-Kementerian, Agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan yang berbeza
- Permohonan pelabur untuk semakan dasar

Kejelasan proses dan kepantasan menyelesaikan pelbagai proses adalah penting bagi pelabur strategik.

Di dalam CDPii, melalui kajian semula Model Operasi Bagi Kelulusan Pelaburan dan Pembangunan Projek (Operating Model of Project Investment and Development Approval), telah dikenalpasti keperluan untuk mengukuhkan lagi peranan pemudahcara IRDA. Ini termasuk memfokuskan semula proses kelulusan pelaburan projek, mengiktiraf kepentingan projek pelaburan strategik, mengukuhkan fungsi Pusat Perkhidmatan Iskandar dan mengkaji semula mekanisme membuat keputusan semasa yang berkaitan dengan tanah, perancangan dan pembangunan, antara lain. Mempercepatkan proses kelulusan akan meningkatkan keupayaan Iskandar Malaysia untuk menarik pelaburan dengan lebih banyak dan yang lebih baik.



**Rajah 4.1** Proses Pemudahcaraan IRDA  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Untuk mendaratkan projek-projek pemangkin atau projek-projek mega ke Iskandar Malaysia, perkhidmatan pemudahcaraan perlu berada di tahap yang berbeza untuk memenuhi keperluan dan garis masa pelabur. Lebih awal sesuatu projek strategik dapat mula beroperasi, semakin cepat dapat dituai manfaat ekonomi dalam bentuk perbelanjaan dan pekerjaan. Walaupun Pusat Perkhidmatan Iskandar yang sedia ada serta pelbagai platform pemudahan seperti Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan (AIC), Jawatankuasa Pelaburan Negeri, Jawatankuasa Pelaburan IRDA boleh memudahkan beberapa isu, jika tidak semua, masih terdapat keperluan untuk suatu "Super Platform" untuk menjadi penyelaras utama atau tetingkap tunggal kepada pelabur-pelabur strategik. "Super Platform" ini perlu bekerjasama erat dengan Kementerian-kementerian Persekutuan selain daripada mempunyai hubungan erat dengan agensi-agensinya tempatan.

**MEMPERKUKUHKAN SEMBILAN SEKTOR PENGALAK EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DAN MENINGKATKAN EKOSISTEM PEMUDAHAN**

Dalam memperkukuhkan pautan (lingkage) antara kluster-kluster ekonomi, kluster-kluster ekonomi akan digalakkan untuk berkembang secara menegak dan mendatar, melabur semula, melakukan inovasi, konsolidasi dan integrasi.

Setiap kluster ekonomi telah mensasarkan arah-arah utama yang direkabentuk untuk merancakkan pertumbuhan ke arah mendalami pautan, di samping menghapuskan pertumbuhan yang tidak sekata yang dialami oleh kluster-kluster di waktu fasa pembangunan awal.

Kluster-kluster yang baru muncul seperti perkhidmatan kreatif serta perkhidmatan kewangan dan perniagaan akan dipupuk menggunakan ekosistem pemudahcara yang sesuai. Sebaliknya bagi kluster teras sedia ada seperti elektrik dan elektronik, petrokimia, oleokimia dan logistik, arah-arah utama

yang berkenaan merangkumi pelaburan semula dan inovasi untuk tujuan mendalami rantai nilai masing-masing.

Tidak seperti sektor pembuatan yang mempunyai MIDA sebagai agensi utama untuk menentukan halatuju pembangunannya serta memudahkan pelaburan, sektor perkhidmatan adalah terpecah di bawah pelbagai Kementerian dan Agensi. Situasi ini mewujudkan keperluan kepada dasar, prosedur, garis panduan, penguatkuasaan standard, kemudahan, sokongan dan kerjasama antara Kementerian/Agensi. Satu contoh ialah Sektor Kreatif di mana IRDA bersama-sama dengan pemegang kepentingan kreatifnya, Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS) perlu membangunkan saluran bakat untuk pengeluaran antarabangsa yang besar agar krew-krew Malaysia dapat mengintegrasikan sepenuhnya dengan pengeluaran ini. Selain daripada pengeluaran filem, MAGIC-X, pusat/inkubator inovasi untuk "gaming" dan "usahawan gamification" telah dibangunkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Walau bagaimanapun, platform baru seperti Filem Johor, yang bertindak sebagai Suruhanjaya Filem Negeri, ditubuhkan untuk membantu secara sistematik pengeluaran filem dengan satu jangka masa yang ditentukan. Selain itu penubuhan Filem Insentif Malaysia (FIMI) untuk menarik penerbitan antarabangsa untuk membuat penggambaran di Malaysia dan juga menaiktaraf produksi tempatan untuk pasaran antarabangsa. Inisiatif sedemikian perlu terus direalisasikan dan dibantu (push strategy), dengan menggunakan momentum produksi-produksi yang berjaya seperti Marco Polo Season 1 dan Season 2 oleh Netflix, Asia Got Talent oleh Fremantle untuk memastikan kemapanan sektor kreatif Iskandar Malaysia.

Satu lagi contoh ialah kluster elektrik dan elektronik (E&E). Kluster E&E yang kini merupakan tulang belakang ekonomi rantau ini, akan ditransformasi dengan meningkatkan rantaian nilai melalui penggunaan teknologi dan pengetahuan dengan lebih intensif. Kelompok E&E akan bergerak secara mendatar dari komponen elektrik ke elektronik; dan secara menegak dari pemasangan, pembungkusan dan pengujian kepada pembangunan rekabentuk, R&D dan penubuhan pusat-pusat global dan serantau.

Iskandar Malaysia akan menggalakkan setiap kluster untuk melompat ke sektor pertumbuhan baru seperti teknologi nano, fotonik, elektronik kuasa, mikroelektronik dan bahan canggih. Ini adalah bidang pertumbuhan baru yang berpotensi yang dapat dipupuk dan dibangunkan dengan kerjasama pusat-pusat kecemerlangan di Iskandar Malaysia.

Pergerakan menegak dan mendatar dalam E&E memerlukan pelaburan baru dan pelaburan semula dalam teknologi canggih dan penyertaan aktif dari pemain kluster sedia ada dalam aktiviti R&D yang disokong oleh pembangunan taman teknologi

tinggi dengan ekosistem yang lengkap. Dengan ekosistem yang lebih baik untuk pertumbuhan kluster E&E, Iskandar Malaysia boleh menawarkan hub E&E alternatif berbanding Singapura, dengan mengambil kesempatan daripada kos operasi di Iskandar Malaysia yang agak rendah.

## MENINGKATKAN PEMOLEHCARAAN

### Akses dan Kesambungan: Darat, Udara dan Rel

Keperluan untuk memperbaiki perkara-perkara di atas adalah penting dalam memastikan Iskandar Malaysia dapat menghubungi bukan sahaja pelabur tempatan tetapi juga pelabur asing di seluruh dunia sambil memastikan pergerakan manusia, barangan dan perkhidmatan yang lancar yang diperlukan untuk memacu ekonomi. Inisiatif-inisiatif seperti Bus Rapid Transit, Perkhidmatan Rel Transit dan Rel Kelajuan Tinggi yang memerlukan pelaburan dan perancangan yang besar dapat meningkatkan kesalinghubungan di rantau ini dan harus dilaksanakan.

### ICT (Telekomunikasi), Tenaga dan Air

Memperluas jalur lebar dan bandwidth, meningkatkan kebolehpercayaan bekalan tenaga (elektrik) dan ketersediaan bekalan air akan menjadi asas untuk menarik lebih banyak pelaburan. Ini adalah infrastruktur jangka panjang yang diperlukan untuk menarik pelaburan bernilai tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Untuk Iskandar Malaysia menjadi metropolis yang kukuh, mapan dan berstatus antarabangsa, keperluan untuk bakat setempat menjadi lebih berdaya saing adalah penting.

### Modal insan


Ini boleh dilakukan melalui latihan dan peningkatan kemahiran yang tinggi untuk memenuhi keperluan industri. Walau bagaimanapun, halangan utama yang wujud dalam bakat setempat adalah ketidakupayaan untuk menarik dan mengekalkan pekerja berbakat terus bekerja di Iskandar Malaysia. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja berbakat di Iskandar Malaysia akan berpindah ke Singapura selepas mendapat pengalaman kerja disebabkan oleh kadar pertukaran yang menggalakkan.

IRDA bersama-sama dengan pihak berkepentingan utama (Kementerian/Agensi Persekutuan dan Negeri) perlu bekerjasama rapat untuk memastikan kewujudan pekerja berbakat untuk memenuhi permintaan industri.



### PENGUKUHAN EKOSISTEM PKS

Dalam tempoh 10 tahun akan datang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merangkumi 96% daripada jumlah perusahaan. PKS di Iskandar Malaysia dijangka dapat bersaing mahu pun pada peringkat dunia. Mengambil kira kepentingan ini, PKS di Iskandar Malaysia perlu diperkukuhkan untuk berkeupayaan bersaing di Malaysia dan di luar negara. PKS perlu mengambil manfaat proposisi nilai (value proposition) mereka sendiri dan mencari kedudukan niche untuk bersaing di pasaran yang lebih besar dan lebih kompetitif.



**Rajah 4.2** Anggaran Bilangan Pelancong Ke Iskandar Malaysia (Juta), 2011-2016

Sumber: Johor Tourism


### INISIATIF DI DALAM SEKTOR-SEKTOR TERPILIH

#### Sektor Pelancongan

Pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Iskandar Malaysia. Pelancongan, sebagai satu kluster, menggabungkan pelbagai sektor lain seperti pengedaran, penginapan, makanan dan restoran, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan. Pembangunan sektor pelancongan di Iskandar Malaysia adalah berpandukan kepada cadangan Tanjung Puteri Strategic Tourism Cluster Development Study (2009), Corridors & Cities Lab (PEMANDU 2011), Johor Tourism Master Plan (2014) and CDPii (2015). Iskandar Malaysia adalah menarik kepada pelancong tempatan dan luar negara disebabkan lokasinya yang strategik yang menjadi salah satu pintu masuk utama ke Malaysia. Sektor pelancongan menyumbang RM3.1 bilion kepada jumlah pelaburan terkumpul yang berjumlah RM190 bilion bagi tempoh 2006 hingga akhir 2015.

<sup>2</sup> Sumber: Johor Tourism

Pertumbuhan di dalam kedatangan pelancong ke Iskandar Malaysia berlaku semenjak tahun 2013 apabila produk pelancongan strategik seperti Johor Premium Outlets, LEGOLAND Malaysia Resort dan Puteri Harbour Family Theme Park mula beroperasi. Walau pun ketibaan pelancong ke Malaysia merosot ke 25.7 juta di tahun 2015 (2014: 27.4 juta) berikutan pasaran global yang lemah ketibaan pelancong pada tahun 2016 adalah lebih baik<sup>2</sup>.



**Rajah 4.3** Anggaran Bilangan Pelancong Ke Iskandar Malaysia Mengikut Negara ('000), 2016

Sumber: UPEN menggunakan data Jabatan Imigresen Johor

Usaha untuk menjadikan Iskandar Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang keberhasilan tinggi tertumpu kepada tema 'Family Fun'. Inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan oleh IRDA bermula 2016 ialah,

- Mewujudkan Johor Convention & Exhibition Bureau (JCEB) JCEB untuk menjadi wahana (vehicle) bagi mengumpulkan pihak-pihak terpilih di dalam industri pelancongan di Johor untuk mempromosi dan memasarkan Johor dan Iskandar Malaysia sebagai lokasi strategik untuk mesyuarat, konvensyen dan pameran ( MICE) dengan tujuan untuk menarik lebih banyak acara bertaraf dunia ke Johor dan Iskandar Malaysia.
- Mengukuhkan peranan strategik Iskandar Malaysia Tourism Steering Committee (IMTSC) sebagai Tourism Think Tank Pelancongan untuk Iskandar Malaysia dan memanfaatkan wahana ini untuk melaksanakan inisiatif Big Move 3 di bawah CDPii .
- Meningkatkan produk pelancongan yang sedia ada di samping membangunkan produk pelancongan baru.

- Memberi tumpuan kepada peningkatan dan penjenamaan semula produk pelancongan seperti Jejak Warisan Pusat Bandaraya JB (JB City Centre Heritage Trail) dan mewujudkan perkhidmatan bas 'Hop on Hop off' untuk pelancong melakukan jejak berkena. Ini akan menjadi sebahagian daripada Kluster Kebudayaan & Warisan JB.
- Memperbaharui tumpuan kepada ekopelancongan termasuk menawarkan pembaikan fasiliti di tiga tapak Ramsar; Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai. Kampung-kampung di sekitar Sungai Melayu dan kampung-kampung "Kawan Iskandar Malaysia" akan dipromosi melalui pakej-pakej baru yang menggabungkan taman tema, ekopelancongan dan Jejak Makanan & Budaya Johor.
- Membangunkan dan memasarkan Pelancongan Golf memandangkan Johor mempunyai lebih daripada 30 padang golf (14 darinya di kawasan Iskandar Malaysia). Persatuan Pelancongan Golf Johor dan Tourism Johor berpotensi memainkan peranan proaktif dengan menganjurkan 'Golf Fam Tours' untuk pengusaha pelancongan dari Indonesia, Thailand dan China.
- Membangunkan Pelancongan Sukan dengan bola sepak memainkan peranan yang dominan. Terdapat acara sukan lain seperti triathlon, marathon dan regata yang boleh dianjurkan di Johor untuk menarik ramai pengunjung dengan publisiti dan promosi awal untuk meningkatkan kehadiran.
- Membangunkan Iskandar Malaysia sebagai destinasi membeli-belah perdana dengan memanfaatkan kawasan membeli-belah sedia ada yang setaraf Orchard Road dan Bond Street London. Pembangunan ini boleh memanfaatkan kejayaan Johor Premium Outlets.
- Berkerjasama rapat dengan agensi-agensi pelancongan tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan utama untuk memastikan Johor mempunyai bilik-bilik hotel empat dan lima bintang yang mencukupi untuk memenuhi pasaran MICE dan lain-lain Event Perniagaan yang dijangka berkembang dalam tempoh lima tahun akan datang.

- Menyediakan akses serta sambungan (connectivity) udara ke dalam dan dari Lapangan Terbang Senai sebagai salah satu bidang utama yang terus diberi perhatian melalui kerjasama dengan rakan kongsi strategik. Rundingan sedang digerakkan dengan Malindo Air untuk mengadakan penerbangan terus ke Senai dari bandar-bandar di India seperti Chennai.

Di antara produk pelancongan baru yang sedang dibangunkan ialah

- Pelancongan Islam & Halal yang bertujuan membangunkan Iskandar Malaysia sebagai destinasi Pelancongan Islam & Halal terkemuka di Asia melalui kerjasama erat dengan Pusat Pelancongan Islam di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan pihak-pihak lain yang berpotensi menggalakkan Pelancongan Islam, termasuk sektor swasta.
- Destinasi Penggambaran Pelancongan (Filming Tourism) - untuk bersama-sama Tourism Johor mempromosikan Iskandar Malaysia sebagai destinasi utama penggambaran pelancongan di Asia.

Selain itu projek-projek masa hadapan merangkumi pembinaan dua hotel baru yang bakal menawarkan 800 bilik di Iskandar Puteri. Ini akan menambah bilangan hotel 4 - 5 bintang di Iskandar Malaysia. Ramada Residences telah menandatangani perjanjian untuk membuka di Meridin @ Medini (Iskandar Puteri) pada tahun 2017. Sementara itu Kumpulan Hilton juga akan menguruskan satu hotel yang dijangka siap pada 2018 di bawah satu jenama yang digelar Hilton Garden Inn yang merupakan hotel kelas atasan tetapi dengan kategori harga pertengahan. Selain dari hotel, dua pusat konvensyen baru dijangka siap pada 2018 dan 2019 masing-masing di Terminal Feri Puteri Harbour dan di Iskandar City Square di Iskandar Puteri.

### Sektor Penjagaan Kesihatan

Sektor penjagaan kesihatan menyumbang RM2.8 bilion kepada pelaburan kumulatif ke dalam Iskandar Malaysia bagi tempoh 2006 - 2015. Sektor ini juga merupakan sektor perkhidmatan ketiga terbesar selepas logistik dan pelancongan. Di Iskandar Malaysia penjagaan kesihatan disediakan terutamanya oleh hospital awam dan swasta dengan hospital awam menjadi penyedia perkhidmatan



penjagaan kesihatan utama. Kerajaan Negeri Johor telah mengarahkan supaya satu pelan induk penjagaan kesihatan digubal untuk merealisasikan potensi Negeri Johor sebagai satu hab perubatan dan penjagaan kesihatan di rantau ini. Iskandar Malaysia akan berperanan sebagai projek perintis dalam pelan induk ini kerana kebanyakan penyedia penjagaan kesihatan swasta beroperasi di Iskandar Malaysia.

**Hospital Swasta dan Suit Perubatan (Medical Suites)**

Hospital swasta dan rumah penjagaan kejururawatan swasta menawarkan 1,700 katil manakala hospital awam menyediakan 1,800 katil. Menara Landmark Medical Suites di Bandaraya Johor Bahru dibuka pada tahun 2013 dan menawarkan suite pakar dan menyediakan perkhidmatan pakar penjagaan kesihatan dan lain-lain perkhidmatan penjagaan kesihatan. Lain-lain suite perubatan di Johor Bahru ialah Wisma Maria Medical Suites and Taman Pelangi Medical Suites. DB Medical Suites kini sedang dibangunkan di Iskandar Puteri. Beberapa suite perubatan dalam perancangan merangkumi satu projek di Coronation Square.

Disebabkan lokasi Iskandar Malaysia yang strategik, terdapat minat yang meluas untuk melabur dalam sektor penjagaan kesihatan swasta. Pada masa yang sama, dengan peningkatan penduduk dan permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan awam, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan sebuah hospital awam yang baru di Pasir Gudang dalam Bajet 2016. Projek-projek penjagaan kesihatan baru ini akan menambah 1,150 katil untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan rakyat

Hospital Universiti KPJ-UTM dirancang untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Perubatan Sukan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk Peralatan Perubatan. KPJ Dato' Onn Specialist Hospital akan menempatkan enam pusat kecemerlangan (COE) dalam bidang onkologi, wanita dan kanak-kanak, kosmetik dan pembinaan semula, ortopedik, kardiologi dan geriatrik. Hospital ini juga akan menjadi hospital pengajar untuk melatih pakar dalam COE tersebut.



**Rajah 4.4** Statistik Pelancongan Kesihatan Malaysia  
 Sumber: Medical Healthcare Travel Council (MHTC). Data tahun 2016 adalah anggaran UPEN Johor

## Pembangunan “Destinasi Kreatif Baru Asia”

Innovasi yang menimbulkan gangguan membentuk semula ufuk industri dan mencabar model perniagaan konvensional dan amalan di kalangan industri dan sektor di seluruh dunia. Teknologi Internet, kuasa-kuasa sosial yang didorong oleh media sosial, anjakan globalisasi dalam pasaran dan keupayaan inovasi, antara lain, mewujudkan tsunami yang mengubah cara hidup dan bekerja.

Industri Kreatif iaitu filem, televisyen, permainan (games) dan “gamification”, animasi, pengiklanan dan penerbitan telah mengalami satu tahap yang besar perubahan yang menimbulkan gangguan. “Gamification” itu sendiri adalah satu teknologi yang menimbulkan gangguan. Revolusi teknologi digital dan kebangkitan masyarakat celik internet menuntut pilihan yang lebih besar daripada kandungan (content) dan akses kepada harga yang lebih murah, telah “menggangu” teknologi dan rantai nilai industri kreatif secara menyeluruh; mencabar cara kandungan dicipta, diagregatkan, diedar, dipasarkan dan menjana pendapatan.

Pelaksanaan sistematik bagi inisiatif dan program yang digariskan dalam CDP dan CDPii menetapkan asas bagi Iskandar Malaysia untuk menjadi “Destinasi Kreatif Baru Di Asia”. Kepentingan membina asas (ekosistem) yang kukuh untuk industri kreatif dalam Iskandar Malaysia tidak boleh dibiarkan terjejas kerana ekosistem ini yang akan membolehkan penggunaan teknologi yang menimbulkan gangguan (*disruptive technology*).

### Tapak Asas dan Pendorong Untuk Ekosistem Filem/TV: PIMS and FJ

Dalam usaha untuk memastikan kemampuan ekosistem filem/kreatif, keupayaan untuk terus memperoleh produksi antarabangsa adalah amat penting. Disebabkan manfaat yang terhasil daripada industri ini (KDNK, peluang pekerjaan, kesan pengganda) dan kewujudan banyak hab kreatif di seluruh dunia, tarikan produksi antarabangsa adalah perniagaan yang sangat kompetitif. Di Iskandar Malaysia, Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS), telah membolehkan RM462 juta dibelanjakan dalam negara dan mewujudkan 3,625 pekerjaan (termasuk 1,615 pekerja tempatan) di antara 2014 dan 2015. Penyokong bagi PIMS dan ekosistem filem ialah Film Johor (FJ), iaitu komisyen filem Negeri Johor, yang berperanan menjadi fasilitator produksi Marco

Polo Season 2 yang bernilai RM195 juta pada tahun 2015. Walau bagaimanapun FJ telah tidak dapat beroperasi sebagai sebuah komisyen filem (film commission) sepenuhnya disebabkan kekurangan pebelanjaan operasi.

### Tapak Asas Untuk Ekosistem Games/ Gamification: MaGIC-X

MaGIC-X (Media and Games Innovation Centre of Excellence), tapak asas untuk ekosistem permainan (games)/gamification menjadi nucleus kepada Lembah Inovasi Iskandar Malaysia (IM Innovation Valley), melengkap Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS) dan adalah pemupuk pertumbuhan Industri Kreatif di Iskandar Malaysia.

MAGIC-X ditubuhkan untuk memberi sokongan yang diperlukan dari segi kepakaran teknikal, penyelidikan, pembangunan perniagaan, penerbitan, pemasaran dan latihan bagi peserta industri/pemaju (developers) bagi menghasilkan produk yang berdaya maju secara komersial. MaGIC-X akan mewujudkan persekitaran yang akan menyumbang ke arah pembangunan bakat, promosi industri, perkongsian pengetahuan dan kerjasama antarabangsa. Rajah berikut menggambarkan rangkakerja MaGIC -X.

MaGIC -X memberi tumpuan kepada bidang-bidang Media Islam, Perubatan, Pendidikan, Minyak dan Gas, Kebudayaan dan Warisan serta Teknologi Interaktif. Walaupun baharu, MaGIC -X telah memperolehi 11 penyelidikan dan 7 projek-projek komersial bernilai RM1.38 juta pada 2015.

### Penguhan Seni Budaya dan Warisan

Banyak negara maju dan membangun memperoleh banyak manfaat daripada pelancongan yang mana Seni Budaya dan Warisan nilai adalah pusat tarikan. Dan semua ini adalah input kepada industri kreatif masing-masing. Sebagai contoh, drama/filem Korea tidak pernah gagal untuk mempamerkan nilai-nilai seni budaya dan warisan Korea. Misalnya, Kimchi telah menjadi masakan yang dikenali di seluruh dunia sekarang.


Iskandar Malaysia/Johor mewarisi seni budaya dan warisan nilai-nilai yang kaya. Jika tidak dipulihkan, diarkibkan dan/atau diterbitkan/dipamerkan, warisan sejarah ini akan hilang. Dengan adanya teknologi, ini boleh dipulihkan dan juga dipamerkan dalam satu platform baru iaitu Augmented/Virtual Reality, 3D Hologram dan lain-lain.



Selaras dengan CDPIi, IM/Johor memerlukan satu pusat rujukan kecemerlangan (COE) seni budaya dan warisan. Pusat ini akan menyatukan, memulihkan, mengarkib dan menerbitkan semua sejarah/artifakn sehingga kini; yang berpotensi untuk mempunyai cabang penyelidikan. Ini kemudiannya akan menjadi input untuk industry kreatif iaitu filem/TV, permainan, animasi, rekabentuk fesyen, muzik dan seumpamanya. COE ini perlu mempunyai ruang yang dikhususkan untuk peminat seni kreatif dan warisan serta PKS (perniagaan kecil dan sederhana) serta merangkumi studio bekerja dan galeri terbuka. Perlu juga diwujudkan juga kawasan-kawasan tertentu untuk sesi perkongsian pengetahuan, rangkaian (networking) atau sesi pertemuan pembeli dan persembahan secara langsung atau tayangan. PKS juga akan mendidik pelancong/masyarakat/artis muda mengenai kesenian dan warisan kreatif. Ini akan menyumbang semula kepada masyarakat.

## EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2016

Pertumbuhan ekonomi wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2016 adalah sederhana. Tiada sektor ekonomi yang mencatatkan kemerosotan di dalam nilai ditambah. Dua sektor pengeluaran ekonomi wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi kadar pertumbuhan KDNK Wilayah (7.3%), iaitu sektor Pembinaan (24.0%) serta sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (9.8%). Dua sektor ini menyumbang 21.4% kepada KDNK Wilayah. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 2.6% (2015: 2.5%) dan sektor Pembuatan yang tumbuh 5.6% (2015: 3.4%).



**Rajah 4.5** Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2015 dan 2016

### Pertumbuhan KDNK Wilayah Iskandar Malaysia Pada Tahun 2016

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2010 untuk keseluruhan tahun 2016 dianggarkan mencatat pertumbuhan 7.3%. Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2016 telah meningkat ke RM70,215 juta dalam harga malar 2010 (2015: RM65,423 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM34,838 juta pada harga malar 2010 (2015: RM33,629), iaitu meningkat 3.6%. Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti

kuasa beli dianggarkan meningkat 4.8% ke USD27,112 (2015: USD25,865). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM77,909 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2016 (2015: RM71,230). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM37,643 pada harga semasa bagi tahun 2016 (2015: RM35,601). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD26,402 (2015: USD25,149).



**Jadual 4.4** Indikator Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2016

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2015	2016	
Penduduk ('000)	1,945	2,015	3.6%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	65,423	70,215	7.3%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	33,629	34,838	3.6%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	71,230	77,909	9.4%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	36,614	38,656	5.6%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	25,865	27,112	4.8%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**Jadual 4.5** Anggaran KDNK Bagi Kawasan Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2015 dan 2016 Pada Harga Malar Tahun 2010

SEKTOR	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan	
	2015	2016	2015	2016
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>29,013</b>	<b>31,429</b>	<b>6.4%</b>	<b>8.3%</b>
Pembuatan	24,713	26,097	3.4%	5.6%
Pembinaan	4,301	5,332	28.3%	24.0%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>35,451</b>	<b>37,674</b>	<b>6.1%</b>	<b>6.3%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	8,797	9,656	7.0%	9.8%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	9,350	9,933	6.9%	6.2%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,086	9,322	2.5%	2.6%
Perkhidmatan Kerajaan	3,207	3,433	18.0%	7.0%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	5,010	5,330	3.1%	6.4%
campur Duti import	959	1,112	19.1%	16.0%
KDNK pada Harga Pembeli (2005=100)	<b>65,423</b>	<b>70,215</b>	<b>6.4%</b>	<b>7.3%</b>
Jumlah Penduduk ('000)	1,945	2,015	3.8%	3.6%
KDNK Per Kapita (RM)	<b>33,629</b>	<b>34,838</b>	<b>2.5%</b>	<b>3.6%</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Nilai Bagi Tahun 2016 adalah anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

## PERTUMBUHAN NILAI DITAMBAH SEKTOR DAN SUMBANGAN KEPADA KDNK ISKANDAR MALAYSIA

Pada tahun 2016 lima sektor pengeluaran ekonomi kawasan Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi 6.0%, iaitu sektor Pembinaan (24.0%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (9.8%), sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran (6.2%), sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain (7.0%) serta sektor Perkhidmatan Kerajaan (6.4%). Lima sektor ini menyumbang 48.7% kepada KDNK Iskandar Malaysia.

Sektor pembuatan, yang dianggarkan menyumbang 37.8% kepada KDNK Wilayah tumbuh dengan kadar 5.6% bagi tahun 2016 (2015: 3.4%). Sektor-sektor lain yang menyumbang kepada pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh positif 2.6% (2015: 2.5%).



**Jadual 4.6** Pertumbuhan (%) dan Sumbangan (%) Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Iskandar Malaysia, 2015 dan 2016

Sektor	Pertumbuhan		Sumbangan	
	2015	2016	2015	2016
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	6.4%	8.3%	<b>45.0%</b>	<b>45.5%</b>
Pembuatan	3.4%	5.6%	38.3%	37.8%
Pembinaan	28.3%	24.0%	6.7%	7.7%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	6.1%	6.3%	<b>55.0%</b>	<b>54.5%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	7.0%	9.8%	13.6%	14.0%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	6.9%	6.2%	14.5%	14.4%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	2.5%	2.6%	14.1%	13.5%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	18.0%	7.0%	5.0%	5.0%
Perkhidmatan Kerajaan	3.1%	6.4%	7.8%	7.7%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

### Sektor Perindustrian

Secara keseluruhan nilai ditambah Sektor Perindustrian dianggarkan menyumbang sebanyak 45.5% kepada KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2016 (2015: 45.0%). Sektor ini dianggarkan mengalami peningkatan nilai ditambah sebanyak 8.3% (2015: 6.4%) yang telah terhasil oleh pertumbuhan sederhana dalam nilai ditambah sektor pembuatan (5.6%) dan yang dibantu oleh pertumbuhan 24.0% di dalam nilai ditambah sektor pembinaan. Nilai ditambah Sektor Pembuatan dianggarkan tumbuh positif bagi tahun 2016 hasil daripada keaktifan permintaan luar terhadap pengeluaran industri pembuatan secara keseluruhan serta peningkatan pengeluaran di dalam barangan pengguna domestik. Sektor ini menyumbang 37.8% dari segi nilai ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia di tahun 2016 (2015: 38.3%).

Sektor pembinaan dianggarkan mengalami pertumbuhan positif 24.0% dalam nilai ditambah bagi tahun 2016 (2015: 28.3%). Keaktifan sektor ini disumbangkan oleh pembinaan infrastruktur, rumah kediaman, bangunan perdagangan dan kompleks serta kerja-kerja yang merupakan bahagian penting proses pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Pada tahun 2016 nilai ditambah sektor ini dianggarkan menyumbang 7.7% kepada KDNK wilayah Iskandar Malaysia (2015: 6.7%).

### Sektor Perkhidmatan

Secara keseluruhannya sektor perkhidmatan dianggarkan menyumbang 54.5% kepada KDNK Iskandar Malaysia pada tahun 2016 (2015: 55.0%).

Sektor ini dianggarkan telah mengalami pertumbuhan sebanyak 6.3% bagi tahun 2016 (2015: 6.1%). Pada tahun 2016, semua sektor kecil perkhidmatan mengalami pertumbuhan nilai ditambah melebihi 5.0% berbanding tahun 2015 kecuali sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan (2.5%).

Di kalangan sektor-sektor kecil perkhidmatan, sektor kecil Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran adalah terbesar dari segi sumbangan nilai ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia (14.4%). Sektor kecil ini dianggarkan mengalami pertumbuhan yang mantap, iaitu 6.2% bagi tahun 2016 (2015: 6.9%). Prospek sektor kecil perdagangan borong dan runcit kekal positif dengan pembukaan kompleks perniagaan runcit baru serta keaktifan operasi pasar raya besar dan superstore utama. Sektor kecil Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi, yang mengalami pertumbuhan 9.8% bagi tahun 2016 (2015: 7.0%), dianggarkan menyumbang 14.0% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2015: 13.6%). Nilai ditambah aktiviti pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dianggarkan mengalami pertumbuhan 7.6% di tahun 2016 hasil daripada perkembangan dalam industri telekomunikasi.

Sektor Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK wilayah (13.5%) di kalangan sektor-sektor kecil perkhidmatan, dengan pertumbuhan 2.6% bagi tahun 2016 (2015: 2.5%). Sektor ini tumbuh positif di tahun 2016 hasil sokongan aktiviti pembiayaan kredit pengguna dan pelaburan perniagaan.

Sektor kecil Perkhidmatan Kerajaan dan sektor kecil Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain masing-masing dianggarkan tumbuh pada kadar 6.4% dan 7.0% pada tahun 2016 (2015: 3.1%, 18.0%) dengan masing-masing menyumbang 7.7% dan 5.0% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2015: 7.8%, 5.0%). Sumber utama pertumbuhan di sektor Perkhidmatan Kerajaan ialah peningkatan di dalam perbelanjaan emolumen. Pertumbuhan dalam sektor kecil Perkhidmatan-perkhidmatan Lain sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap aktiviti pusat-pusat kesihatan swasta, perkhidmatan pendidikan swasta serta pelancongan kesihatan.

### Prospek Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia Bagi 10 Tahun Ke Hadapan

Walaupun Iskandar Malaysia telah hampir mencapai pertumbuhannya yang telah disasarkan bagi tempoh tahun-tahun 2013 hingga 2015, satu perjalanan yang lebih mencabar ialah untuk memenuhi sasaran pertumbuhan 7.5% bagi tempoh 2016 - 2020 dan 7.7% bagi tempoh 2021 - 2025. Ini adalah disebabkan pertumbuhan ekonomi dunia yang tidak sekata dan pertumbuhan ekonomi Asia yang perlahan. Dana Monetari Antarabangsa (IMF) telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Asia untuk 3 tahun akan datang (2016 - 2018) pada kadar purata 6.3% dengan mengambilkira pertumbuhan ekonomi India dan China. Pertumbuhan purata ekonomi ASEAN pula telah diunjurkan tidak akan melebihi 5.3%.

**Jadual 4.7** Unjuran Pertumbuhan KDNK Global, 2016-2018

EKONOMI	Pertumbuhan KDNK		
	2016	2017	2018
Amerika Syarikat	1.9	2.3	2.5
United Kingdom	2.1	1.0	1.8
Negara-Negara Asia Pesat Membangun	6.1	6.6	6.3
China	6.6	6.5	6.0
India	6.2	7.9	7.6
ASEAN	4.3	5.3	5.3

Sumber: IMF World Economic Outlook Update (January 2017)

Walaupun semua perancang mengenali batasan untuk menguruskan kesan persekitaran luaran kepada sesuatu ekonomi, kajian semula boleh dibuat dengan melihat semula persekitaran dalaman (Iskandar Malaysia, Johor dan Malaysia) dan sumber yang sedia ada (IRDA dan agensi-agensi yang kerjasama) untuk terus memperbaiki cadangan nilai (value propositions) untuk memastikan bahawa Iskandar Malaysia mempunyai bahan-bahan 'utama' untuk menarik pelaburan dan mengurus pertumbuhan ekonomi.

Satu aspek penting yang telah dikenal pasti dalam CDPIi ialah pengukuhan perkhidmatan pemudahan (facilitation services), memperincikan kluster-kluster ekonomi dan berusaha memperbaiki sistem pemudahcara (enablers) dan eko-sistem Iskandar Malaysia.

## PASARAN PEKERJA DAN GUNATENAGA WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA PADA TAHUN 2016

### Taburan Penduduk

Penduduk Johor berjumlah 3.655 juta pada tahun 2016 meningkat dari 3.553 juta di tahun 2015. Kawasan Iskandar Malaysia mempunyai penduduk yang di anggarkan berjumlah 2.019 juta pada tahun 2016, meningkat 3.8% daripada 1.9455 juta pada tahun 2015. Jumlah ini merangkumi lebih dari 54.0% daripada jumlah penduduk Negeri Johor dan telah terhasil daripada penghijrahan masuk penduduk dari daerah-daerah lain di Negeri Johor ke kawasan Iskandar Malaysia, terutama yang berasal daripada daerah yang bersebelahan. Tumpuan penghijrahan penduduk ke kawasan ini adalah disebabkan oleh, pertamanya, disebabkan oleh Johor Bahru yang wujud sebagai pusat pentadbiran kerajaan yang terbesar di selatan Semenanjung Malaysia yang juga menjadi lokasi tumpuan kepada 42,395 pertubuhan yang terdiri daripada 35,356 pertubuhan sektor perkhidmatan, 2,944 pertubuhan sektor pembinaan dan 3,489 pertubuhan sektor pembuatan. Berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Daerah Johor Bahru menduduki tempat ketiga selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Daerah Petaling di Selangor dari segi bilangan pertubuhan yang wujud. Ini menjadikan Daerah Johor Bahru dan sekitarnya tumpuan untuk mencari pekerjaan. Kedua, ramai pekerja Singapura menetap di Wilayah Iskandar Malaysia. Dua sebab ini, di antara



lain, menjadikan jumlah penduduk Wilayah Iskandar Malaysia menghampiri separuh daripada penduduk negeri Negeri Johor. Perbandingan di antara jumlah

penduduk Negeri Johor dan Penduduk Wilayah Iskandar Malaysia dari tahun 2011 hingga 2016 dipamerkan sebagai Jadual 4.8.

**Jadual 4.8** Trend Pertumbuhan Penduduk Negeri Johor dan Iskandar Malaysia ('000).

Kawasan	2011	2012	2013	2014	2015	2016
NEGERI JOHOR	3,401.8	3,439.6	3,477.2	3,515.3	3,553.6	3,655.1
ISKANDAR MALAYSIA	1,675.9	1,739.5	1,805.6	1,874.2	1,945.5	2,019.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penelitian yang lebih terperinci ke atas taburan penduduk di lima kawasan flagship Wilayah Iskandar Malaysia, menunjukkan bahawa 31.4% daripada jumlah penduduk tinggal di flagship D, manakala 27.2% penduduk tinggal di flagship A. Kawasan flagship C (yang dikenali sebagai Western Gate Development) mempunyai jumlah penduduk yang

paling sedikit, iaitu seramai 55.4 ribu orang, iaitu merangkumi 2.8% sahaja. Sementara itu flagship E menampung 15.2% daripada penduduk Iskandar Malaysia. Secara keseluruhannya taburan penduduk di flagship dipengaruhi oleh jenis aktiviti ekonomi yang wujud di kawasan berkenaan serta status perbandaran masing-masing.

**Jadual 4.9** Trend Pertumbuhan Penduduk Iskandar Malaysia Mengikut Kawasan (Flagships) ('000)

Flagship	2011	2012	2013	2014	2015	2016
A	457.2	474.5	492.6	511.3	530.7	550.9
B	389.6	404.4	419.7	435.7	452.2	469.4
C	47.7	49.5	51.4	53.3	55.4	57.5
D	526.8	546.8	567.6	589.2	611.6	634.8
E	254.6	264.3	274.3	284.8	295.6	306.8
JUMLAH	1675.9	1739.5	1805.6	1874.2	1945.5	2019.4

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

## Tenaga Buruh

Kawasan Wilayah Iskandar Malaysia adalah secara keseluruhannya "kawasan bandar". Aktiviti ekonomi di Iskandar Malaysia di dokong oleh dua sektor utama iaitu Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan. Keupayaan kedua-dua sektor bergantung di atas tahap kemahiran dan keupayaan penduduk/tenaga kerja serta bilangan penduduk yang tinggal di Iskandar Malaysia dan kawasan-kawasan sekelilingnya. Jumlah tenaga buruh di kawasan Iskandar Malaysia pada tahun 2016 adalah dianggarkan sekitar 980 ribu orang, lebih tinggi daripada jumlah di tahun 2015 (944.1 ribu), peningkatan sebanyak 3.8% (2015: 3.2%). Peningkatan tenaga buruh ini adalah di sebabkan oleh Penawaran Tenaga Buruh yang tinggi di kalangan semua kumpulan umur dan juga Peningkatan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB), terutama di kalangan kumpulan umur 15-19, 20-24, 25-29, 30-34, 35-39 dan 40-44 tahun. Secara

keseluruhannya Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) bagi kawasan ini pada tahun 2016 ialah 66.8% (2015: 67.1%, 2014: 68.3%). Ianya adalah lebih rendah dari tahap nasional (67.7%) tetapi lebih tinggi daripada tahap KPTB Negeri Johor (66.6%).

Penelitian taburan tenaga kerja mengikut kumpulan umur bagi tahun-tahun 2014 hingga 2016 menunjukkan bahawa kumpulan Umur 25 hingga 29 tahun merupakan kumpulan yang menyediakan jumlah tenaga buruh yang tertinggi di Wilayah Iskandar Malaysia. Ini diikuti oleh kumpulan umur 20 hingga 24 tahun dan seterusnya dari kalangan mereka yang berumur 30 hingga 34 tahun dan kumpulan umur 35 hingga 39 tahun (Rujuk Jadual 4.10). Taburan tenaga buruh ini tidak banyak berbeza dengan taburan di peringkat negeri dan nasional.

**Jadual 4.10** Anggaran Tenaga Kerja Di Kawasan Iskandar Malaysia Mengikut Kumpulan Umur ('000)

Kumpulan Umur	Tahun		
	2014	2015	2016
15 -	26.9	23.6	26.4
20 -	144.4	148.0	158.1
25 -	185.7	191.9	198.8
30 -	140.4	145.0	146.4
35 -	120.0	123.4	128.4
40 -	100.9	105.6	111.0
45 -	80.7	87.1	88.2
50 -	62.4	63.3	65.0
55 -	36.6	39.8	42.2
60 -	16.4	16.4	16.0
<b>JUMLAH</b>	<b>914.5</b>	<b>944.1</b>	<b>980.5</b>

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

### Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan

Kemantapan kualiti tenaga kerja di Wilayah Iskandar Malaysia berbanding kawasan lain dapat di ukur melalui jenis pekerjaan yang diceburi oleh penduduk. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2016<sup>3</sup>

menunjukkan bahawa 22.9% daripada tenaga kerja di Iskandar Malaysia menceburi bidang Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual (2014: 24.3%). Ini merupakan satu fenomena yang lazim kerana kebiasaannya sektor kecil ini merupakan tempat tumpuan kepada pencari-pencari kerja yang baru, bertepatan dengan pembangunan pesat pusat perkhidmatan perniagaan (mall, hypermarket dan sebagainya). Walau bagaimanapun, pada tahun 2016, bilangan pekerja yang bekerja di sektor kecil ini telah merosot dengan jumlah yang agak besar. Penyusutan tenaga kerja di sektor kecil ini adalah disebabkan oleh kekurangan penawaran kerja di sektor ini akibat daripada kemerosotan tahap keyakinan yang rendah untuk mengembangkan perniagaan di kalangan pengusaha di sektor ini (dari segi jualan, hasil dan sebagainya).

Pada tahun 2016 sejumlah 17.3% pekerja tertumpu di sektor Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan manakala 13.9% terlibat dalam bidang Pekerja Pertukangan dan Berkaitan manakala 15.4% bekerja di bidang Juruteknik dan Professional Bersekutu. Peratus-peratus yang berkaitan bagi tahun 2015 ialah, masing-masing, 16.2%, 14.6% dan 11.5% (Sila rujuk Jadual 4.12).

**Jadual 4.11** Bilangan dan Peratus Tenaga Kerja di Iskandar Malaysia, 2015-2016

Jenis Pekerjaan	2015		2016	
	Bilangan ('000)	Peratus	Bilangan ('000)	Peratus
1 Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus	38.8	4.2%	41.2	4.2%
2 Professional	77.8	8.5%	86.3	9.1%
3 Juruteknik dan Professional Bersekutu	105.1	11.5%	111.5	11.8%
4 Pekerja Perkeranian	87.1	9.5%	88.8	9.3%
5 Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual	221.9	24.3%	216.6	22.3%
6 Pekerja Mahir Pertanian	14.5	1.6%	15.6	1.6%
7 Pekerja Pertukangan dan Berkaitan	134.0	14.6%	132.1	14.0%
8 Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan	148.2	16.2%	164.2	17.3%
9 Pekerjaan Asas.	87.4	9.6%	90.8	9.6%
<b>JUMLAH</b>	<b>914.8</b>		<b>947.0</b>	

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>3</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia



**Jadual 4.12** Anggaran Sumbangan Tenaga Kerja Kawasan Iskandar Malaysia kepada Gunatenaga Negeri Johor 2016

Sektor Pekerjaan	Bilangan Tenaga Buruh ('000)		Peratus Sumbangan IM Kepada Bilangan Tenaga Buruh Negeri Johor (%)	Sumbangan Sektor Kepada Tenaga Buruh IM (%)
	Negeri Johor	Iskandar Malaysia (IM)		
1 Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus	61.6	41.2	66.9%	4.4%
2 Professional	134.1	86.3	64.4%	9.1%
3 Juruteknik dan Professional Bersekutu	174.4	145.5	83.4%	15.4%
4 Pekerja Perkeranian	137.4	115.9	84.4%	12.2%
5 Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual	357.1	216.6	60.7%	22.9%
6 Pekerja Mahir Pertanian	50.6	20.4	40.3%	2.2%
7 Pekerja Pertukangan dan Berkaitan	213.8	132.1	61.8%	13.9%
8 Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan	273.6	164.2	60.0%	17.3%
9 Pekerjaan Asas.	178.1	90.8	51.0%	9.6%
<b>JUMLAH</b>	<b>1,582.6</b>	<b>947.0</b>	<b>60.0%</b>	<b>100.0%</b>

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

Adalah didapati bahawa bilangan pekerja di dalam bidang-bidang seperti Penggubal Undang-Undang dan Pengurusan dan Professional, yang kebanyakannya memerlukan kelulusan peringkat tinggi, meningkat dari 12.7% pada tahun 2015 kepada 13.3% pada tahun 2016. Keadaan ini adalah selaras dengan status Wilayah Iskandar Malaysia yang menempatkan pusat pentadbiran negeri, pusat perkhidmatan professional, pusat perniagaan dan pembuatan. Pecahan dan taburan jenis pekerjaan sedikit sebanyak akan mempengaruhi tahap pendapatan purata dan median di kalangan penduduk di kawasan ini dan seterusnya mempengaruhi kuasa beli mereka.

Sumbangan tenaga kerja kawasan Iskandar Malaysia kepada tenaga kerja keseluruhan Negeri Johor adalah tinggi di dalam hampir semua kategori pekerjaan kecuali bagi kategori Pekerja Mahir Pertanian (40.3%). Secara keseluruhan 60.0% tenaga kerja Negeri Johor bekerja di Wilayah Iskandar Malaysia. Keadaan ini adalah selari dengan sifat Iskandar Malaysia yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran, pendidikan, perindustrian dan komersil terpenting di selatan Semenanjung Malaysia.

### Taburan Tenaga Kerja Mengikut Industri

Bilangan tenaga kerja yang ada di kawasan ini meningkat kepada 947 ribu pada tahun 2016 daripada 914.8 ribu pada tahun 2015, yang merupakan peningkatan sebanyak 3.5% berbanding dengan penurunan sebanyak 0.1% bagi tenaga kerja Negeri Johor.

Pada tahun 2016 Sektor Pembuatan terus memainkan peranan penting di dalam menyediakan peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia. Adalah dianggarkan bahawa 27.8% daripada keseluruhan pekerja di kawasan Iskandar Malaysia bekerja di sektor ini pada tahun 2016 (2015: 26.9%). Keadaan ini adalah selari dengan kewujudan kawasan-kawasan perindustrian utama di Iskandar Malaysia yang merangkumi Flagship B (Nusajaya), Flagship C (Western Gate), Flagship D (Eastern Gate) dan Flagship E (Skudai/Senai) serta nilai pelaburan yang tinggi di dalam Sektor Pembuatan di Wilayah Iskandar Malaysia.

Sektor Perniagaan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran adalah sektor yang kedua terpenting di dalam menyediakan pekerjaan di Iskandar Malaysia pada tahun 2013 hingga tahun 2016. Pada tahun 2016 sektor ini menyediakan 26.4% pekerjaan di Wilayah Iskandar Malaysia, meningkat 0.3 mata peratus berbanding tahun 2015 (2015: 26.1%). Keadaan ini berkait rapat dengan kewujudan Central Business


District (CBD) di Bandaraya Johor Bahru yang disokong oleh keaktifan sektor peruncitan di kawasan-kawasan Flagship B (Nusajaya) dan Flagship E (Skudai/Senai). Sektor kecil ini sentiasa bertindak sebagai sektor penyelamat untuk mencari pekerjaan atau berniaga di kalangan mereka yang bersara atau mereka yang kehilangan pekerjaan atau yang baru di dalam alam

pekerjaan. Sektor peruncitan menampung peluang pekerjaan jika peluang pekerjaan berkurangan manakala sektor kecil perniagaan borong, hotel dan restoren menyediakan peluang pekerjaan yang mula wujud apabila tahap keyakinan pengusaha mengenai persekitaran perniagaan mula meningkat.

**Jadual 4.13** Anggaran Tenaga Buruh Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi di Kawasan Iskandar Malaysia 2015 dan 2016

Jenis Pekerjaan	2015		2016	
	Bilangan ('000)	Peratus	Bilangan ('000)	Peratus
1 Pertanian, Pemburuan, dan perikanan	26.4	2.9%	29.6	3.1%
2 Perlombongan dan Kuari	2.9	0.3%	4.5	0.5%
3 Pembuatan	245.8	26.9%	263.1	27.8%
4 Bekalan Elektrik , Gas dan Air	10.7	1.2%	10.9	1.1%
5 Pembinaan	91.5	10.0%	78.1	8.2%
6 Perdagangan Borong dan Runcit dan Hotel dan Restoren	238.4	26.1%	249.6	26.4%
7 Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	56.5	6.2%	58.0	6.1%
8 Pengantaran Kewangan,Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	50.5	5.5%	44.1	4.7%
9 Perkhidmatan Kerajaan	160.4	17.5%	179.6	19.0%
10 Perkhidmatan Lain	31.2	3.5%	29.4	3.1%
<b>JUMLAH</b>	<b>916.7</b>	<b>100%</b>	<b>947</b>	<b>100%</b>

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 4.4** Statistik Pelancongan Kesihatan Malaysia

Tahun	Sasaran Pelaburan	Tahun	Sasaran Pelaburan
2006-2011	RM47.0 bilion	2016-2020	RM107.0 bilion
2012-2015	RM73.0 bilion	2021-2025	RM155.0 bilion

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)



Sektor Perkhidmatan Kerajaan dan Perkhidmatan Lain juga memainkan peranan yang penting di dalam menyediakan peluang pekerjaan di kawasan Iskandar Malaysia. Selain daripada Flagship A dan Flagship B di mana terletak pusat pentadbiran utama Negeri dan Persekutuan, kewujudan beberapa insititusi pendidikan dan penyelidikan di kawasan Flagship B dan Flagship E turut menyumbang kepada pengwujudan peluang pekerjaan. Justeru, pada tahun 2016, sumbangan sektor kecil ini meningkat sedikit dari 21.0% kepada 22.1%. Sebaliknya, penurunan yang ketara berlaku di dalam sumbangan sektor Perkhidmatan Lain yang merosot daripada 3.4% di tahun 2015 kepada 3.1% di tahun 2016. Ini mungkin telah disebabkan oleh kemerosotan di dalam pengambilan pekerja baharu.


Berbanding dengan tenaga buruh dan tenaga kerja keseluruhan Negeri Johor, Kawasan Iskandar Malaysia mempunyai kadar pengangguran yang rendah iaitu 3.4% pada tahun 2016 (2015: 2.9%). Kadar pengangguran Negeri Johor pada tahun 2016 ialah 3.6% (2015:3.1%).

## PELABURAN KE DALAM ISKANDAR MALAYSIA

Iskandar Malaysia mempunyai sembilan kluster ekonomi yang memberi tumpuan kepada peluang pelaburan. Ini merangkumi Perkhidmatan Kewangan & Perniagaan, Industri-industri Kreatif, Logistik, Pelancongan, Pendidikan, Perkhidmatan Kesihatan, Elektrik & Elektronik, Petrokimia & Oleokimia, dan Pemprosesan Makanan & Pertanian.

Tujuh pemacu ekonomi utama yang menarik dan mengekalkan pelaburan bernilai tinggi di Iskandar Malaysia merangkumi pemastian bekalan tenaga kerja yang mencukupi, penambahbaikan keupayaan modal insan sedia ada, pengembangan skala dan kualiti aktiviti-aktiviti bernilai tinggi, penambahbaikan kemudahan-kemudahan utiliti, penambahbaikan capaian di dalam dan ke Iskandar Malaysia, pembinaan reputasi Iskandar Malaysia, dan peningkatan keberkesanan operasi di Iskandar Malaysia. Pemacu-pemacu ini melengkapinya dengan rangka tindakan dan inisiatif-inisiatif dari IRDA supaya menjadi pakej yang lengkap dan komprehensif bagi menarik dan mengekalkan pelaburan.

Iskandar Malaysia telah memperolehi jumlah pelaburan komited terkumpul RM222 bilion dari 2006 hingga akhir 2016, dengan sektor-sektor pembuatan (57.38 bil) dan hartanah (RM122.00 bil) menjadi penyumbang utama. Sehingga akhir 2016 jumlah yang telah terlaksana dari jumlah ini ialah RM120 bilion (54%). Pada tahun 2016 Iskandar Malaysia meraih RM32.2 bilion pelaburan yang dikomitkan. Ini telah meningkatkan jumlah pelaburan terkumpul kepada RM222 bilion (2006 - 2016). Untuk Iskandar Malaysia mencapai visinya menjadi metropolis yang kukuh dan mampan di peringkat antarabangsa pada tahun 2025, wilayah ini harus mencapai pelaburan komited terkumpul yang disasarkan sebanyak RM383 bilion pada tahun 2025. Ini memerlukan pertumbuhan pelaburan tahunan pada kadar purata di antara 6.0% hingga 7.0% setahun untuk sepuluh tahun akan datang. Pecahan sumbangan pelaburan komited terkumpul mengikut sektor dari tahun 2006 hingga Disember 2016 dipamerkan sebagai Rajah 4.11.




**Rajah 4.7** Iskandar Malaysia: Perbandingan Pelaburan Komited dan Terlaksana (RM Bilion), 2010 – 2016  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

**Jadual 4.14** Perbandingan Jumlah Pelaburan Yang Dikomit Dengan Pelaburan Terlaksana Mengikut Sektor, 2006-2016

Pelaburan Yang Dikomitkan Mengikut Sektor, 2006 – 2016 (RM billion)				Pelaburan Terlaksana Hingga Disember 2016 (RM billion)
Pembuatan	57.38	Pembangunan Campuran	57.72	-
Logistik	6.30	Kediaman	44.43	-
Pelancongan	3.37	Industri	19.84	-
Kesihatan	3.16	Utiliti	12.97	-
Pendidikan	2.07	Kerajaan	9.84	-
Kewangan	1.84	Teknologi Baru	2.94	-
Kreatif	0.59	Jumlah	222.45	120.00

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)



**Rajah 4.8** Iskandar Malaysia: Pelaburan Komited Berkumpulan Mengikut Sektor, 2006 – 2016  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Berdasarkan Rajah 4.7 dapat disimpulkan bahawa sektor perkhidmatan yang digalakkan iaitu Pelancongan, Kesihatan, Pendidikan, Kreatif, Logistik, dan Perkhidmatan Kewangan, menerima pelaburan komited yang kukuh dari tahun 2010 hingga 2016. Sementara itu pelaburan sektor perkhidmatan telah berkembang daripada jumlah pelaburan komited terkumpul RM4.29 bilion pada 2006 kepada RM17.33 bilion pada 2016. Sektor-sektor logistik, pelancongan dan kesihatan adalah pemacu utama bagi pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan. Sektor pembuatan, iaitu sektor tradisional di Iskandar Malaysia kekal sebagai sektor kedua terbesar dengan


jumlah pelaburan komited terkumpul sejumlah RM57.38 bilion yang mewakili hampir 25.0% daripada jumlah RM222.44 bilion pelaburan komited terkumpul. Sektor hartanah (kediaman, perdagangan dan perindustrian) yang merupakan sektor yang disokong di Iskandar Malaysia, kini menjadi sektor terbesar di wilayah ini dari segi pelaburan dengan jumlah pelaburan komited terkumpul sejumlah RM121.99 bilion yang mewakili hampir 54.8% daripada jumlah pelaburan komited terkumpul. Pecahan pelaburan dalam sektor hartanah adalah; kediaman: RM44.43 bilion, komersial: RM57.72 bilion dan industri: RM19.84 bilion.



Pertumbuhan KDNK yang disasarkan yang akan dicapai menjelang 2025 memerlukan aliran dan pelaksanaan pelaburan secara berterusan. Untuk merealisasikan wawasan Iskandar Malaysia menjadi metropolis antarabangsa yang mantap dan lestari menjelang tahun 2025, wilayah ini dijangka menarik nilai pelaburan sejumlah RM383 bilion sehingga 2025.

Dengan mengambil kira jumlah pelaburan komited terkumpul semasa sebanyak RM222 bilion, Iskandar Malaysia memerlukan hanya sejumlah pelaburan baru yang bernilai RM161 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang untuk memenuhi sasaran pelaburannya; satu nilai yang tidak terlalu sukar untuk dicapai.


Kemungkinan Iskandar Malaysia dapat memenuhi sasaran pelaburan dengan aktiviti promosi agresif kepada bakal pelabur adalah besar. Ini adalah didasarkan kepada kelaziman kerjasama yang diperolehi oleh IRDA dengan agensi-agensi promosi lain seperti MIDA, JSIC dan lain-lain. Ini adalah selain daripada anjuran aktiviti promosi sendiri oleh IRDA yang menyasarkan negara-negara tertentu yang berminat untuk melabur seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat, antara lain. Walau bagaimanapun, faktor kritikal untuk memacu pertumbuhan terletak di atas pelaksanaan setiap pelaburan yang telah dikomitedkan supaya pelaburan-pelaburan ini dapat diterjemahkan menjadi aktiviti ekonomi dan pekerjaan dalam masa yang singkat.



**Rajah 4.9** Jumlah Terkumpul Nilai Pelaburan Domestik Dan Asing Yang Dikomited (RM Billion), 2010 - 2016  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA).



# 5



## **EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017**

*LAPORAN EKONOMI 2016/2017 NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM*



## PENGENALAN

Bab ini membincangkan unjuran prestasi ekonomi makro Negeri Johor bagi tahun 2017. Perbincangan dimulakan dengan membentangkan maklumat mengenai prestasi dan arah aliran (*trend*) ekonomi Malaysia secara ringkas. Ini akan diikuti oleh perbincangan mengenai arah aliran ekonomi beberapa kawasan negara maju, termasuk Amerika Syarikat (AS), kawasan Euro, China, dan Jepun. Maklumat ini adalah penting kerana prestasi ekonomi rantau-rantau tersebut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia yang amat terbuka.

Seperti di Bab 1, ukuran prestasi utama yang digunakan di dalam perbincangan ini ialah pertumbuhan KDNK. Ini dilengkapi dengan ukuran-ukuran arah aliran ekonomi secara berkategori (*categorical*); di antaranya, naik/ turun permintaan/ perbelanjaan domestik, naik/ turun permintaan/ perbelanjaan luar negeri, situasi-situasi pasaran perumahan, pasaran pekerja, pelaburan hartanah, peluang pekerjaan, dan beberapa ukuran lain.

## EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2017

Aktiviti ekonomi dunia diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih tinggi pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan permintaan domestik di beberapa negara maju dan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun. Ianya juga diasaskan kepada jangkaan bahawa aktiviti perdagangan di negara-negara ekonomi sedang pesat membangun akan pulih. Prospek ini disokong oleh jangkaan pengembangan fiskal di beberapa ekonomi utama serta jangkaan pemulihan harga komoditi. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi dunia secara keseluruhan masih tetap berhadapan dengan risiko berhadapan dengan kejutan-kejutan di luar jangkaan.

Permintaan dalam negeri di negara-negara maju dan negara-negara ekonomi sedang pesat membangun dijangka menerima rangsangan daripada rancangan pengembangan fiskal beberapa ekonomi utama seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Republik Rakyat China (RR China). Amerika

Syarikat dijangka mengurangkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan infrastruktur yang boleh merangsang perdagangan global. Kerajaan UK juga mengumumkan rancangan pengembangannya yang meliputi perbelanjaan yang lebih tinggi untuk infrastruktur dan perumahan, serta penambahan dana untuk inovasi, penyelidikan dan pembangunan. Langkah-langkah dasar sebegini yang menyokong pertumbuhan boleh merangsang semula permintaan daripada ekonomi maju, lantas memberi sokongan kepada permintaan global. Di samping itu, usaha berterusan RR China untuk mengimbangi semula pertumbuhan ekonominya yang bagi tujuan mencapai pertumbuhan sederhana secara beransur-ansur.

Selain itu, pemulihan harga komoditi utama seperti arang batu, keluli dan minyak mentah akan memberikan manfaat kepada pengeksport komoditi. Dalam pasaran arang batu dan keluli, RR China telah menyatakan kesediaannya untuk mengurangkan lebih kapasiti sebagai sebahagian daripada pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan. Anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) telah mengurangkan pengeluaran minyak mentah. Langkah ini melibatkan penggunaan inventori secara beransur-ansur dan mengurangkan lebih minyak mentah dunia.

Walaupun kesan positif daripada dasar pengembangan ekonomi utama akan meningkatkan pertumbuhan, masih wujud risiko yang akan menyebabkan pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Pertama, potensi ekonomi maju tidak lagi menyokong kuat globalisasi dan kemungkinan pengenalan dasar perlindungan perdagangan di AS boleh menjejaskan pemulihan perdagangan global yang sangat penting untuk mengekalkan persekitaran ekonomi global yang dinamik. Kedua, ketidakpastian mengenai tempoh serta hasil rundingan UK dan EU boleh menjejaskan sentimen perniagaan dan memberi kesan kepada aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Ketiga, pencapahan (*divergence*) dasar monetari antara AS dengan ekonomi maju lain akan lebih nyata pada 2017. Jangkaan ini akan mengubah gelagat pelabur. Khususnya, ia akan menyebabkan pelarasan yang berlebihan dalam pasaran mata wang dan menjejaskan kestabilan

aliran modal. Walaupun kadar faedah dijangka tidak akan meningkat dengan ketara, kerajaan dan syarikat yang mempunyai hutang yang tinggi akan menghadapi kesukaran membayar balik hutang. Hal ini memberikan implikasi susulan terhadap kestabilan kewangan. Seterusnya, risiko geopolitik berhubung dengan konflik dalam negeri, serangan pengganas dan pertikaian wilayah akan terus berlaku. Keadaan ini berisiko menjejaskan sentimen pasaran kewangan global dan melembapkan ekonomi.

## EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2017

Jangkaan prospek pertumbuhan positif ekonomi Malaysia bagi tahun 2017 adalah diasaskan kepada jangkaan bahawa ekonomi dunia akan bertambah baik dan pertumbuhan permintaan dalam negeri akan berterusan. Ekonomi Malaysia dianggarkan berkembang pada kadar 5.2 %-5.7% pada tahun 2017 (2016: 4.2%). Angka ini adalah lebih tinggi daripada anggaran awal pada kadar 4.3% - 4.8%. Pertumbuhan ekonomi dunia yang bertambah baik dijangka memberi kesan limpahan positif kepada ekonomi dalam negeri melalui saluran perdagangan, pelaburan dan pendapatan. Prestasi eksport Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dalam kalangan rakan perdagangan utama negara dan juga daripada pemulihan harga komoditi. Di dalam negeri, aktiviti pelaburan dijangka akan disokong oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport, terutamanya di dalam sektor pembuatan. Faktor ini, bersama-sama dengan pelaksanaan projek infrastruktur besar yang berterusan, dijangka terus menyokong aktiviti pelaburan.

Penggunaan swasta dijangka mampan disebabkan oleh pertumbuhan upah dan langkah-langkah sokongan pertumbuhan oleh Kerajaan. Kerajaan dijangka terus komited terhadap konsolidasi fiskal melalui penyusunan semula perbelanjaan awam mengikut keutamaan dan pengurangan perbelanjaan tidak kritikal. Sektor awam dijangka memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan melalui pelaburan awam yang berterusan.

Perubahan serentak di dalam pendirian dasar dijangka berlaku dalam persekitaran ekonomi dunia berikutan pentadbiran AS yang baharu dan perubahan dasar selepas referendum Brexit di UK. Dalam persekitaran ini, terdapat pelbagai implikasi yang berbeza-beza kepada ekonomi Malaysia. Khususnya, pendirian tentang perlindungan perdagangan di kalangan

negara-negara maju akan melembapkan prestasi perdagangan dunia. Kemungkinan terdapat perbezaan dasar monetari antara Amerika Syarikat dengan ekonomi utama lain dijangka membawa kepada keadaan pasaran kewangan yang lebih ketat dan tidak menentu, dengan turun naik yang ketara dalam aliran modal dan kadar pertukaran. Risiko luaran sedemikian mempunyai risiko untuk menjejaskan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia dan memberikan kesan negatif kepada sentimen dan keadaan pasaran pekerja. Selain itu, rintangan sedia ada dalam negeri yang terus dihadapi seperti kos sara hidup yang lebih tinggi dan sentimen yang lemah juga boleh melemahkan pertumbuhan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pembaharuan struktur dan langkah-langkah dasar awalan dijangka terus menyokong prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan.

### Sektor Luaran

Sektor luaran Malaysia dijangka kekal berdaya tahan walaupun ekonomi dunia terus tidak menentu. Secara keseluruhan, eksport barangan dan perkhidmatan bersih dijangka dapat menyokong pertumbuhan KDNK pada tahun 2017 berikutan pemulihan eksport secara beransur-ansur. Eksport dan import dijangka terus kukuh pada tahun 2017. Ini adalah didasarkan kepada unjuran pertumbuhan ekonomi dunia dan harga komoditi serta permintaan dalam negeri yang dijangka bertambah baik. Berdasarkan kepada jangkaan bahawa permintaan dalam negeri akan terus kukuh, pertumbuhan import dijangka terus mengatasi pertumbuhan eksport. Ini akan mengurangkan lebihan perdagangan. Prospek bagi perdagangan dan akaun semasa akan ditentukan oleh tiga faktor utama, iaitu keadaan permintaan global, harga komoditi dan permintaan dalam negeri.

### Permintaan global

Ekonomi dunia diramalkan bertambah baik pada tahun 2017, disokong oleh perkembangan permintaan dalam negeri di negara maju dan negara sedang pesat membangun. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan produk dan pasaran eksport yang pelbagai, Malaysia dijangka akan meraih manfaat daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik. Eksport kasar diunjurkan meningkat 5.5% pada tahun 2017 (2016: 1.1%), manakala import kasar diunjurkan meningkat 6.4% (2016: 1.9%). Eksport barangan perkilangan dijangka lebih kukuh. Eksport E&E dijangka akan didorong oleh pemulihan permintaan terhadap semikonduktor pada tahun



2017, terutamanya dalam segmen baharu seperti pasaran automotif, perindustrian dan penyimpanan di samping permintaan yang stabil untuk peranti tradisional seperti telefon pintar. Eksport bukan E&E juga dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan terhadap keluaran berasaskan sumber seperti oleokimia dan petrokimia. Seiring dengan kenaikan eksport perkilangan, import barangan pengantara, yang merupakan bahagian yang terbesar daripada import negara, dijangka terus meningkat.

Di sebalik jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia yang baik, terdapat juga risiko pertumbuhan menjadi perlahan. Unjuran peningkatan eksport berisiko terjejas jika prestasi pertumbuhan rakan perdagangan utama Malaysia menjadi lebih lemah daripada jangkaan. Selain itu, pendirian dasar ekonomi negara-negara maju yang memberi prioriti kepada ekonomi domestik yang diburukkan lagi oleh ketidakpastian keadaan politik dan dasar, boleh memberi kesan negative terhadap pertumbuhan dan perdagangan global.

### Harga komoditi

Harga komoditi diunjurkan pulih daripada paras rendah yang dicatat pada awal tahun 2016. Harga minyak mentah dijangka meningkat berikutan perjanjian oleh negara anggota OPEC dan beberapa pengeluar bukan OPEC lain untuk menghadkan bekalan. Selaras dengan perjanjian untuk mengurangkan pengeluaran, eksport minyak mentah Malaysia juga dijangka menurun dari segi isipadu, terutamanya pada separuh pertama tahun 2017. Unjuran ini dijangka berlaku meskipun terdapat tambahan pengeluaran daripada medan minyak baharu. Walau bagaimanapun, eksport kasar minyak mentah dijangka meningkat memandangkan kenaikan harga minyak mentah dijangka lebih daripada mengimbangi pertumbuhan lebih perlahan dalam jumlah yang dieksport. Eksport gas asli cecair (LNG) diunjur mencatat pertumbuhan positif disebabkan hasil pengeluaran yang lebih cepat daripada kapal-kapal gas terapung. Eksport minyak sawit mentah (MSM) juga dijangka meningkat berikutan kenaikan harga dan isipadu pengeluaran MSM, mencerminkan pemulihan daripada kesan cuaca buruk pada tahun 2016.

### Permintaan Dalam Negeri

Import modal dijangka meningkat lebih kukuh, mencerminkan aktiviti pelaburan dalam negeri yang berterusan, terutamanya dalam sektor pembuatan

dan perkhidmatan. Kenaikan harga minyak mentah juga, jika berlaku, akan menyebabkan peningkatan import barangan pengantara seperti bahan api dan pelincir. Import barangan penggunaan juga dijangka meningkat disebabkan terutamanya oleh peningkatan import makanan dan minuman. Defisit akaun perkhidmatan diramalkan lebih besar selaras dengan aktiviti perdagangan yang meningkat dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik. Import perkhidmatan dijangka akan terus disokong oleh import perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan lain, termasuk perkhidmatan perniagaan dan profesional.

Eksport perkhidmatan juga dijangka bertambah baik, disokong oleh lebihan akaun perjalanan yang lebih tinggi berikutan jangkaan peningkatan di dalam ketibaan dan perbelanjaan pelancong. Pertambahan liputan negara yang melayakkan pelancong dari RR China dan India untuk memohon e-Visa, serta usaha promosi besar-besaran yang menyasarkan industri pelancongan khusus seperti pelancongan perubatan dan sukan, dijangka menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia. Dalam akaun pendapatan, keuntungan daripada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka bertambah baik, kebanyakannya hasil daripada pendapatan syarikat-syarikat minyak dan gas yang lebih tinggi, yang menyumbang lebih satu pertiga kepada pendapatan pelaburan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, kenaikan ini mungkin diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan keuntungan pelabur langsung asing di Malaysia yang lebih tinggi. Pendapatan syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia diunjurkan meningkat disebabkan oleh pertumbuhan di dalam eksport perkilangan. Semua faktor ini akan mengakibatkan peningkatan di dalam defisit dalam akaun pendapatan primer. Akaun pendapatan sekunder dijangka terus berada dalam defisit, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengirisan wang ke luar negeri yang tidak diimbangi oleh pengirisan wang dari luar negara ke Malaysia.

### Situasi Harga

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat kepada purata antara 3.0% - 4.0% pada tahun 2017 (2016: 2.1%), mencerminkan kesan pindahan kenaikan harga minyak global ke atas harga runcit bahan api dalam negeri. Walau bagaimanapun, inflasi yang didorong oleh faktor kos ini dijangka tidak menyebabkan kesan limpahan yang besar kepada trend harga yang lebih meluas, memandangkan keadaan permintaan dalam negeri adalah stabil. Oleh itu, inflasi asas

dijangka hanya meningkat dengan sederhana. Harga minyak dunia yang diunjurkan lebih tinggi, bersama-sama dengan susut nilai dalam kadar pertukaran ringgit, dijangka akan menyebabkan kenaikan dalam harga runcit bahan api dalam negeri. Kenaikan harga bahan api daripada asas yang rendah, bersama-sama dengan bahagian perbelanjaan yang besar untuk bahan api dalam bakul penggunaan isi rumah Malaysia, dijangka akan memberikan kesan yang nyata terhadap inflasi keseluruhan pada tahun 2017. Selain faktor minyak, faktor kos global yang lain juga dijangka memberikan sedikit tekanan menaik kepada inflasi dalam negeri. Walaupun harga makanan dunia dijangka kekal rendah berikutan keadaan cuaca dan bekalan yang bertambah baik, prospek harga komoditi keseluruhan diunjurkan meningkat dengan sederhana pada tahun 2017, disokong oleh harga keluaran pertanian dan produk berasaskan logam yang lebih tinggi. Kadar inflasi rakan perdagangan utama Malaysia juga dijangka meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, kesan pindahan daripada faktor harga luaran ini kepada harga dalam negeri akan sedikit sebanyak dikurangkan kerana pengeluaran dan penggunaan dalam negeri yang mempunyai kandungan import

yang agak kecil. Kesan limpahan kepada harga dalam negeri juga dijangka sedikit, terutamanya kerana permintaan dalam negeri diunjurkan kekal stabil. Memandangkan keadaan permintaan dalam negeri adalah stabil, kesanggupan dan keupayaan firma untuk memindahkan kenaikan kos kepada pengguna dijangka agak terhad. Sumber tekanan inflasi dalam negeri juga dijangka dapat dibendung. Oleh itu, inflasi asas dijangka hanya meningkat dengan sederhana pada tahun 2017. Prospek inflasi, bagaimanapun, tertakluk pada tiga risiko utama. Pertama, inflasi keseluruhan mungkin mencatat purata lebih tinggi sekiranya harga minyak dunia meningkat melebihi jangkaan. Trend yang dijangkakan bagi inflasi keseluruhan dalam negeri akan bergantung pada trend harga minyak dunia yang sangat tidak menentu. Kedua, susut nilai dalam kadar pertukaran ringgit juga boleh menimbulkan kesan pindahan yang lebih besar terhadap harga dalam negeri lantas menyebabkan kadar inflasi keseluruhan menjadi lebih tinggi daripada unjuran awal. Faktor ketiga ialah kukuh pertumbuhan dalam negeri dan juga ekonomi rakan perdagangan utama Malaysia, yang boleh mewujudkan tekanan menaik atau menurun terhadap inflasi dalam negeri.

**Jadual 5.1** Petunjuk Utama Ekonomi Malaysia 2016 -2017

PETUNJUK	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2016*	2017**	
Penduduk ('000)	31,634	32,050	1.3%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	1,108,227	1,168,444	5.4%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	35,033	36,457	4.1%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	1,230,120	1,344,896	9.3%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	38,886	41,962	7.9%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	27,292	28,871	5.8%

Sumber: \*Laporan Ekonomi Malaysia 2015/2016, \*\*Unjuran UPEN Johor

### Pertumbuhan KDNK Malaysia Pada Tahun 2017

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia Malaysia diunjurkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di tahun 2017. Jumlah nilai ditambah negeri bagi tahun 2017 dianggarkan meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 5.4% pada harga malar 2010 (2016: 4.2%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 dianggarkan meningkat ke RM1,168,444 juta (2016: RM1,108,227 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM1,344,896 juta (2016: RM1,230,120 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM36,457

pada harga malar 2010 (2016: RM35,033), iaitu meningkat 4.1%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM41,962 (2016: RM38,886). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 5.8% ke USD28,871 (2016: USD27,292) (Sila rujuk Jadual 5.1). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM1,304,828 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM1,195,480). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM40,712 pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM37,791). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD28,011 (2016: USD26,523).




## EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

Cabaran ketidakpastian persekitaran ekonomi negara dan dunia dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prospek ekonomi Negeri Johor pada tahun 2017. Pertumbuhan ekonomi dunia yang terkesan oleh kelemahan di dalam harga minyak mentah dijangka mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negeri walaupun Negeri Johor sedang berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi cabaran ini. Ini disokong oleh kepelbagaian di dalam struktur ekonomi negeri dengan dibantu oleh asas-asas ekonomi negeri yang kukuh. Pertumbuhan ekonomi negeri dijangka diterajui oleh permintaan dalam negeri, walaupun keadaan harga yang lemah akan terus memberikan kesan kepada eksport komoditi, sumbangan eksport negeri kepada eksport negara dijangka disokong oleh pemulihan yang beransur-ansur dalam ekonomi negara-negara maju dan pertumbuhan berterusan dalam ekonomi serantau.

Secara keseluruhan, ekonomi Negeri Johor diunjurkan tumbuh sekitar 6.1% (2016: 5.7%). Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Permintaan dalam

negeri dijangka berkembang pada kadar yang sederhana apabila pengguna dan pelabur membuat penyesuaian terhadap persekitaran ekonomi yang sedikit sukar. Penggunaan swasta diunjurkan berkembang pada kadar yang sederhana, apabila pengguna membuat pelarasan perbelanjaan sebagai reaksi terhadap perubahan dalam harga. Persepsi negatif isirumah mengenai pasaran pekerja dan kewangan dijangka menyebabkan perbelanjaan isi rumah dipengaruhi oleh sikap berhati-hati. Walau bagaimanapun, kesan ini dijangka akan diimbangi oleh persepsi positif terhadap langkah-langkah Kerajaan yang menyasarkan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah.

Dalam persekitaran ketidakpastian yang berterusan dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, pertumbuhan pelaburan swasta dijangka menjadi sedikit perlahan berbanding dengan prestasinya sepanjang 5 tahun yang lalu, apabila ia mencatat pertumbuhan sekitar 12.0%. Pada waktu yang sama perbelanjaan modal sektor swasta dijangka meningkat, walaupun perlahan hasil pelaburan di dalam projek-projek pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, terutama di kawasan Iskandar Malaysia dan Pengerang.



**Rajah 5.1** Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Negeri Johor (RM Juta): 2016 - 2017

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

**Jadual 5.2** Ringkasan Anggaran Prestasi Ekonomi Johor dalam Tahun 2016 dan 2017

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan %
	2016	2017	
Penduduk ('000)	3,592	3,631	1.1%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	104,481	110,903	6.1%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	29,087	30,547	5.0%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	115,973	127,651	10.1%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	32,286	35,160	8.9%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli) (USD)	22,660	24,191	6.8%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

### Unjuran KDNK Negeri Johor Di Tahun 2017

Ekonomi Negeri Johor diunjurkan merekod pertumbuhan yang lebih tinggi daripada tahun 2016 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2017 diunjurkan tumbuh 6.1% pada harga malar 2010 (2016: 5.7%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 diunjurkan meningkat ke 110,903 juta (2016: RM104,481 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM127,651

juta (2016: 115,973 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM30,547 pada harga malar 2010 (2016: RM29,087), iaitu meningkat 5.0%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita diunjurkan meningkat ke RM35,160 (2016: RM32,286). Ini dijangka membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli diunjurkan meningkat 6.8% ke USD24,191 (2016: USD22,660) (Sila rujuk Jadual 5.2).

**Jadual 5.3** Unjuran Nilai-Nilai Ditambah Pengeluaran Ekonomi Johor bagi Tahun 2016 pada Harga Malar 2010

	NILAI DITAMBAH (RM JUTA)		PERTUMBUHAN (%)
	2016	2017	
<b>Sektor Utama</b>	<b>14,539</b>	<b>14,767</b>	<b>1.6%</b>
Pertanian	14,056	14,211	1.1%
Perlombongan dan Pengkuarian	483	556	15.1%
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>39,130</b>	<b>42,359</b>	<b>8.3%</b>
Pembuatan	32,020	33,749	5.4%
Pembinaan	7,110	8,610	21.1%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>49,239</b>	<b>51,874</b>	<b>5.4%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	12,768	13,521	5.9%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	13,148	14,145	7.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,203	10,458	2.5%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,411	4,623	4.8%
Perkhidmatan Kerajaan	8,709	9,127	4.8%
campur Duti import	1,573	1,903	21.0%
KDNK pada Harga Pembeli (2000=100)	104,481	110,903	6.1%
Jumlah Penduduk ('000)	3,592	3,631	1.1%
KDNK Per Kapita (RM)	29,087	30,547	5.0%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

### Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri

Semua sektor pengeluaran ekonomi Negeri Johor diunjurkan mencatat pertumbuhan positif di dalam nilai ditambah di tahun 2017. Perbandingan nilai-nilai ditambah bagi Sektor Utama, Sektor Industri

dan Sektor Perkhidmatan dipamerkan sebagai Rajah 5.1. Nilai-nilai ditambah serta kadar pertumbuhan mengikut sektor dan subsektor pengeluaran dipamerkan sebagai Jadual 5.3. Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran diunjurkan mencatatkan peningkatan nilai ditambah sebanyak 7.6% (2016: 6.2%). Sektor-sektor lain juga diunjurkan turut



mencatatkan peningkatan di dalam nilai ditambah pada harga malar, iaitu, sektor Pembuatan (5.4%) (2016: 5.5%), sektor Perlombongan Dan Pengkuarian (15.1%) (2016: 19.3%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (5.9%) (2016: 9.0%), sektor Kewangan, Insurans, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan (2.5%) (2016: 2.6%), Pembinaan (21.1%) (2016: 24.0%), sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain (4.8%) (2016: 5.7%) serta sektor Perkhidmatan Kerajaan (4.8%)(2016: 4.7%).

### Prospek Sektor Pembinaan Negeri Johor Di Tahun 2017

Walaupun aktiviti pembinaan Negeri Johor pada tahun 2016 agak perlahan sedikit tetapi prospek pembinaan untuk tahun 2017 dijangka memberangsangkan, dengan disokong dua projek mega iaitu Forest City dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Kedua-dua projek ini akan menjadi penyumbang utama kepada sektor pembinaan dan kemampuan ekonomi Negeri Johor.

Selain itu, dalam bajet Johor 2017, beberapa inisiatif akan dilakukan untuk menyusun semula kawasan kediaman dan menambahbaik polisi serta pembangunan hartanah di Johor:

- Pembangunan semula kawasan setinggan dengan mengambil alih tanah di Kem Tebrau seluas 330 ekar dengan kos RM 328.75 juta. Sebahagian daripada tanah akan diberi hak milik Rizab Melayu (32 ekar) dan selebihnya akan dibina unit rumah Komuniti A, Komuniti B dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ).
- Pembukaan kawasan Pembangunan dan Perumahan Baharu. Projek pertama di Sungai Papan, iaitu melibatkan tanah seluas 7,900 ekar akan diberi tumpuan kepada konsep eko-pembangunan terdiri daripada rumah, perdagangan, perindustrian, pendidikan dan penyelidikan. Projek ini mensasarkan penjana 95,000 peluang pekerjaan dan 60,000 unit rumah. Projek kedua di Kledang melibatkan tanah seluas 1,500 ekar dengan sasaran pembinaan sebanyak 6,000 unit RMMJ.
- Pembinaan perumahan pekerja bahagian perladangan. Membina 908 unit rumah pekerja bahagian ladang di Kota Tinggi.

- Membina sebanyak 2877 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia di Mersing, Kluang, Tangkak, Muar dan Batu Pahat.
- Memberi subsidi pembinaan rumah di atas tanah sendiri untuk 200 unit bagi tahun 2017 di bawah program mesra rakyat Johor
- Pembinaan pelbagai jenis perumahan sebanyak 2647 unit oleh GLC, iaitu Perbadanan Islam Johor Holdings, KPRJ dan Johor Corporation.
- Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) akan membina 21,540 unit rumah di Johor untuk menampung keperluan golongan berpendapatan sederhana. Semua unit akan ditawarkan pada harga di antara RM150,000 hingga RM350,000.
- Kerajaan Negeri memperuntukkan RM20 juta untuk membeli rumah mampu milik berharga di antara RM42,000 hingga RM80,000 dan seterusnya menawarkan kepada mereka yang layak melalui Skim Sewa Beli.

Di subsektor komersil, beberapa projek pembangunan berterusan dan dalam perancangan dijangka akan meningkatkan permintaan dan penawaran hartanah di Negeri Johor, termasuk projek Capital 21 Festival Mall, di kawasan Perindustrian Tampoi, Pembangunan The Compass, Zon B, Medini Iskandar dan IKEA Tebrau.

Dari segi infrastruktur, beberapa projek pembangunan infrastruktur pengangkutan awam akan dilaksanakan. Antaranya, projek pengangkutan Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) bernilai RM1 billion dengan peruntukan awal daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM50 juta untuk tahun 2017. Menaiktaraf perhentian bas, tempat letak kereta dan laluan pejalan kaki dengan peruntukan sebanyak RM6.1 juta.


Projek infrastruktur lain termasuklah pembinaan dan penaiktarafan ruang perniagaan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM24.6 juta, pembinaan dan penaiktarafan taman rekreasi dan riadah dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM45.6 juta, dan pembinaan dan penambahbaikan bangunan pejabat dan dewan dengan peruntukan sebanyak RM87.9 juta.

Semua pembangunan yang dicadangkan dan yang sedang dalam pelaksanaan akan memberangsangkan pembangunan sektor pembinaan dan dijangka akan memacu ekonomi serta pasaran harta Negeri Johor.

**Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Negeri**

Peratus sumbangan terbesar kepada KDNK Negeri Johor untuk tahun 2017 dicatatkan oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan diunjurkan

sebanyak 47.7% (2016: 47.8%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Industri dan Sektor Utama ialah, masing-masing, 38.9% dan 13.4% (2016: 38.1%, 14.1%) (Rujuk Rajah 5.2 dan Jadual 5.4).



**Rajah 5.2** Perbandingan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Negeri Johor: 2016 - 2017

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

**Jadual 5.4** Negeri Johor: Sumbangan Nilai Ditambah Mengikut Sektor Ekonomi bagi Tahun 2016 dan 2017

SEKTOR	Nilai Ditambah (RM Juta) (2010=100)		Sumbangan (%)	
	2016	2017	2016	2017
<b>SEKTOR UTAMA</b>	<b>14,539</b>	<b>14,767</b>	<b>13.9%</b>	<b>13.3%</b>
Pertanian	14,056	14,211	13.5%	12.8%
Perlombongan & Kuari	483	556	0.5%	0.5%
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>39,130</b>	<b>42,359</b>	<b>37.5%</b>	<b>38.2%</b>
Pembuatan	32,020	33,749	30.6%	30.4%
Pembinaan	7,110	8,610	6.8%	7.8%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>49,239</b>	<b>51,874</b>	<b>47.1%</b>	<b>46.8%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	12,768	13,521	12.2%	12.2%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	13,148	14,145	12.6%	12.8%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,203	10,458	9.8%	9.4%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,411	4,623	4.2%	4.2%
Perkhidmatan Kerajaan	8,709	9,127	8.3%	8.2%


Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

**EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2017**

Pertumbuhan KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2017 diunjurkan sederhana. Tiada sektor ekonomi yang diunjur mencatatkan kemerosotan di dalam nilai ditambah. Empat (4) sektor pengeluaran wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi 5.0%, iaitu sektor Pembuatan, sektor Pembinaan, sektor Utiliti, Pengangkutan,

Penyimpanan & Komunikasi serta sektor Perdagangan Borong & Runcit. Empat sektor ini menyumbang 74.5% kepada KDNK Iskandar Malaysia. Selain itu sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan juga membantu pertumbuhan di tahun 2017 dengan tumbuh 2.5% (2016: 2.6%) manakala sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Sektor Perkhidmatan Kerajaan, masing-masing berkembang pada kadar 4.8% dan 4.8% dengan peratus sumbangan yang berjumlah 12.5% (Rujuk Jadual 5.6).





**Rajah 5.3** Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia (RM Juta): 2016 - 2017  
 Sumber : Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) wilayah Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2010 untuk keseluruhan tahun 2017 diunjurkan tumbuh 6.6%. Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 diunjurkan meningkat ke RM74,867 juta dalam harga malar 2010 (2016: RM70,215 juta). Ini diunjur menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM35,856 juta pada harga malar 2010 (2016: RM34,838), iaitu meningkat 2.9%. Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli diunjurkan meningkat 4.6% ke RM28,395 (2016: USD27,140). Unjuran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM83,606 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM75,743). Ini diunjur menghasilkan GNI per kapita bernilai RM40,041 pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM37,581). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita diunjurkan bernilai RM27,549 (2016: USD26,376).

**Jadual 5.5** Indikator Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2017


UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2016	2017	
Penduduk ('000)	2,015	2,088	3.6%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	70,215	74,867	6.6%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	34,838	35,856	2.9%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	77,937	86,173	10.6%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	38,670	41,271	6.7%
KDNK per kapita (Pariti Kuasa Beli)	27,140	28,395	4.6%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

### Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Iskandar Malaysia kepada KDNK

Peratus sumbangan terbesar kepada KDNK Iskandar Malaysia untuk tahun 2017 dijangka dicatatkan oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan diunjurkan

sebanyak 53.9% (2016: 54.5%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Industri ialah 46.1% (2016: 45.5%) (Rujuk Rajah 5.3, Rajah 5.4 dan Jadual 5.7).



**Rajah 5.4** Perbandingan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Wilayah Iskandar Malaysia: 2016 - 2017

Sumber : Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**Jadual 5.6** Wilayah Iskandar Malaysia: Unjuran Nilai-Nilai Ditambah Pengeluaran Ekonomi bagi Tahun 2017 pada Harga Malar 2010

SEKTOR	Nilai Ditambah (RM Juta) (2010=100)		Pertumbuhan (%)	
	2016	2017	2016	2017
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>31,429</b>	<b>33,963</b>	<b>8.3%</b>	<b>8.1%</b>
Pembuatan	26,097	27,506	5.6%	5.4%
Pembinaan	5,332	6,457	24.0%	21.1%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>37,674</b>	<b>39,650</b>	<b>6.3%</b>	<b>5.2%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	9,656	10,226	9.8%	5.9%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	9,933	10,686	6.2%	7.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,322	9,555	2.6%	2.5%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	3,433	3,598	7.0%	4.8%
Perkhidmatan Kerajaan	5,330	5,586	6.4%	4.8%
campur Duti import	1,112	1,254	16.0%	12.8%
KDNK pada Harga Pembeli (2000=100)	<b>70,215</b>	<b>74,867</b>	<b>7.3%</b>	<b>6.6%</b>
Jumlah Penduduk ('000)	2,015	2,088	3.6%	3.6%
KDNK Per Kapita (RM)	<b>34,838</b>	<b>35,856</b>	<b>3.6%</b>	<b>2.9%</b>

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

**Jadual 5.7** Wilayah Iskandar Malaysia: Unjuran Sumbangan Nilai Ditambah Mengikut Sektor Ekonomi bagi Tahun 2016 dan 2017

SEKTOR	Nilai Ditambah (RM Juta) (2010=100)		Sumbangan (%)	
	2016	2017	2016	2017
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>31,429</b>	<b>33,963</b>	<b>45.5%</b>	<b>46.1%</b>
Pembuatan	26,097	27,506	37.8%	37.4%
Pembinaan	5,332	6,457	7.7%	8.8%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>37,674</b>	<b>39,650</b>	<b>54.5%</b>	<b>53.9%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	9,656	10,226	14.0%	13.9%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	9,933	10,686	14.4%	14.5%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,322	9,555	13.5%	13.0%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	3,433	3,598	5.0%	4.9%
Perkhidmatan Kerajaan	5,330	5,586	7.7%	7.6%


Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

## TINJAUAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DALAM 10 TAHUN KE HADAPAN

Di bawah Rancangan Pembangunan Komprehensif (CDPii), KDNK Iskandar Malaysia telah diunjurkan meningkat daripada RM52.1 bilion pada tahun 2013 kepada RM120.4 bilion pada tahun 2025 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.3% bagi tempoh 12 tahun tersebut. Khususnya, bagi tempoh 2013-2015, KDNK Iskandar Malaysia diunjurkan

untuk mengalami pertumbuhan pada kadar purata sebanyak 7.2% berikutan momentum pelaburan pada tahun 2011 dan 2013 serta pelaburan yang direalisasikan untuk tempoh yang sama. Momentum pertumbuhan KDNK dijangka terus meningkat dan berkembang pada kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.5% diantara tahun 2016 dan 2020 dan 7.7% di antara tahun 2021 dan 2025.





**Rajah 5.5** Unjuran KDNK Iskandar Malaysia (RM Juta) Bagi Tahun 2013 - 2025

Sumber : Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Kadar pertumbuhan KDNK yang diramalkan untuk Iskandar Malaysia di bawah CDPii telah didasarkan kepada senario pertumbuhan yang ditetapkan dalam CDP 2006-2025 dan senario pertumbuhan kemungkinan besar (*most likely*) Johor berdasarkan prestasi sektor ekonomi dari 2010 hingga 2013

**Jadual 5.8** Perbandingan Unjuran Ekonomi Negeri Johor Dan Wilayah Iskandar Malaysia, 2013 - 2025

	Nilai Bagi Tahun		
	2013 - 2015	2016 - 2020	2021 - 2025
Johor	5.8	5.9	6.3
Iskandar Malaysia	7.2	7.5	7.7

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

(tempoh dalam mana kajian semula CDP yang menghasilkan CDPii telah dijalankan). Pencapaian sebenar pertumbuhan KDNK purata dari 2013 - 2015 pada kadar 6.9% (rujuk Rajah 4.1) adalah hampir dengan kadar pertumbuhan sasaran, iaitu 7.2%.

**Jadual 5.9** Perbandingan KDNK Per Kapita Di Antarai Malaysia, Negeri Johor dan Wilayah Iskandar Malaysia, 2014 - 2015

	KDNK Per Kapita (RM)					
	Iskandar Malaysia		Johor		Malaysia	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
KDNK Per Kapita (2010=100)	32,791	33,634	26,645	27,825	33,091	34,288
KDNK Per Kapita (Harga Semasa)	33,493	37,044	29,118	30,276	36,161	37,332

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa walaupun pertumbuhan KDNK yang kukuh, KDNK per kapita Iskandar Malaysia belum melintasi tahap KDNK Malaysia walaupun ia bergerak ke arah itu.

**Jadual 5.10** Perbandingan KDNK Per Kapita Di Antara Wilayah Iskandar Malaysia dan Negeri-Negeri Terpilih, 2015

KDNK Per Kapita Pada Harga Semasa (RM)			
Kuala Lumpur	Labuan	P. Pinang	Sarawak
94,722	58,577	44,847	44,012

KDNK Per Kapita Pada Harga Semasa (RM)			
Selangor	Melaka	Johor	Iskandar Malaysia
42,611	39,699	30,276	37,044

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Dari aspek sumbangan sektor, di dalam CDPii, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK Iskandar Malaysia diunjurkan meningkat daripada 58.0% pada tahun 2010 kepada 60.0% pada tahun 2025 manakala sumbangan sektor pembuatan dijangka berkurangan daripada 42.0% kepada 40.0%.


## UNJURAN TABURAN TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

Jumlah Penduduk Negeri Johor pada tahun 2017 dijangka meningkat menjadi 3.7 juta orang daripada 3.66 juta pada tahun 2016. Sehubungan dengan itu, bilangan tenaga buruh yang bekerja pada tahun 2017 di Negeri Johor juga meningkat dan diunjurkan meningkat kepada 1.627 juta daripada 1.580 juta pada tahun 2016. Unjuran peningkatan yang marginal ini adalah diasaskan kepada jangkaan

kasar imbangan bersih hasil dari siasatan Jabatan Perangkaan Malaysia ke atas industri di beberapa sektor ekonomi pada setiap suku tahun 2016 dan suku tahun pertama dan kedua tahun 2017.

Hasil dari siasatan didapati bahawa hampir kesemua sektorekonomi,kecualisektorperdaganganruncitdan perlombongan, mempercayai bahawa untuk masa mendatang iaitu pada tahun 2017 keperluan tenaga

pekerja akan bertambah dengan kata lain sektor-sektor ekonomi tersesebut akan menambah bilangan pekerja sebagai strategi memenuhi pertambahan permintaan barangan dan perkhidmatan. Di antara sektor yang bakal menambah bilangan pekerja ialah sektor hotel dan penginapan, sektor komunikasi, sektor teknologi maklumat dan komunikasi, pengangkutan dan kewangan. Pecahan Imbangan Bersih bagi setiap sektor digambarkan pada Rajah 5.5.



**Rajah 5.6** Imbangan Bersih Berkaitan Keperluan Pekerja Negeri Johor 2017.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 5.11** Anggaran Tenaga Buruh Negeri Johor Mengikut Sektor, 2016 dan 2017

SEKTOR	2016		2017	
	Bilangan	%	Bilangan	%
<b>Sektor Utama</b>	<b>109.5</b>	<b>9.1%</b>	<b>136.9</b>	<b>8.4%</b>
Pertanian, Perikanan, Haiwan dan Perhutanan	101.7	8.8%	129	7.9%
Perlombongan dan Kuari	7.8	0.3%	7.9	0.5%
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>556.0</b>	<b>34.6%</b>	<b>561.8</b>	<b>34.5%</b>
Pembuatan	429.5	25.1%	431.8	26.5%
Pembinaan	126.5	9.5%	130	8.0%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>915.1</b>	<b>56.3%</b>	<b>929.0</b>	<b>57.1%</b>
Utiliti ( Elektrik, Gas dan Air)	16.8	1.0%	17.0	1.0%
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoren	401.7	24.8%	410.0	25.2%
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	87.2	5.9%	89.0	5.5%
Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	67.1	4.6%	68.0	4.2%
Perkhidmatan Awam dan Sosial	342.3	19.9%	345.0	21.2%
<b>Jumlah Penduduk Bekerja ( 15-64)</b>	<b>1580.6</b>		<b>1627.1</b>	
<b>Kadar Pengangguran</b>	<b>3.6%</b>		<b>3.1%</b>	



**Kadar Pengangguran** dijangka akan berada di dalam keadaan stabil iaitu pada sekitar 3.1%. Situasi ini, mencerminkan keadaan di Negeri Johor yang diunjurkan mengalami gunatenaga penuh, selepas mengalami kadar pengangguran yang secara perbandingannya adalah tinggi sedikit pada tahun 2015 dan 2016.

Pada tahun 2017, seperti di tahun-tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh yang bekerja di dalam **Sektor Utama** adalah paling kecil apabila menguncup 0.7 mata berbanding tahun 2016, walaupun mengalami peningkatan bilangan secara fizikal di dalam sektor kecilpertanian dan sektor kecil perlombongan dan kuari. Sektor kecil pengkuarian lebih meyerlah daripada sektor perlombongan di dalam penyediaan tenaga kerja terutama di Negeri Johor. Sektor ini diunjurkan menyumbang 8.4% kepada keseluruhan bilangan tenaga buruh yang bekerja di Negeri Johor pada tahun 2017 (2016:9.1%). Peningkatan di sektor kecil pengkuarian yang secara tidak langsung mendapat manfaat daripada keaktifan aktiviti pembinaan di kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan Kerja kerja pembangunan di sekitar Wilayah Iskandar Malaysia.

Sumbangan **Sektor Perindustrian** kepada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor diunjurkan stabil. Jumlah tenaga kerja yang bekerja di sektor pembuatan dan pembinaan diunjurkan peningkatan pada tahun 2017 berbanding 2016. Sektor pembuatan merupakan

salah satu penyumbang utama kepada tenaga kerja Negeri Johor, iaitu sebanyak 26.5% daripada keseluruhan tenaga kerja negeri (2016: 25.1%). Ia disokong oleh bilangan pertubuhan yang berdaftar di negeri Johor sebanyak 8,046 buah pertubuhan pada tahun 2015 (2010: 5,181 buah). Keaktifan sektor pembuatan dan pembinaan banyak tertumpu di Wilayah Iskandar Malaysia, kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan kawasan Hub Pendidikan Pagoh Muar.

**Sektor Perkhidmatan** terus menjadi penyumbang utama kepada tenaga buruh Negeri Johor. Adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2017 penyertaan tenaga buruh di dalam sektor ini meningkat kepada 929.0 ribu daripada 915.1 ribu pada tahun 2016. Sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran menjadi penyumbang utama tenaga buruh di dalam sektor perkhidmatan walaupun sektor kecil perdagangan runcit tidak menampakkan perubahan yang besar dari segi keperluan tambahan bilangan tenaga kerja. Sektor awam dan sosial pula merupakan penyumbang yang kedua terbesar. Adalah diunjurkan kedua-dua sektor kecil ini menyumbang 46.4% (2014:4.7%) dari keseluruhan tenaga buruh di Negeri Johor (Sila rujuk Jadual 4.8). Perbandingan sumbangan mengikut sektor menunjukkan bahawa penyumbang utama ialah sektor pembuatan (26.5%), perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran (25.2%) dengan diikuti oleh sektor perkhidmatan awam dan sosial (21.2%).